MEMPERKASAKAN RAKYAT MENJANA SEMULA EKONOMI




NCER MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2020

ISI KANDUNGAN

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

Muka Surat 62



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Muka Surat 96



LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Muka Surat 146



WARGA KERJA NCIA

Muka Surat 174



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Muka Surat 180



Muka Surat 02 - 13

02 PERUTUSAN YAB PERDANA MENTERI DAN PENGERUSI PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

04 AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (2020)

06 PENGURUSAN NCIA

08 LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Muka Surat 14 - 21

14 MENGENAI NCER DAN NCIA

15 STRUKTUR ORGANISASI NCIA

16 TADBIR URUS NCIA

18 MERAPATKAN JURANG KETIDAKSEIMBANGAN WILAYAH

19 PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2020

Muka Surat 22 - 36

22 PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025) & DOKUMEN STRATEGI, PROJEK DAN PROGRAM MITIGASI IMPAK COVID-19

31 KAJIAN LAPANGAN IMPAK COVID-19 TERHADAP RAKYAT & KOMUNITI PERNIAGAAN NCER

Muka Surat 37 - 145

37 MEMASTIKAN AGENDA KE ARAH PEMBANGUNAN LESTARI DI NCER

38 PERISTIWA PENTING 2020

49 KALENDAR AKTIVITI 2020

58 NCER DI MEDIA

62 LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

96 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Muka Surat 146- 224

146 LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

172 PROJEK-PROJEK NCER MENGIKUT NEGERI

174 WARGA KERJA NCIA

180 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

RASIONAL MUKA HADAPAN

Reka bentuk muka hadapan Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2020 mencerminkan pencapaian wilayah ini dalam suasana norma baharu susulan pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020.

Imej yang dipaparkan mengetengahkan para pemegang taruh utama di wilayah ini, iaitu rakyat dari segenap lapisan masyarakat yang merupakan tunjang utama pembangunan NCER, serta projek-projek infrastruktur strategik dan pelaburan yang menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi wilayah.

Dengan berpandukan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rangka Kerja Strategik untuk Menangani Impak COVID-19, NCIA akan terus melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi di NCER demi kesejahteraan rakyat, selaras dengan aspirasi Kerajaan seperti yang dizahirkan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, serta Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

MEMPERKASAKAN RAKYAT, MENJANA SEMULA EKONOMI

RASIONAL TEMA LAPORAN TAHUNAN NCER 2020

Tema "Memperkasakan Rakyat, Menjana Semula Ekonomi" telah dipilih untuk Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2020 selaras dengan usaha Kerajaan untuk memulih dan membangunkan semula ekonomi wilayah ini yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Dalam menangani impak COVID-19 di NCER, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah bertindak balas pantas dengan menyediakan rangka kerja strategik pembangunan semula wilayah, serta melaksanakan program-program intervensi agar rakyat dan komuniti perniagaan di NCER berupaya bangkit kembali untuk memperkasakan diri serta menjana semula ekonomi.

Untuk tahun-tahun mendatang, program-program strategik pemulihan ekonomi akan diteruskan di wilayah ini bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu untuk rakyat, serta mengurangkan tahap kemiskinan dan membantu meringankan kos sara hidup mereka. Insentif-insentif pelaburan yang menarik juga akan terus ditawarkan agar NCER mampu menarik lebih ramai para pelabur dari dalam dan luar negeri, sekaligus mewujudkan kesan limpahan ekonomi yang positif untuk rakyat di wilayah ini.

PERUTUSAN YAB PERDANA MENTERI DAN PENGERUSI PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)



YAB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yasin
Perdana Menteri Malaysia

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sekali lagi membuktikan kebingkasan dan daya saingnya pada tahun berakhir 31 Disember 2020 di kala dunia dan negara berdepan dengan pandemik global COVID-19 yang telah meninggalkan impak mendalam terhadap landskap sosioekonomi.

Selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), saya amat berbangga dengan **tindak balas pantas NCIA** dalam menangani kesan pandemik COVID-19 di NCER, khususnya di kalangan rakyat dan komuniti perniagaan. Hasil usaha mitigasi yang dilaksanakan, impaknya kini telah dapat dilihat dari segi meringankan bebanan rakyat yang terkesan, terutamanya di kalangan **kumpulan B40**, serta menyokong **golongan peniaga dan pelabur** dalam memastikan kelangsungan operasi mereka.

Kejayaan NCIA dalam menyahut cabaran Kerajaan untuk merangka program-program strategik bagi mempercepatkan usaha pembangunan dan penjanaan semula ekonomi di NCER pada tempoh yang serba mencabar sememangnya amat dialu-alukan. Ini dapat dilihat melalui tindakan proaktif pihak NCIA dalam melancarkan **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** dan **Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19**, yang merupakan salah satu pencapaian terpenting NCER pada tahun 2020.

Pada tahun yang sama, NCIA turut melancarkan program-program berbentuk "fast track" seperti **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** di bawah pakej stimulus **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** bagi memastikan impak pandemik dapat ditangani dengan secepat mungkin demi kesejahteraan rakyat. Program-program tersebut, bersama-sama dengan program-program modal insan NCER yang lain, telah memberi manfaat kepada hampir **25,000 rakyat dan komuniti usahawan di NCER** bagi menangani impak pandemik kepada golongan sasar.

Justeru, tema "**Memperkasakan Rakyat, Menjana Semula Ekonomi**" untuk laporan tahunan NCER bagi tahun 2020 ini sememangnya amat bertepatan dengan usaha dan hala tuju NCER ke arah mencapai Pertumbuhan Dengan Ekuiti dalam era pasca COVID-19.

Dari segi **pelaburan**, tahun 2020 mencatatkan satu lagi pencapaian penting buat NCER apabila ia berjaya menarik **pelaburan berjumlah RM15.6 bilion**, iaitu melepasi sasaran asalnya sebanyak RM7 bilion, yang akan mewujudkan lebih daripada **22,000 peluang pekerjaan**. Walaupun negara berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 di mana pergerakan fizikal serta aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) agak terkesan, **pelaburan swasta dari syarikat-syarikat tempatan** terutamanya dalam bidang **semikonduktor elektronik** serta **peranti perubatan dan sarung tangan** telah melonjak di NCER, sekaligus membantu NCER melangkaui sasaran pelaburannya. Syarikat-syarikat ini juga telah menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan susulan pandemik tersebut.

Dari segi pelaksanaan projek, beberapa **projek strategik dan berimpak tinggi** telah dirancang dan kini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di wilayah ini. Antara projek-projek tersebut ialah Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Kedah Rubber City (KRC), Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), NCER Technology Innovation Centre (NTIC), Northern Corridor Highway (NCH), SilverValley Technology Park (SVTP) dan Pulau Bebas Cukai Pangkor.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri NCER, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, dan juga semua agensi pelaksana yang terlibat atas segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek NCER.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan semua lapisan pegawai NCIA atas dedikasi, komitmen dan kerja keras mereka dalam menjayakan agenda pembangunan di NCER, terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19 yang mencabar ini.



YAB Perdana Menteri meninjau pameran produk yang dihasilkan oleh peserta program entrepreneurNCER di Pulau Pangkor

Kerajaan Persekutuan terus komited dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek dan program-program di NCER demi memastikan kelangsungan ekonomi di peringkat wilayah dan negara.

Kerajaan juga mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh koridor-koridor ekonomi negara, termasuklah NCER, dalam mewujudkan kemajuan ekonomi yang seimbang di Malaysia. Berdasarkan prestasi yang ditunjukkan sehingga kini, saya yakin NCER akan terus berjaya dalam usahanya untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang saksama dan inklusif untuk rakyat.



Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yasin



YAB Perdana Menteri melawat kilang pemprosesan hasil laut milik peserta program entrepreneurNCER di Pulau Pangkor

AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (2020)



YAB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASIN
Perdana Menteri Malaysia (Pengerusi)



YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan



YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)



YBHG. TAN SRI DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara



YAB DATO' SERI AZLAN BIN MAN
Menteri Besar Perlis



YAB HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR
Menteri Besar Kedah



YAB TUAN CHOW KON YEOW
Ketua Menteri Pulau Pinang




YAB DATO' SAARANI MOHAMAD
Menteri Besar Perak



YBHG. TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI
Wakil Sektor Swasta



YM TENGKU MUHAMMAD TAUFIK TENGKU KAMADJAJA AZIZ
Wakil Sektor Swasta



YBHG. DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE JOHN
Setiausaha: Ketua Eksekutif NCIA

JAWATANKUASA AUDIT

PENGERUSI	AHLI
YM TENGKU MUHAMMAD TAUFIK TENGKU BIN KAMADJAJA AZIZ (Wakil Sektor Swasta)	YBHG. TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI (Wakil Sektor Swasta) YBHG. DATO' AHMAD ZAMRI BIN KHAIRUDDIN (Wakil dari EPU, Jabatan Perdana Menteri) YBRS. ENCIK FARITHAL BIN SAHARI (Wakil dari Kementerian Kewangan)

PENGURUSAN NCIA























1 **YBHG. DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE JOHN**
Ketua Eksekutif

2 **EN. HASRI A. HASAN**
Ketua Pegawai Operasi

3 **EN. MOHAMAD HARIS KADER SULTAN**
Ketua Pegawai Kewangan

4 **EN. ZUHAIRI MOHMAD**
Pengarah Kanan, Perkhidmatan Korporat

5 **EN. FAJAFFRI MOHD FADZIL**
Pengarah Kanan, Pelaburan

6 **DATIN SHAHDEE DATO' AHMAD**
Ketua, Sekretariat & Modal Insan

7 **EN. MOHD. SHUHAIMI MOHD NOR**
Ketua, Pengurusan Risiko Perniagaan

8 **EN. ARMIY RAIS AHMAD SHARIFUDDIN**
Penasihat Undang-undang

9 **EN. KHAIRUL ANUAR ABDULLAH**
Ketua, Unit Audit Dalaman

10 **YM RAJA DATO' ZAMILIA RAJA DATO' SERI MANSUR**
Ketua, Unit Komunikasi Korporat

11 **EN. MUHAMMAD FAZLULLAH ABDUL AZIZ**
Ketua, Pelaksanaan Projek

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF



Selaku Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), saya dengan sukacitanya membentangkan laporan pelaksanaan projek dan pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John
Ketua Eksekutif NCIA

Tahun 2020 mencatatkan sejarah yang amat penting buat NCER apabila ia berjaya membuktikan ketahanannya sebagai sebuah wilayah ekonomi dan destinasi pelaburan yang berdaya saing di tengah-tengah kemelut pandemik COVID-19 yang telah merubah landskap sosioekonomi global dengan amat ketara.

Di kala negara-negara di seluruh dunia termasuk Malaysia terkesan akibat pandemik tersebut, pihak NCIA telah bertindak balas pantas dalam menangani impak COVID-19 di NCER melalui penyediaan **rangka kerja strategik pembangunan wilayah**, serta pelaksanaan **program-program intervensi** agar rakyat dan komuniti perniagaan di NCER berupaya bangkit kembali untuk memperkasakan diri serta menjana semula ekonomi.

Salah satu pencapaian utama NCER pada tahun 2020 ialah pelancaran **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** dan dokumen **Strategi, Projek dan Program Bagi Menangani Impak COVID-19** oleh YAB Perdana Menteri pada 15 September 2020, yang berperanan sebagai panduan dan rujukan utama bagi pelaksanaan program-program pembangunan sosioekonomi NCER untuk jangka masa panjang. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan seperti yang dizahirkan melalui **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**, serta **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** dan **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)**.

Bertemakan "**Kemakmuran Bersama Melalui Pembangunan Seimbang Wilayah**", pelan strategik tersebut mengunjurkan NCER menjadi sebuah ekonomi bernilai **RM300 bilion** menjelang 2025, dengan pelaburan kumulatif mencecah **RM146.5 bilion** yang akan mewujudkan **161,197 pekerjaan baharu** dan **42,317 usahawan** dari kalangan rakyat di wilayah ini.

Tindak Balas Pantas Dalam Menangani Pandemik

Pada tahun 2020 juga, NCIA telah menyediakan dokumen **Strategi, Projek dan Program Bagi Menangani Impak COVID-19** yang mengandungi pelan-pelan tindakan khusus bagi memulih dan mengembangkan semula ekonomi NCER dalam era pasca COVID-19. Dokumen tersebut telah disediakan berdasarkan **Kajian Lapangan COVID-19 Fasa 1** yang telah dilaksanakan oleh NCIA pada bulan April hingga Julai 2020 bagi menganalisa dan memformulasi langkah-langkah bagi menangani impak COVID-19 di wilayah ini.

Salah satu tindakan pantas NCIA dalam menangani impak COVID-19 di NCER ialah melancarkan dua program modal insan "fast track" di bawah inisiatif PENJANA iaitu **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** dengan kerjasama dan sokongan Kementerian Kewangan (MOF), yang menyasarkan golongan yang terkesan akibat COVID-19 seperti siswazah menganggur, pekerja yang dibuang kerja dan individu lepasan sekolah.

Sehingga penghujung 2020, sebanyak **105 syarikat** telah mengambil bahagian dalam JomKerja@NCER, yang menawarkan **4,815 peluang pekerjaan** untuk rakyat tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. **JomNiaga@NCER** pula telah berjaya melahirkan **3,026 usahawan**, serta menjana **679 penempatan pekerjaan** untuk rakyat tempatan dari kumpulan B40.

JomKerja@NCER

105
syarikat mengambil bahagian

Menawarkan
4,815 peluang pekerjaan

JomNiaga@NCER

3,026 usahawan
mengambil bahagian

Menjana
679 penempatan pekerjaan

Fasa 2 Kajian Lapangan COVID-19 tersebut telah dijalankan pada Oktober-November 2020 untuk **mengkaji dengan lebih mendalam** impak COVID-19 terhadap **isi rumah dan perniagaan di NCER.** Kumpulan sasar bagi kajian lapangan ini terdiri daripada isi rumah B40 dan M40, golongan wanita, belia, graduan, pekerja sektor tidak formal dan Orang Asli untuk kategori Isi Rumah, serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), para usahawan mikro, peladang, serta pekerja-pekerja sektor pelancongan dan pembuatan untuk kategori Komuniti Perniagaan. Hasil dapatan kajian tersebut telah dibentang dan dipersetujui oleh Anggota Majlis NCIA, dan akan menjadi sebahagian daripada rujukan bagi pelan mitigasi impak COVID-19 terhadap ekonomi NCER.

Pelaburan: Kekal Kompetitif Dan Berdaya Tahan Dalam Tempoh Mencabar

Walaupun berdepan dengan pandemik COVID-19 yang telah menghalang aktiviti promosi pelaburan dilaksanakan secara lebih agresif, NCER telah berjaya menarik pelaburan komited berjumlah **RM15.6 bilion** pada tahun 2020, sekaligus melangkaui sasaran asalnya sebanyak RM7.0 bilion, yang dijangka akan mewujudkan **22,364 peluang pekerjaan** di NCER.

PELABURAN SWASTA
RM129.09 bilion (2020)

PELUANG PEKERJAAN
164,885 (2020)

Pelaburan tersebut menjadikan jumlah pelaburan terkumpul yang berjaya ditarik oleh NCER sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak **RM129.09 bilion**, yang dijangka akan mewujudkan sebanyak **164,885 peluang pekerjaan** untuk rakyat di wilayah ini.

Susulan pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan penutupan sempadan antarabangsa, sumbangan **pelaburan langsung domestik (DDI)** terhadap jumlah keseluruhan pelaburan di NCER telah meningkat dengan ketara pada tahun 2020, iaitu pada kadar **58 peratus** berbanding 42 peratus pelaburan langsung asing (FDI).

Antara faktor utama di sebalik kejayaan NCER dalam menarik pelaburan pada 2020 ialah kerjasama erat NCIA dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), serta **langkah-langkah intervensi** dan **pakej stimulus COVID-19** yang diperkenalkan oleh NCIA dan telah diluluskan oleh MOF. Pakej rangsangan ini bukan sahaja menyokong usaha NCIA untuk menarik kemasukan pelabur melalui pakej insentif yang kompetitif, malah ia turut mengambil kira **pembangunan modal insan** melalui insentif khusus seperti JomKerja@NCER.




Ketua Eksekutif NCIA bersama suami salah seorang penerima bantuan KIDA di kebun tanaman mereka pada 16 Februari 2020 (sebelum pengisytiharan PKP)

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Sektor **Pembuatan** merupakan **penyumbang utama** terhadap jumlah keseluruhan pelaburan di NCER pada 2020 dengan pelaburan sebanyak **RM14.5 bilion**, iaitu 93% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang dicapai pada tahun tersebut. Industri **peranti perubatan** serta **elektrik dan elektronik (E&E)** terus kekal berdaya tahan dan memainkan peranan penting dalam ekonomi NCER, yang mana mereka merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan baharu di wilayah ini dalam tahun yang serba mencabar tersebut.

PELABURAN DALAM SEKTOR PEMBUATAN

RM14.5 bilion
93% daripada jumlah keseluruhan pelaburan



Dari segi pemerkasaan para pelabur Bumiputera, **Dana Usahawan Bumiputera NCER (DUB@NCER)** telah berjaya memberi manfaat kepada **20 syarikat Bumiputera** pada tahun 2020, dengan jumlah **pelaburan terkumpul berjumlah RM578 juta** yang mampu menghasilkan impak 46 kali ganda terhadap ekonomi setempat.

Program **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)** yang bermatlamat mengurangkan pengangguran di kalangan graduan tempatan turut ditawarkan sebagai salah satu insentif untuk para pelabur bagi memenuhi keperluan sumber manusia mereka. Sehingga penghujung 2020, sebanyak **64 syarikat** telah mengambil bahagian dalam NTEP, dengan **1,707 graduan tempatan** berjaya mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat tersebut.

Pada tahun 2020 juga, pihak NCIA telah menyahut cadangan YAB Perdana Menteri agar setiap negeri NCER membangunkan zon pembangunan pertanian khas masing-masing. Sehubungan itu, NCIA sedang melaksanakan kajian mengenai penubuhan **Zon Ekonomi AgriBio NCER** atau **NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ)** yang akan membantu dalam perangkaan hala tuju NAEZ dan insentif-insentif untuk menarik pelabur agar menceburi sektor pertanian. Inisiatif NAEZ, yang akan dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, turut memainkan peranan penting dalam aspek **keselamatan makanan** serta **pemodenan sektor pertanian** negara. Bagi menyokong ekosistem NAEZ secara keseluruhan, penekanan akan turut diberikan kepada **peningkatan kemahiran modal insan** di NCER dalam sektor agribio.

Pembangunan Modal Insan: Memperkasakan Rakyat Dalam Norma Baharu

Dalam aspek pembangunan modal insan pula, pihak NCIA telah melaksanakan pelbagai program yang berjaya memberi manfaat kepada kira-kira **25,000 rakyat dan komuniti usahawan** di NCER dari segenap lapisan pada tahun 2020.

Program **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)**, misalnya, lahir atas dasar keprihatinan Kerajaan tentang peranan penting yang dimainkan oleh kaum ibu yang merupakan tunjang utama keluarga. Objektif utama KIDA ialah untuk mengurangkan



Program empowerNCER-Akademik bermatlamat memperkasakan generasi muda di wilayah ini demi pembangunan masa hadapan yang lestari

beban kos sara hidup rakyat melalui bantuan kewangan bagi pembelian barangan keperluan asas dan rawatan kesihatan asas. KIDA juga merupakan salah satu penyelesaian jangka pendek buat penerima untuk mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung, terutamanya akibat daripada pandemik COVID-19.

Sehingga 31 Disember 2020, seramai **4,469 penerima bantuan KIDA** telah menerima manfaat dalam bentuk **kad pembayaran tanpa tunai** atau "cashless card" bernilai RM250 setiap seorang secara bulanan untuk pembelian barangan keperluan asas di 69 panel kedai runcit dan 20 panel rangkaian pasaraya. Penerima serta ahli keluarga mereka juga layak untuk mendapatkan **rawatan dan perkhidmatan kesihatan** bernilai sehingga RM500 setahun di 145 buah klinik di seluruh negeri Kedah. Tahun 2020 juga menyaksikan hasil daripada **integrasi program KIDA** dengan program-program modal insan NCER yang lain, di mana seramai 124 penerima bantuan KIDA telah menyertai program **empowerNCER** dan mencapai peningkatan pendapatan melebihi 20% dan mewujudkan 16 peluang pekerjaan di kalangan komuniti setempat. Susulan kejayaan KIDA di Kedah, program ini akan diperluaskan di Perlis dan Perak pada tahun 2021.

Program-program **empowerNCER** dan **entrepreneurNCER**, juga terus menunjukkan impak yang ketara terhadap taraf hidup rakyat walaupun baru dilaksanakan sejak suku tahun keempat 2019. Program **empowerNCER-Akademik**, misalnya, terus berjalan seperti biasa walaupun pandemik telah menyebabkan para pelajar sekolah terpaksa meneruskan pembelajaran melalui kaedah **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)**. Sehubungan itu, kaedah pelaksanaan program ini telah **disesuaikan** khusus untuk menghadapi **norma baharu** tersebut, dengan penyediaan perisian pembelajaran dalam talian serta tablet untuk membantu pembelajaran. Pada tahun ini, program ini telah memberi manfaat kepada **1,950 pelajar SPM 2020** dari keluarga B40 di 51 sekolah dan **300 murid Orang Asli Tahun 5** dari 5 sekolah di 15 daerah di NCER.

Program **empowerNCER-Latihan Kemahiran & Keusahawanan** turut diteruskan pada tahun 2020, di mana latihan dilaksanakan secara langsung **dalam talian** atau melalui video yang dirakam terlebih dahulu. Penekanan terhadap pengetahuan **e-dagang** turut diutamakan bagi membolehkan peserta-peserta program berniaga dari rumah atau premis setempat dan mengakses pasaran di luar komuniti atau daerah masing-masing. Setakat penghujung tahun 2020, program ini telah memberi manfaat kepada **2,200 peserta**, yang mana **1,561 orang atau 71%** daripada mereka adalah golongan wanita. Program ini turut



*YB Menteri Kewangan sewaktu sesi lawatan kerja ke Ibu Pejabat NCIA dan Dialog Bajet 2021 bersama kumpulan fokus industri E&E**

*(*Pulau Pinang merupakan "zon hijau" COVID-19 sewaktu majlis berlangsung)*

diintegrasikan dengan program-program modal insan NCER yang lain seperti empowerNCER- Akademik (35 orang ibu bapa) dan KIDA (124 peserta).

Program **entrepreneurNCER** telah berjaya membantu kelangsungan para **usahawan mikro dan PKS**, terutamanya mereka yang terkesan akibat pandemik dan hanya mempunyai aliran tunai yang cukup untuk tempoh tiga hingga enam bulan sahaja. Setakat 31 Disember 2020, sebanyak **9,697 permohonan pinjaman mudah** bernilai **RM125.79 juta** di bawah program entrepreneurNCER telah diluluskan, yang mana NCIA berperanan menampung sebahagian daripada kos pembiayaan melalui mekanisme "topping up" kadar faedah pinjaman.


Projek-projek Strategik: Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi Wilayah

Sehingga penghujung 2020, beberapa projek strategik dan berimpak tinggi telah dirancang dan kini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di wilayah ini. Antara projek-projek fizikal yang sedang giat dijalankan pada 2020 ialah kerja-kerja fizikal di **Kedah Rubber City (KRC), Chuping Valley Industrial Area (CVIA)** dan **Kangar Sentral**.

NCIA juga sedang menyediakan **rangka kerja dan pelan pelaksanaan** bagi projek-projek di bawah **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)**, antaranya, **Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), NCER Technology Innovation Centre (NTIC), Northern Corridor Highway (NCH), SilverValley Technology Park (SVTP), pembangunan di Pulau Bunting, Pulau Bebas Cukai Pangkor, Perlis Inland Port (PIP)** dan **Pusat Ekonomi dan Komuniti Bersepadu atau Integrated Economic & Community Centre (iCON)** di Yan, Sik dan Baling di Kedah, serta Pengkalan Hulu di Perak.

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Projek dan Inisiatif Utama NCER



Prospek: Pemerkasaan Rakyat dan Penjanaan Semula Ekonomi

Untuk tahun 2021 dan seterusnya, pembangunan mampan di NCER akan dilaksanakan dengan berpandukan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan dokumen Strategi, Projek dan Program Bagi Menangani Impak COVID-19 agar rakyat di wilayah ini, terutamanya golongan B40, dapat diperkasakan dan ekonomi wilayah mampu dijana semula. Sehubungan itu, **program-program strategik pemulihan ekonomi akan diteruskan** di bawah RMK-12 bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu untuk rakyat, mengurangkan tahap kemiskinan, serta membantu meringankan kos sara hidup mereka.

Bagi menarik kedatangan lebih banyak pelabur domestik dan luar negara ke wilayah ini, NCIA telah merumus dan mencadangkan **Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19** untuk NCER. Pakej ini merangkumi insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri NCER yang bersifat lebih menyeluruh dan berdaya saing di peringkat serantau. Cadangan pakej rangsangan ini telah dibentangkan pada Mesyuarat Majlis NCIA yang Ke-23 dan telah dipersetujui untuk pelaksanaan.

NCIA telah mengenalpasti beberapa sektor yang berpotensi untuk berkembang dan berupaya menarik pelaburan baharu, antaranya, sektor **Farma dan Peranti Perubatan, Elektrik dan Elektronik, E-dagang dan Ekonomi Gig,** serta **Perniagaan Tani** dan **Keselamatan Makanan**.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif pembangunan modal insan NCER juga akan diteruskan secara holistik dan inklusif, dengan mengambil kira impak COVID-19 terhadap semua kumpulan sasaran, terutamanya golongan B40 di kawasan pedalaman, agar tiada siapa yang tertinggal dalam transformasi sosioekonomi di wilayah ini.

Penghargaan

Kerjasama dan sokongan padu antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri NCER dan pihak NCIA merupakan elemen kritikal dalam menjayakan projek-projek pembangunan di NCER, yang kini semakin penting bagi mempercepatkan pemulihan semula dan pertumbuhan ekonomi wilayah dalam era pasca COVID-19.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan di NCER atas peranan dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh mereka dalam menjayakan pembangunan sosioekonomi di Wilayah ini, terutamanya kepada YAB Menteri Besar-Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri NCER atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan agenda pembangunan wilayah ini.

Ribuan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada semua Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat di peringkat Negeri dan Persekutuan, antaranya, Jabatan Perdana Menteri (JPM), MOF, EPU, MITI, MIDA dan lain-lain, yang telah banyak membantu dalam memastikan kelancaran projek-projek serta program-program NCER.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan khas kepada pihak pengurusan dan segenap lapisan warga kerja NCIA atas usaha gigih dan semangat tinggi mereka dalam merealisasikan pelaksanaan agenda pembangunan NCER, terutamanya dalam suasana norma baharu susulan pandemik COVID-19.

Cabaran yang menanti sememangnya amat besar, namun saya yakin dengan komitmen yang tinggi dan keazaman yang jitu, NCER mampu mencapai sasaran yang telah ditetapkan, selaras dengan iltizam kami untuk "**Memperkasakan Rakyat, Menjana Semula Ekonomi**".

Terima kasih.

Datuk Seri Jebasingam Issace John



Pelan Reka Letak Induk Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM) serta aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan di hab tersebut


MENGENAI NCER DAN NCIA

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah ditubuhkan dengan matlamat untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah utara Semenanjung Malaysia, yang merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis.

Sejak penubuhannya pada tahun 2007, NCER telah menjalani evolusi yang progresif dan berterusan, selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan yang inklusif dan mapan bagi merapatkan jurang ketidakseimbangan wilayah serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama di seluruh tanahair demi manfaat rakyat.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) merupakan badan yang bertanggungjawab menetapkan hala tuju serta merangka dasar-dasar dan strategi berkaitan pembangunan sosioekonomi NCER. Ditubuhkan pada Jun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687), NCIA berperanan memacu pertumbuhan ekonomi NCER ke arah menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia melalui pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan berimpak tinggi dalam kluster-kluster ekonomi utama yang terdiri daripada Pembuatan, Perkhidmatan, Perniagaan Tani, Petrokimia, Ekonomi Hijau dan Perlombongan Mapan. Perkhidmatan yang merangkumi Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, serta Ekonomi Digital.


WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)



OBJEKTIF NCER

- Memacu Potensi Ekonomi Melalui Projek-projek Bersifat Pemangkin dan Program-program Berimpak Tinggi
- Menangani Ketaksamaan Pembangunan & Ketidakseimbangan Wilayah
- Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Yang Saksama

STRUKTUR ORGANISASI NCIA



TADBIR URUS NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berpegang teguh kepada standard tadbir urus korporat yang tertinggi dalam operasi kami untuk memacu pembangunan sosioekonomi di NCER.

Kami percaya bahawa tadbir urus yang kukuh adalah amat penting untuk merealisasikan tujahan-tujahan strategik utama NCER iaitu **Pertumbuhan Ekonomi Mampan, Penstrukturan Semula Sosial**, serta **Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar**, sejajar dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025).

Kepentingan tadbir urus dalam organisasi kami dapat dilihat dari segi **penekanan menyeluruh** yang diberikan dalam setiap aspek berikut:

- **Integriti dan Etika**
- **Pematuhan dan Jaminan**
- **Pengurusan Risiko**
- **Audit dan Kawalan Dalaman**

Kewujudan **Jawatankuasa Audit NCIA** yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dari **sektor awam dan swasta** jelas membuktikan kesungguhan NCIA untuk memastikan keseimbangan dan ketelusan dalam urusan kami melalui **pemantauan oleh pihak luar**. Pengerusi Jawatankuasa Audit NCIA juga merupakan salah seorang daripada **Ahli Majlis NCIA**, sekaligus mencerminkan kepentingan aspek Audit dan Kawalan Dalaman di tahap tertinggi organisasi.

Di peringkat kakitangan pula, aspek tadbir urus turut menjadi keutamaan agar segala usaha pembangunan NCER dapat dilaksanakan dengan lancar dan penuh integriti. Sehubungan itu, pihak NCIA telah memperkenalkan **nilai-nilai teras dan standard i-STAR**, serta **budaya berasaskan prestasi, pematuhan dan etika kerja** untuk menjadi amalan dan panduan segenap lapisan warga kerja kami.



Pematuhan SOP dalam segenap aspek operasi NCIA amat dititikberatkan dalam suasana norma baharu


STRUKTUR TADBIR URUS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Tadbir Urus	Peringkat	Pengerusi	Tanggungjawab Utama
Majlis	**NCER**	**YAB Perdana Menteri** (Akta 687, Seksyen 9)	• Rangka kerja kawal selia, visi dan polisi • Kelulusan dan resolusi isu-isu strategik bagi projek dan program di NCER
Jawatankuasa Audit	**Jawatankuasa Lembaga**	**Ahli Majlis**	• Mengenalpasti dan menilai risiko serta memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko tersebut • Mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan yang diwujudkan • Memastikan kewujudan rangka kerja yang memuaskan bagi pelaporan kawalan dalaman dan pematuhan kawal selia
Jawatankuasa Pemandu	**Negeri**	**YAB Menteri Besar & Ketua Menteri**	• Mengkaji perancangan dan kemajuan projek dan program NCER • Penyelesaian masalah strategik yang berkaitan dengan projek dan program NCER di negeri masing-masing
Jawatankuasa Pengurusan	**NCIA**	**Ketua Eksekutif, NCIA**	• Melaksanakan dasar dan strategi yang dipersetujui oleh Majlis dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) • Memacu perancangan dan pelaksanaan projek-projek strategik, menarik pelaburan swasta ke NCER dan melaksanakan program-program pembangunan modal insan • Merumuskan dasar dan strategi baharu atau yang ditambah baik • Beroperasi dengan pasukan pelbagai disiplin untuk menyokong visi dan misi organisasi

MERAPATKAN JURANG KETIDAKSEIMBANGAN WILAYAH

KDNK PER KAPITA, 2020 (RM)


KDNK PER KAPITA BAGI NEGERI-NEGERI NCER
(kecuali Pulau Pinang) adalah di bawah Purata Nasional



PURATA NASIONAL 43,378

MIGRASI BERSIH, 2020

2,900 PENGHIJRAAN KELUAR KUMULATIF DARI NCER




GRADUAN MENGANGGUR, 2020

9,250 GRADUAN MENGANGGUR DI NCER

KADAR PENETRASI JALUR LEBAR MUDAH ALIH SUKU KE-3 2020 (%)


INFRASTRUKTUR JALUR LEBAR
Selain daripada Pulau Pinang, kadar penetrasi jalur lebar ketiga-tiga negeri NCER adalah di bawah paras nasional



PURATA NASIONAL 117.4

PRODUKTIVITI TENAGA KERJA, 2018 (RM)


KESEMUA NEGERI NCER
kecuali Pulau Pinang mencatatkan jumlah di bawah Purata Nasional (RM92,100)



PURATA NASIONAL 92,100

PENDAPATAN ISI RUMAH, 2020 (RM)

KESEMUA NEGERI NCER
mencatatkan pendapatan isi rumah di bawah Purata Nasional (RM7,089)



PURATA NASIONAL 7,089

PERLIS KEDAH PULAU PINANG PERAK

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2020

PETUNJUK PENCAPAIAN UTAMA NCIA 2020

Menarik & Merealisasi Pelaburan Swasta

Sasaran Pelaburan Diluluskan	Sasaran Pelaburan Direalisasi	Sasaran Pewujudan Pekerjaan Komited	Sasaran Pewujudan Pekerjaan Direalisasi
Sebenar **RM15.6 bil.**	Sebenar **RM3.7 bil.**	Sebenar **22,364**	Sebenar **6,976**
Sasaran RM7 bil.	Sasaran RM3 bil.	Sasaran 5,900	Sasaran 3,000

Pelaksanaan Projek-projek Fizikal

Kedah Rubber City (KRC)	Kedah Digital Library (KDL)	Plot Percubaan Hem Kedah	Chuping Valley Industrial Area (CVIA)	Pelancangan Warisan Ipoh – Pakej 1A & 1B
Fasa 1 ● **28.39%** ▲ 29.15%	Fasa 1 **100%**	**97%** ▲ 97%	**14.9%** ▲ 12%	**50%** ▲ 50%
Penyiapan Seksyen: Jan 2021	**Fasa 2** ● 11% ▲ 11%		Penyiapan Seksyen: Feb 2021	

● Sebenar ▲ Dijadualkan

Membangunkan Modal Insan & Usahawan

empowerNCER Akademik	EntrepreneurNCER	DUB@NCER Dana Usahawan Bumiputera	KIVA	empowerNCER Latihan Kemahiran dan Kesahawanan	NTEP@NCER Talent Enhancement Programme
2,250	**9,697**	**20 Syarikat**	**4,469**	**2,203**	**729**
Bil. Peserta **Sasaran: 2,250**	Bil. Peserta **Sasaran: 1,200**	Pelaburan **RM578 juta**	Bil. Penerima Manfaat **Sasaran: 4,400**	**Sasaran: 2,200**	**Sasaran: 1,250**
		Pewujudan Pekerjaan **1,078**		JomNiaga@NCER **3,705**	Pelaburan **RM8.56 bil.**
		Bil. Peserta **Sasaran: 20**		**Sasaran: 4,560**	Pewujudan Pekerjaan **9,849**
				Pekerjaan & Usahawan **679 + 3,026**	JomKerja@NCER **4,815**
					Sasaran: 3,500

Petunjuk Mencapai/Melangkaui sasaran

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2020

PENCAPAIAN PELABURAN NCER SETAKAT 31 DISEMBER 2020

PELABURAN 2020

Sasaran
RM7.0 bil. (2019: RM12.0 bil.)

Melepasi Sasaran

Pelaburan Langsung Asing (FDI)	Pelaburan Langsung Domestik (DDI)
RM6.18 bil.	**RM9.42 bil.**
(2019: RM7.8 bil.)	(2019: RM10.6 bil.)

PEWUJUDAN PEKERJAAN 2020

Sasaran	Diluluskan
5,900	**22,364**
(2019: 12,000)	(2019: 22,929)


Melebihi Sasaran

PELABURAN DILULUSKAN 2020

SEKTOR

Pembuatan	**RM14.54 bil.** (93%)
Logistik	**RM0.63 bil.** (4%)
Ekonomi Digital	**RM0.16 bil.** (1%)
Pelancongan	**RM0.15 bil.** (1%)
Agri-Bio	**RM0.08 bil.** (0.5%)
Ekonomi Hijau	**RM0.4 bil.** (0.5%)

PELABURAN DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI



Pelaburan (RM) Peluang Pekerjaan

Disahkan oleh Audit Dalam NCIA

INSENTIF

DUB @ NCER Dana Usahawan Bumiputera	NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme	NTAX @ NCER Tax Incentives
RM0.04 bil.	**RM7.43 bil.** (48%)	**RM8.13 bil.** (52%)

PENGLIBATAN RAKYAT DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN NCER SEHINGGA DISEMBER 2020

empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

Perak: 403 Kedah: 1,400
Perlis: 200 Pulau Pinang: 200
Jumlah: **2,203**

empowerNCER Akademik


Perak: 750 Kedah: 1,050
Perlis: 150 Pulau Pinang: 300
Jumlah: **2,250**

EntrepreneurNCER

Perak: 2,031 Kedah: 5,140
Perlis: 1,733 Pulau Pinang: 793
Jumlah: **9,697**

NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme

Perak: 97 Kedah: 185
Perlis: 50 Pulau Pinang: 397
Jumlah: **729**



JomKerja @ NCER

Perak: 1,042 Kedah: 363
Perlis: 243 Pulau Pinang: 3,167
Jumlah: **4,815**

JomNiaga @ NCER

Perak: 710 Kedah: 1,813
Perlis: 294 Pulau Pinang: 888
Jumlah: **3,705**

KASIH IBU DARUL AMAN

Kedah: 4,469
Jumlah: **4,469**

DUB @ NCER Dana Usahawan Bumiputera

Perak: 289 (9 syarikat) Kedah: 73 (4 syarikat)
Perlis: 455 (4 syarikat) Pulau Pinang: 261 (3 syarikat)
Jumlah Peluang Pekerjaan: **1,078**
(20 syarikat)

PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025) DAN DOKUMEN STRATEGI, PROJEK DAN PROGRAM MITIGASI IMPAK COVID-19



Berlandaskan asas kukuh yang telah dibina selama ini, NCER kini bersedia untuk memasuki fasa pembangunan yang seterusnya demi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat, selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan.

Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah merangka **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** yang akan menjadi panduan bagi agenda pembangunan wilayah ini pada masa hadapan. Pelan pembangunan strategik ini menggariskan hala tuju dan strategi-strategi yang perlu dilaksanakan oleh NCER untuk terus mempertingkatkan pertumbuhan ekonominya dan mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara wilayah.

Bertemakan "**Kemakmuran Bersama Melalui Pembangunan Seimbang Wilayah**", Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) bertujuan merapatkan jurang pembangunan antara bandar-luar bandar dengan cara memacu produktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam sektor-sektor ekonomi utama. Usaha ini akan dilaksanakan melalui satu pendekatan menyeluruh yang merangkumi **pemerkasaan ekonomi rakyat, peningkatan infrastruktur** bagi menyokong kesalinghubungan dan pertumbuhan, **penstrukturan semula sistem sosial**, serta **pemuliharaan dan pemeliharaan biodiversiti** wilayah ini. Pelan Strategik Pembangunan NCER 2021 (2021-2025) ini telah dihasilkan melalui proses kolaboratif dan konsultatif bersama-sama lebih 300 pemegang taruh daripada Kerajaan Persekutuan, negeri-negeri NCER, institusi-institusi pengajian tinggi, dan sektor swasta.

Di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), NCER diunjurkan menjadi sebuah ekonomi bernilai **RM300 bilion** menjelang 2025, berbanding RM223.7 bilion pada 2019. Pada ketika itu, wilayah ini dijangka akan mewujudkan 161,197 pekerjaan baharu dan 42,317 usahawan dari kalangan rakyat, sementara pelaburan kumulatif dijangka akan mencecah **RM146.5 bilion** daripada RM115.1 bilion pada 2019. Purata pendapatan isi rumah dan pendapatan median isi rumah B40 untuk wilayah ini masing-masing diunjurkan berjumlah RM10,508 dan RM4,203.

Sasaran-sasaran NCER Menjelang Tahun 2025

Pendapatan Isi Rumah	Pewujudan Pekerjaan (Kumulatif)	Pelaburan (Kumulatif)	Usahawan (Kumulatif)	Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
Purata RM10,508 Median B40 RM4,203	161,197	RM146.5 bil.	40,299	RM300 bil.

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) ini telah dibentangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN), dan seterusnya diluluskan di Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ke-23 pada 15 September 2020 di Pulau Pangkor, Perak yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin. Pelan strategik ini akan menjadi asas rujukan untuk pelaksanaan projek dan program di NCER di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025).



Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Ahli-ahli Majlis NCIA pada 15 September 2020

PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025) DAN DOKUMEN STRATEGI, PROJEK DAN PROGRAM MITIGASI IMPAK COVID-19

MISI
PEMULIHAN SOSIOEKONOMI

KEUTAMAAN SEGERA

Melindungi Pendapatan & Mata Pencarian
- Bantuan untuk PKS & perniagaan
- Perlindungan & pengambilan pekerjaan
- Keselamatan pendapatan B40 & M40

Menjana Pekerjaan & Guna Tenaga
- Pekerjaan mahir untuk rakyat tempatan dan belia
- Penyertaan wanita dalam tenaga kerja
- Akses kepada peluang pekerjaan baharu

Menggalakkan Keusahawanan
- Peluang keusahawanan
- Penyertaan belia dalam keusahawanan
- Pentauliahan mikro untuk PKS

Memacu Ekonomi Setempat
- Memacu infrastruktur
- Mempercepatkan pelaburan swasta
- Pembangunan berasaskan komuniti

Menangani cabaran segera melalui perluasan program-program modal insan NCER sedia ada

FOKUS KLUSTER EKONOMI (Semasa & Ekonomi Baharu)

Pembuatan
- E&E
- M&E
- FMCG
- Aeroangkasa
- Automotif
- Peranti Perubatan
- Getah

Perkhidmatan
- Pelancongan
- Logistik & Kesalinghubungan
- Am & Tidak Formal
- Pendidikan
- Penjagaan Kesihatan

Perniagaan Tani
- Padi
- Tanaman kontan
- Perikanan
- Haiwan ternakan

Ekonomi Digital

Ekonomi Hijau

Perlombongan Mapan

Petrokimia

Rehabilitasi ekonomi melalui perancangan jangka pendek dan sederhana, mengutamakan penyampaian projek pemangkin

PENGUPAYA UTAMA

Infrastruktur
- Menaik taraf pengangkutan, logistik & pengedaran, serta infrastruktur utiliti
- Meningkatkan rangkaian antara bandar-luar bandar
- Meningkatkan kesalinghubungan dan mobiliti

Ekosistem
- Meningkatkan kecekapan, ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus
- Meningkatkan penyelarasan antara badan-badan dan agensi Kerajaan

Kemahiran & Bakat
- Melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran relevan
- Meningkatkan kebolehpasaran graduan
- Meningkatkan peluang dan pertumbuhan keusahawanan

Digital & Teknologi
- Memacu pendigitalan & IR4.0
- Memudah cara akses kepada teknologi terkini & menggalakkan automasi
- Merangsang inovasi & modernisasi

Membina semula asas pembangunan melalui penaiktarafan dan peningkatan pengupaya-pengupaya utama

WAWASAN JANGKA PANJANG (Sejajar dengan Model Kemakmuran Bersama)

Pembangunan Ekonomi Mampan
- Memacu pembangunan dalam sektor-sektor keutamaan dan strategik utama
- Mengurangkan ketaksamaan pembangunan wilayah & ketidakseimbangan bandar-luar bandar
- Memupuk budaya keusahawanan

Penstrukturan Semula Sosial
- Mengutamakan modal sosial
- Meningkatkan kesejahteraan & kualiti kehidupan

Pemuliharaan & Pemeliharaan Alam Sekitar
- Pembangunan lestari dengan teknologi pintar dan bersih
- Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber alam semulajadi
- Pengurusan sumber alam semulajadi yang lestari
- Tumpuan terhadap tenaga boleh diperbaharui/bersih

Merubah status sosioekononomi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi mampan, penstrukturan semula sosial, serta pemuliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

DASAR WILAYAH: DESENTRALISASI TERTUMPU

Di bawah rangka kerja strategik pembangunan NCER yang baharu, sektor-sektor **Pembuatan, Perniagaan Tani** dan **Perkhidmatan** yang merangkumi **Pelancongan** serta **Logistik dan Kesalinghubungan**, bersama-sama **Pembangunan Modal Insan** kekal menjadi pemacu ekonomi utama di NCER. Beberapa pemacu ekonomi penting baharu turut dikenal pasti iaitu **Ekonomi Hijau, Petrokimia** dan **Perlombongan Mapan**, dan juga sub-sektor baharu Perkhidmatan yang meliputi **Pendidikan** dan **Ekonomi Digital.**

KLUSTER-KLUSTER EKONOMI BAHARU DI BAWAH PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

PEMBUATAN
- FMCG
- Aeroangkasa
- Automotif
- Peranti Perubatan
- Getah
- E&E
- M&E

PERNIAGAAN TANI
- Padi
- Tanaman Kontan
- Haiwan Ternakan
- Perikanan

PERKHIDMATAN
- **Pendidikan**
- **Pelancongan**
  - Geopelancongan
  - Arkeo-pelancongan
  - Pelancongan Khusus
  - Pelancongan Warisan
- **Ekonomi Digital**
- **Logistik & Kesalinghubungan**
  - Udara
  - Darat
  - Laut

EKONOMI HIJAU
- Tenaga Boleh Diperbaharui
- Biodiversiti
- Teknologi Hijau



PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025) DAN DOKUMEN STRATEGI, PROJEK DAN PROGRAM MITIGASI IMPAK COVID-19

Untuk mendorong pembangunan yang saksama dan integrasi bandar-luar bandar, 30 Zon Pembangunan Utama telah dikenal pasti di NCER berdasarkan sumber-sumber, konsentrasi penduduk dan potensi ekonomi setiap lokasi. Zon-zon tersebut diwujudkan bagi memacu pembangunan di wilayah ini melalui strategi desentralisasi tertumpu, yang membolehkan projek dan program strategik berimpak tinggi dilaksanakan secara inklusif.

RANGKA KERJA STRATEGIK NCER PASCA COVID-19

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah mendorong NCIA untuk bertindak-balas pantas bagi menangani impak wabak tersebut yang turut memberi kesan terhadap ekonomi Malaysia dan NCER. Wabak tersebut telah mengakibatkan anggaran kerugian berjumlah **RM21.4 bilion** daripada jangkaan asal KDNK NCER sebanyak **RM236 bilion** pada tahun 2020. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penutupan Perniagaan Bukan Keperluan Utama dan operasi terhad Perniagaan Perlu di sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengawal penularan virus tersebut.



*Ketua Eksekutif NCIA pada sesi Perbincangan Kumpulan Fokus dengan pemain industri E&E di Pulau Pinang pada 8 Ogos 2020 (*ketika negeri tersebut masih berada dalam "zon hijau" COVID-19)*

Adalah diunjurkan sebanyak **326,500** kehilangan pekerjaan telah berlaku di NCER pada tahun 2020, yang mana 320,600 adalah atas sebab pemberhentian kerja manakala 5,900 lagi adalah akibat kehilangan peluang ("opportunity loss").

Sektor-sektor utama seperti **pembuatan** dan **pelancongan** merupakan sektor yang **paling terkesan** akibat COVID-19, manakala sektor **perniagaan tani** dan **peranti perubatan** merupakan kluster-kluster yang dijangka menjadi **penerima manfaat** terbesar berdasarkan penekanan yang diberikan terhadap keselamatan makanan dan kesihatan susulan pandemik tersebut.

IMPAK COVID-19 TERHADAP EKONOMI NCER (2020)

KDNK

Unjuran Awal 2020
RM236 bil.

Anggaran Kerugian
RM21.4 bil.

Unjuran Pasca COVID-19
RM215 bil.

Pekerjaan

Unjuran Awal 2020
2,965,200

Anggaran Kerugian
11% (326,500)

- Dibuang Kerja **300,600**
  - Kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada 2.8% (83,400) kepada 4.7% (136,065)
- Kehilangan Peluang **5,900**

Pendapatan Isi Rumah

Purata	Median B40
Unjuran Awal 2020 **RM7,099**	Unjuran Awal 2020 **RM3,102**
Anggaran Kerugian **9% (RM638)**	Anggaran Kerugian **7% (RM231)**


Insiden Kemiskinan

Insiden Kemiskinan Mutlak
2019
6.2%
(101,292 isi rumah)

2020 (Pasca COVID-19)
6.8%
(111,833 isi rumah)

Insiden kemiskinan dijangka akan meningkat sebanyak **10,541 isi rumah**

PENDEKATAN SERAMPANG TIGA MATA UNTUK MENANGANI IMPAK COVID-19



Kesemua langkah ini merupakan usaha bersepadu untuk membawa semula ekonomi wilayah ini ke landasan pemulihan, dan seterusnya pertumbuhan di masa hadapan. Langkah-langkah ini dijangka akan merangsang pertumbuhan dan pemulihan ekonomi di wilayah ini pada tahun 2021 dan 2022, dengan anggaran **pertumbuhan KDNK** antara **4.8% dan 5.4%** di sepanjang tempoh tersebut.



Perniagaan tani merupakan salah satu bidang tumpuan yang akan membantu usaha pemulihan semula ekonomi di wilayah ini


Walaupun terdapat perubahan dalam jangka masa sasaran asal pertumbuhan ekonomi NCER akan dicapai, rangka kerja, matlamat dan sasaran yang telah digariskan di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) tetap kekal dan akan terus menjadi rujukan utama untuk pembangunan masa hadapan NCER. Pada masa yang sama, tahap kesejahteraan rakyat, terutamanya di kalangan isi rumah B10, turut kekal menjadi fokus utama dalam agenda pembangunan wilayah ini.

Di bawah pelan strategik ini, pelbagai projek dan program berimpak tinggi akan dilaksanakan bagi mencapai hasil sasaran yang telah ditetapkan untuk NCER iaitu mencipta peluang pekerjaan, menggalakkan keusahawanan, meningkatkan pendapatan rakyat dan menarik lebih banyak pelaburan. Sehubungan itu, **tujuh bidang tumpuan** yang telah dikenal pasti untuk pelaksanaan projek dan program pemangkin iaitu Taman-taman Perindustrian Tematik, Infrastruktur Strategik, Perniagaan Tani, Pelancongan (Kerjasama Sektor Awam-Swasta), Pembangunan Modal Insan, Sumber Asli, dan Teknologi Lanjutan.

Antara **projek-projek strategik** yang telah dirancang pelaksanaannya ialah pembangunan Kedah Aerotropolis yang merangkumi Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), Northern Corridor Highway, Gerbang Sempadan Padang Besar, serta Penambahbaikan Penetrasi Jalur Lebar di Perlis dan Kedah.

PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025) DAN DOKUMEN STRATEGI, PROJEK DAN PROGRAM MITIGASI IMPAK COVID-19

Tujuh Bidang Tumpuan Projek-projek Berimpak Tinggi di NCER



NCIA juga telah bertindak balas pantas terhadap impak COVID-19 dengan melaksanakan **intervensi melalui program-program modal insan** yang terdiri daripada program-program pelaksanaan segera atau "fast track" baharu seperti JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER, serta mengadaptasi program-program sedia ada seperti Kasih Ibu NCER, empowerNCER, entrepreneur NCER, Dana Usahawan Bumiputera dan NCER Talent Enhancement Programme (NTEP), bagi membolehkan rakyat dan komuniti perniagaan meneruskan kelangsungan hidup dan operasi masing-masing dalam era pandemik.

Bagi menggalakkan lebih banyak kemasukan pelaburan swasta bernilai tinggi ke NCER, **Pakej Insentif Pelaburan NCER** turut diberi penekanan yang mana ia telah pun diluluskan oleh Kerajaan pada 13 Ogos 2019. Pakej Insentif Pelaburan NCER merupakan sebuah pakej insentif fiskal yang komprehensif untuk pelaburan dalam sektor-sektor yang dipromosikan di wilayah ini, khususnya sektor pembuatan, perniagaan tani, petrokimia, ekonomi hijau, dan perkhidmatan yang merangkumi pelancongan, logistik, pendidikan dan ekonomi digital. Pada masa hadapan, perlombongan mapan juga akan menjadi salah satu sektor penting dan dipromosikan di NCER.

INSENTIF-INSENTIF PELABURAN YANG DITAWARKAN DI NCER

PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN	ELAUN CUKAI PELABURAN	PENGECUALIAN DUTI IMPORT	PENGURANGAN DUTI SETEM
Pengecualian cukai pendapatan sehingga **100%** untuk tempoh sehingga **15 tahun**	**Elaun sehingga 100% ke atas modal perbelanjaan yang layak untuk tempoh sehingga 10 tahun**	Bahan mentah, komponen, jentera, alat ganti dan peralatan	Pengurangan **50%** duti setem untuk instrumen pemindahan atau sewaan tanah (*Kedah & Perlis)

INSENTIF KHUSUS (SEKSYEN 127 (3A) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967)	INSENTIF MENYELURUH (P.U. (A) 112/113 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967)		
Pakej Insentif Khas	Pembuatan	Pertanian & Industri Bio	Perkhidmatan (Pelancongan & Logistik)
Global Business Services (GBS)	Sains Perubatan R&R dan S&T	Nod Pertumbuhan (KRC & CVIA)	Pendidikan

		STATUS PERINTIS	ELAUN CUKAI PELABURAN	DUTI IMPORT	PENGURANGAN DUTI SETEM
Pembuatan, Perniagaan Tani & Industri Bio dan Perkhidmatan	N1	Pengecualian cukai pendapatan sehingga 100% untuk tempoh sehingga 15 tahun	Elaun sehingga 100% untuk tempoh sehingga 10 tahun	Dikecualikan	Pengurangan 50% ke atas pemindahan atau pajakan tanah
	N2	Pengecualian cukai pendapatan 70% untuk tempoh sehingga 10 tahun	Elaun 70% untuk tempoh sehingga 10 tahun		N/A

Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) — **Diluluskan sebagai skim pra-pakej di bawah Peruntukan 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967**

PEMBUATAN

Elektrik & Elektronik

Jentera & Peralatan
- Teknologi Hijau (Produk)
- Peranti Perubatan (Produk)
- Automotif (Produk)
- Pembuatan Aditif (Produk)
- Aeroangkasa (Produk)

PERNIAGAAN TANI & INDUSTRI BIO
- Pertanian Mapan
- Pemprosesan Hasil Pertanian
- Superfruits/Superfood (Huluan)
- Superfruits/Superfood (Hiliran)
- Perkhidmatan Teknologi Hijau
- Industri Halal

PETROKIMIA

Produk-produk dan aktiviti-aktiviti kimia dan petrokimia yang dipromosikan di bawah PIA 1986

PERKHIDMATAN

Pelancongan
- Pelancongan Kesihatan
- Perniagaan Hotel
- Projek-projek Pelancongan
- Pelancongan Perniagaan

Logistik

Perkhidmatan Logistik yang Diluluskan
- Pergudangan
- Pemajuan Muatan ("Freight Forwarding")
- Pengangkutan

Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)
- Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO)
- Penyumberluaran Proses Pengetahuan (KPO)
- Penyumberluaran Teknologi Maklumat (ITO)

KATEGORI	STATUS PERINTIS	ELAUN CUKAI PELABURAN
Insentif Khusus		
Selama, Kerian, Hulu Perak, Perak Tengah, Kuala Kangsar, Bagan Datuk, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Barat Daya Pulau Pinang	Pengecualian cukai pendapatan sehingga **100%** untuk **15 tahun**	Elaun **100%** untuk tempoh sehingga **10 tahun**
Tanjung Malim Automotif/Pelancongan & Hospitaliti/ Pendidikan	Pengecualian cukai **100%** untuk **10 tahun**	Elaun **100%** untuk tempoh sehingga **10 tahun**
Pendidikan IPT/TVET/Sekolah-sekolah Antarabangsa & Swasta	Pengecualian cukai pendapatan **70%** untuk **5 tahun**	Elaun **100%** untuk **5 tahun**
R&D Kontrak	Pengecualian cukai pendapatan sehingga **100%** untuk **10 tahun**	Elaun sehingga **100%** untuk tempoh sehingga **10 tahun**
Syarikat R&D/R&D Dalaman	N/A	Elaun sehingga **100%** untuk tempoh sehingga **10 tahun**
Pusat R&D Biji Benih (Kedah & Perlis)	Pengecualian cukai pendapatan **100%** untuk tempoh sehingga **15 tahun**	Elaun **100%** untuk tempoh sehingga **10 tahun**

PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025) DAN DOKUMEN STRATEGI, PROJEK DAN PROGRAM MITIGASI IMPAK COVID-19




Pelbagai insentif telah diperkenalkan untuk membantu PKS di NCER yang terkesan akibat pandemik COVID-19, termasuklah di kalangan pengusaha sektor pelancongan



Penggiat sektor pelancongan merupakan antara mereka yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19 dan penekanan akan diberikan untuk membantu memastikan kelestarian perniagaan mereka

UNJURAN KDNK NCER SEBELUM DAN SELEPAS COVID-19



Tempoh Penyusutan (-4%)	Tempoh Pemulihan (pada 4.8%-5.4%)		Tempoh Penstabilan (pada 5%)	
2020	**2021**	**2022**	**2025**	**2027**
Unjuran Pra COVID-19 **RM236 bil.**	Unjuran Pra COVID-19 **RM248 bil.**	Unjuran Pra COVID-19 **RM260 bil.**	Unjuran Pra COVID-19 **RM300 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM300 bil.**
Unjuran Pasca COVID-19 **RM215 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM225 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM238 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM275 bil.**	

Nota: Kemerosotan dijangka sebanyak 30-40%
Sumber: UNTCAD, analisis PwC

KAJIAN LAPANGAN IMPAK COVID-19 TERHADAP RAKYAT & KOMUNITI PERNIAGAAN NCER

Penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah mengubah landskap sosioekonomi dunia, yang mana Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima kesan pandemik tersebut. Impak pandemik COVID-19 turut memberi kesan terhadap unjuran-unjuran ekonomi NCER di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), yang kini memerlukan tempoh masa yang lebih lama untuk dicapai.

Bagi menangani impak pandemik tersebut pada kadar segera, NCIA telah bertindak pantas dengan menyediakan dokumen **Strategi, Projek dan Program Bagi Menangani Impak COVID-19** yang mengandungi **pelan-pelan tindakan khusus** bagi memulih dan mengembangkan semula ekonomi NCER dalam era pasca COVID-19. Dokumen ini telah disediakan berdasarkan **Kajian Lapangan COVID-19 Fasa 1** yang dilaksanakan oleh NCIA dengan kerjasama PwC Malaysia bagi menganalisa dan meformulasi langkah-langkah serta-merta bagi menangani impak COVID-19 di wilayah ini.

Susulan Fasa 1 Kajian Lapangan tersebut, NCIA telah melaksanakan **Fasa 2 Kajian Lapangan** untuk mengkaji dengan lebih mendalam impak COVID-19 terhadap isi rumah dan perniagaan di NCER bersama-sama PwC Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Kajian Lapangan COVID-19 Fasa 1: Mengenal Pasti Kesan Dan Implikasi Pandemik

Fasa pertama kajian lapangan terhadap impak COVID-19 telah dilaksanakan oleh pada bulan **April 2020 hingga Julai 2020** untuk mengenal pasti kesan dan implikasi pandemik tersebut terhadap sosioekonomi NCER. Ia juga bertujuan membolehkan NCIA mengkaji semula sasaran-sasaran asal Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan menyediakan cadangan dasar untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi pemulihan dan pembangunan semula ekonomi wilayah tersebut.

Antara dapatan utama Fasa 1 kajian lapangan tersebut ialah:

- Impak COVID-19 telah mengakibatkan **unjuran kerugian sebanyak RM21.4 bilion** daripada jangkaan awal **KDNK NCER** berjumlah RM236 bilion, sebahagian besarnya akibat penutupan perniagaan bukan keperluan utama (“non-essential business”) dan operasi terhad perniagaan perlu sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- Unjuran **kehilangan pekerjaan** adalah sebanyak **326,500**, yang mana 300,600 adalah akibat pembuangan kerja manakala 5,900 adalah akibat kehilangan peluang pekerjaan;
- **Pendapatan purata isi rumah dijangka menurun** sebanyak RM638 daripada unjuran RM7,099 untuk 2020, manakala pendapatan median isi rumah B40 dijangka akan mengalami penurunan 7% akibat COVID-19, sementara **kadar kemiskinan dijangka akan bertambah** sebanyak 10,541 isi rumah pada tahun 2020;
- Impak COVID-19 **amat dirasai oleh golongan rakyat**, yang mana mereka yang paling terjejas adalah dari **kumpulan B40 dan M40**, terutamanya golongan miskin tegar (B10), wanita dan belia, pekerja sektor tidak formal, graduan menganggur, pekerja yang diberhentikan, serta pelajar luar bandar;
- **Komuniti perniagaan** di NCER turut terkesan, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), usahawan mikro, peladang dan pengusaha hotel;
- Sektor **pembuatan** dan **pelancongan** di NCER merupakan sektor yang paling terjejas akibat COVID-19, yang mana sektor pembuatan dijangka mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai RM7.2 bilion, manakala seramai 82,100 pekerja dalam sektor pelancongan dijangka akan diberhentikan kerja.

KAJIAN LAPANGAN IMPAK COVID-19 TERHADAP RAKYAT & KOMUNITI PERNIAGAAN NCER

Bagi menangani isu-isu yang telah dikenal pasti seperti di atas, NCIA telah mengambil tindakan segera dengan memberi keutamaan kepada **projek-projek pemangkin, insentif pelaburan dan program-program modal insan** untuk membantu rakyat dan komuniti perniagaan yang terjejas akibat COVID-19. Antara **program-program "fast track"** yang telah diperkenakan ialah **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pihak Kerajaan.

JomKerja@NCER bertujuan **membantu industri** menangani impak COVID-19 dan juga **para graduan dan pekerja yang terkesan** akibat pandemik tersebut. JomNiaga@NCER pula adalah program modal insan yang menyediakan latihan dalam bidang **kemahiran, keusahawanan asas dan e-dagang** kepada rakyat yang terkesan akibat impak COVID-19, untuk menempatkan mereka ke bidang keupayaan produktif yang membolehkan mereka meraih pendapatan yang lebih tinggi.

Fasa 2 Kajian Lapangan: Mengkaji Impak COVID-19 Dengan Lebih Mendalam

Susulan Fasa 1 Kajian Lapangan tersebut, NCIA telah melaksanakan Fasa 2 Kajian Lapangan untuk mengkaji dengan lebih mendalam impak COVID-19 terhadap isi rumah dan perniagaan di NCER bersama-sama PwC Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Utara Malaysia pada Oktober-November 2020.

Fasa 2 kajian lapangan tersebut bertujuan **mengumpul data dan mengesahkan gambaran keseluruhan** berkaitan impak COVID-19 dan PKP terhadap kedua-dua golongan tersebut. Hasil dapatan kajian ini akan digunakan untuk merangka cadangan dasar, serta menambah baik program-program Persekutuan dan NCER dalam era pasca COVID-19.

Di bawah kaji selidik Fasa 2 ini, NCIA telah menyiasat isi rumah dan perniagaan di NCER dari segi **kesan sosioekonomi** seperti kadar pengangguran, pengurangan pendapatan isi rumah, kenaikan tahap kemiskinan, kerugian simpanan dan perniagaan seperti kadar pembuangan kerja, kemerosotan pengeluaran dan lain-lain.

Pemegang taruh bagi kajian lapangan ini merangkumi **isi rumah** dari kalangan rakyat, termasuk komuniti Orang Asli, penerima-penerima manfaat program NCER, agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan **komuniti perniagaan** yang terdiri daripada PKS, perusahaan mikro, para peladang dan ahli perniagaan tani, serta pemain-pemain sektor Pelancongan, Pembuatan, Perlombongan, Perkhidmatan dan sektor tidak formal.

Sampel populasi bagi kaji selidik ini telah mengambil kira aspek kesaksamaan di kalangan rakyat dari segi lokasi, tahap pendidikan, ambang pendapatan, jenis pekerjaan dan gender, dengan penekanan terhadap kumpulan B40, manakala komuniti perniagaan pula diwakili secara seimbang dari segi lokasi, jenis perniagaan, struktur perniagaan dan sektor.



Impak pandemik COVID-19 amat dirasai oleh kedua-dua golongan isi rumah dan komuniti perniagaan di NCER

Kajian ini menggunakan pendekatan **kaedah campuran** yang meliputi pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif, yang dikumpul melalui borang kajian atas talian, temuduga terperinci, serta soal selidik secara bersemuka. Sejumlah **3,131 borang kaji selidik** telah dikumpul daripada responden **isi rumah**, manakala **1,402 borang** telah diterima daripada **komuniti perniagaan dari seluruh NCER.** Bilangan responden dari komuniti perniagaan adalah lebih tinggi daripada sasaran saiz sampel, yang diperlukan untuk saiz populasi melebihi satu juta dengan margin ralat 95%.

Hasil Penemuan Kajian Lapangan Fasa 2: Impak Terhadap Rakyat dan Komuniti Perniagaan


Hasil kajian lapangan tersebut mendapai **kumpulan rentan** yang terdiri daripada isi rumah diketuai golongan wanita, golongan miskin dan warga emas yang berada dalam golongan pekerjaan yang tidak terjamin **sememangnya terkesan** akibat impak COVID-19. Malah, pandemik tersebut menyebabkan **keadaan ekonomi mereka semakin terjejas**.

Perincian impak pandemik tersebut terhadap rakyat adalah seperti berikut:

Impak COVID-19 Terhadap Rakyat di NCER

Isi Rumah B40 dan M40


- Peratusan isi rumah B40 telah meningkat susulan PKP



- Golongan miskin tegar (pendapatan <RM1,000 sebulan) meningkat sebanyak **2.4%**
- **88%** isi rumah B40 bekerja dalam sektor tidak rasmi, bekerja sendiri, menganggur atau bersara

Golongan Wanita

- Peningkatan ketara dalam pengangguran di kalangan isi rumah diterajui wanita



- **72%** isi rumah diterajui wanita adalah dari golongan B40, bekerja dalam sektor tidak formal atau bekerja sendiri
- **28%** isi rumah diterajui wanita mengalami pengurangan pendapatan


Belia & Graduan

- Pekerja muda dan graduan menghadapi tahap pengangguran yang tinggi
- Pekerja muda dan graduan merangkumi **80%** daripada golongan penganggur
- **40%** daripada pekerja/graduan muda bekerja sendiri atau bekerja dalam sektor tidak rasmi

Belia/ Graduan	Pekerjaan
Bekerja Sendiri	39.3%
Sektor Awam	27.1%
Sektor Swasta	26.5%
Pesara	5.7%
Menganggur	1.4%

Pekerja Sektor Tidak Formal

- Pekerjaan dalam sektor tidak formal dan bekerja sendiri merosot sewaktu PKP, sekaligus membayangkan kehilangan mata pencarian



- **90%** daripada pekerja sektor tidak formal dan bekerja sendiri adalah dari isi rumah B40

Orang Asli

- Orang Asli menghadapi situasi sosioekonomi yang sangat sukar, memandangkan kebanyakan mereka bekerja dalam sektor tidak rasmi atau bekerja sendiri
- >90% isi rumah Orang Asli adalah dari kumpulan B40, yang menjadikannya mereka kumpulan paling rentan di NCER
- Peratusan Orang Asli miskin tegar (pendapatan <RM1,000 sebulan) telah meningkat dari 51% kepada 69% sewaktu PKP



Kesejahteraan ekonomi Orang Asli di NCER amat dititikberatkan oleh pihak NCIA

Walaupun tinjauan yang dilakukan pada akhir tahun 2020 telah memperlihatkan ketidakjaminan pendapatan dan kerapuhan kumpulan rentan di NCER, trend ini berkemungkinan akan semakin terjejas dengan penguatkuasaan semula PKP pada tahun 2021.

Sumber: Kajian Lapangan Impak COVID-19; analisis PwC

Bagi komuniti perniagaan pula, **kesemua sektor merekodkan pertumbuhan jualan bulanan purata negatif sewaktu PKP**, dengan sektor **Pelancongan** merupakan **kluster yang paling terjejas** dengan kemerosotan sebanyak 89 peratus.

KAJIAN LAPANGAN IMPAK COVID-19 TERHADAP RAKYAT & KOMUNITI PERNIAGAAN NCER

Walaupun sektor-sektor **Perkhidmatan, Pelancongan dan Pertanian** mencatatkan pemulihan positif sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), sektor **Pembinaan masih bergelut** untuk bangkit kembali dengan purata jualan bulanan negatif sewaktu tempoh tersebut.

Impak COVID-19 Terhadap Komuniti Perniagaan di NCER

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

- PKS mewakili **46%** daripada keseluruhan perniagaan yang dikaji selidik
- PKS sebahagian besarnya berhadapan dengan isu ketidakcukupan tunai, terutamanya PKS dalam sektor perkhidmatan kerana mereka mewakili **55%** dari keseluruhan PKS
- Akibatnya, ramai pekerja telah diberhentikan kerja, diikuti dengan pengurangan dari segi waktu bekerja dan gaji

PKS mengikut Sektor	% yang memberhentikan pekerja
Pembuatan	**25%**
Perkhidmatan	**21%**
Pelancongan	21%
Pertanian	19%
Pembinaan	17%
Perlombongan dan kuari	0%

Perusahaan Mikro

- Perusahaan mikro mewakili 23% daripada keseluruhan perniagaan yang dikaji selidik
- Lebih daripada 50% Perusahaan Mikro mempunyai wang tunai yang mampu menampung mereka sehingga enam bulan, kecuali dalam sektor perlombongan dan kuari
- Sektor perkhidmatan amat terjejas memandangkan ia merangkumi 50% daripada keseluruhan Perusahaan Mikro
- Usahawan mikro kebanyakannya mengurangkan waktu bekerja kakitangan untuk bertahan

Perusahaan Mikro mengikut Sektor	% yang mengurangkan waktu bekerja
Pelancongan	**48%**
Pembuatan	35%
Pertanian	22%
Pembinaan	22%
Perkhidmatan	21%
Perlombongan dan kuari	0%

Peladang dan Pekerja Pertanian

- Kekurangan pekerja akibat kawalan pergerakan telah mengekang pergerakan pekerja bermusim (kebanyakannya pekerja asing)

Cabaran pekerjaan	% Syarikat Pertanian yang Terkesan
Kekurangan pekerja	**18%**
Membekukan pengambilan pekerja	16%
Penghantaran pulang pekerja asing	8%

- Kekurangan pekerja kebanyakannya dihadapi oleh Syarikat Liabiliti Terhad (25%) dan Syarikat Multinasional (33%)
- Jualan kekal teguh sewaktu tempoh PKP dan PKPP

Pekerja Sektor Pelancongan

- Pelancongan adalah sektor yang paling terkesan dari segi cabaran pekerjaan dan penyesuaian
- **40%** daripada syarikat pelancongan terpaksa mengurangkan waktu bekerja, iaitu langkah yang paling meluas digunakan

Sektor	% yang mengurangkan waktu bekerja
Pertanian	19%
Pembinaan	18%
Pembuatan	27%
Perlombongan dan kuari	14%
Perkhidmatan	22%
Pelancongan	**43%**

- **32%** terpaksa mengurangkan gaji pekerja, manakala **20%** perniagaan berkaitan pelancongan terpaksa memberhentikan pekerja mereka

Pekerja Sektor Pembuatan

- Syarikat-syarikat kebanyakannya telah mengurangkan waktu bekerja, berbanding mengurangkan gaji atau memberhentikan pekerja sewaktu PKP

Cabaran pekerjaan	% Syarikat pembuatan yang terkesan
Pengurangan waktu bekerja	**27%**
Pengurangan gaji	10%
Pemberhentian kerja	10%

- **40%** daripada syarikat multinasional telah mengurangkan waktu bekerja, lebih daripada organisasi perniagaan lain (LLC, GLC dan PKS)
- Syarikat pembuatan dan pembinaan telah mengalami gangguan pengeluaran, sebahagiannya akibat kluster jangkitan yang disebabkan oleh situasi tempat tinggal pekerja yang kurang memuaskan

Perusahaan mikro dan PKS di seluruh sektor amat terkesan akibat isu kecukupan tunai, manakala sektor-sektor pelancongan dan pembuatan terpaksa membuat penyesuaian dari segi pengurangan waktu bekerja

Sumber: Kajian Lapangan mengenai impak COVID-19, analisis PwC, akhbar New Straits Times

Impak Terhadap Operasi Perniagaan dan Tinjauan Pemulihan bagi Sektor-sektor Utama NCER

Perniagaan Tani	Pembinaan	Pembuatan	Perkhidmatan	Pelancongan	Perlombongan & Kuari
Operasi Jualan dan Perniagaan					
PKP -39%	**PKP -75%**	**PKP -41%**	**PKP -29%**	**PKP -89%**	**PKP -74%**
PKPP 157%	**PKPP -4%**	**PKPP 89%**	**PKPP 198%**	**PKPP 182%**	**PKPP 40%**
• 1/3 syarikat menghadapi gangguan dalam proses pengeluaran dan rantaian bekalan yang mengakibatkan kelewatan dalam pengedaran	• 1/3 syarikat terpaksa menunda pelaburan • 40% mengurangkan tahap pengeluaran dan perkhidmatan	• 50% menghadapi pengurangan dalam permintaan dan jualan • >40% menyatakan gangguan rantaian bekalan dan pengeluaran telah mengakibatkan kelewatan dalam pengedaran	• Pertumbuhan jualan PKS mengatasi purata sektor semasa PKPP, didorong oleh Makanan & Minuman (F&B) • Kira-kira 50% syarikat menghadapi masalah aliran tunai akibat pengurangan permintaan dan jualan	• 66% menghadapi pengurangan permintaan dan jualan • 70% menghadapi pengurangan aliran wang tunai sebanyak >50% • Kira-kira 20% daripada syarikat telah membatalkan pelaburan, manakala 1/3 lagi telah ditangguhkan	• >60% berhadapan gangguan rantaian bekalan dan kelewatan dalam pengedaran • >71% mengurangkan pengeluaran
Gambaran Pemulihan dan Jangkaan Perniagaan					
• Penerapan pertanian pintar untuk meningkatkan produktiviti dan meningkatkan kelestarian • PKS dan tanaman kontan mempunyai potensi positif untuk tahun 2021	• Pemulihan yang agak lesu dengan jangkaan yang lebih positif untuk PKS dan segmen-segmen seperti kejuruteraan awam • Pemulihan sektor bergantung kepada keselamatan perjalanan dan pengurusan pekerja asing	• Industri makanan akan meneruskan pemulihan pada tahun 2021 • Mengatasi gangguan bekalan rantaian dan logistik adalah kritikal untuk menstabilkan operasi, terutamanya untuk syarikat E&E dan M&E	• Digitalisasi memainkan peranan utama, namun tumpuan diberikan kepada media sosial, manakala pengembangan e-dagang adalah terhad • Kira-kira 1/3 daripada syarikat telah melaksanakan penghantaran dari pintu ke pintu	• Penutupan hotel di beberapa negeri menunjukkan permintaan yang lemah untuk penginapan jangka panjang • Pemulihan akan bergantung kepada kebangkitan semula pelancongan domestik dalam jangka masa terdekat	• Menangani gangguan rantaian bekalan dan logistik adalah kunci bagi pemulihan sektor

Perniagaan tani, perkhidmatan dan pelancongan menunjukkan pemulihan yang menggalakkan di sepanjang tempoh PKPP tetapi di seluruh sektor, kira-kira separuh syarikat yang dikaji selidik tetap gusar dengan kelestarian kewangan akibat pengurangan permintaan dan penjualan serta cabaran operasi dari segi gangguan rantaian bekalan dan logistik. Kesannya mungkin akan bertambah buruk dengan pelaksanaan PKP 2.0. Persiapan untuk PKPP seterusnya akan mempercepatkan proses pemulihan.

Sumber: NCIA, Kajian Lapangan Impak COVID-19, analisis PwC

Walau bagaimanapun, komuniti perniagaan tempatan berpandangan optimis bahawa tahun 2021 akan menjadi lebih baik untuk mereka dengan pelonggaran PKP, penambahbaikan rantaian logistik dan bekalan, serta pendigitalan perniagaan masing-masing.

KAJIAN LAPANGAN IMPAK COVID-19 TERHADAP RAKYAT & KOMUNITI PERNIAGAAN NCER

Rumusan

Berdasarkan kajian lapangan tersebut, beberapa isu dan cabaran penting telah dikenal pasti antaranya:

- COVID-19 telah mendedahkan lagi **ketidakjaminan dan ketidakkukuhan** ekonomi di kalangan golongan rentan
- Pekerja **tidak mahir dan separa mahir** lebih terdedah kepada pembuangan kerja dan pemotongan gaji
- **Penetrasi pendigitalan dan automasi masih rendah** di kalangan pemain industri dalam sektor Pembuatan dan Perniagaan Tani
- Isu **kecukupan tunai** masih berleluasa walaupun terdapat bantuan dalam bentuk pakej stimulus
- Operasi perniagaan terjejas teruk akibat **sekatan perjalanan merentas sempadan**



*Para peniaga kecil merupakan antara golongan yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik melanda)*

Program-program dan bantuan sedia ada yang dilaksanakan untuk menangani kesan COVID-19 di NCER secara amnya didapati mencukupi untuk membantu isi rumah dan perniagaan yang terkesan. Walaubagaimanapun, **langkah-langkah perlu diambil dan diteruskan** bagi membantu golongan yang paling terjejas teruk.

Untuk itu, NCIA akan mengambil pendekatan **serampang tiga mata** untuk menangani impak sosioekonomi COVID-19 di NCER iaitu **mempercepatkan pertumbuhan pelaburan swasta, mengutamakan projek-projek infrastruktur strategik,** dan **memperluaskan program-program modal insan**.



Respons pantas dalam menangani impak COVID-19 amat kritikal bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat dan golongan peniaga

Hasil kajian lapangan COVID-19 ini telah dibentangkan kepada Anggota Majlis NCIA, yang telah bersetuju agar ia menjadi sebahagian daripada rujukan bagi pelan mitigasi impak COVID-19 ke atas ekonomi NCER. Sehubungan itu, NCIA akan **bekerjasama dengan pihak LAKSANA** bagi melaksanakan cadangan-cadangan yang menyokong inisiatif Kerajaan Persekutuan, dan juga dengan pihak **Kerajaan-kerajaan Negeri NCER** bagi cadangan-cadangan yang memperkayakan inisiatif peringkat negeri.

Program-program pembangunan modal insan NCER seperti Kasih Ibu Darul Aman (KIDA), empowerNCER, entrepreneur NCER, NCER Talent Enhancement Programme (NTEP), Dana Usahawan Bumiputera (DUB), JomKerja dan JomNiaga juga **akan diteruskan** pada tahun 2021 di bawah RMK-12 sebagai sebahagian daripada pelan pemuliha pasca COVID-19. Sehubungan itu, usaha akan dipertingkatkan bagi mempromosikan program-program tersebut agar ia berjaya mencapai kumpulan sasaran.

NCIA juga akan **terus memantau** impak pandemik tersebut dan kemajuan pelan pemulihan yang berkaitan bagi memastikan keberkesanannya, demi manfaat rakyat dan komuniti perniagaan di wilayah ini.

MEMASTIKAN AGENDA KE ARAH PEMBANGUNAN LESTARI DI NCER



Projek Pembangunan Infrastruktur Pelancongan Royal Belum mengambil kira aspek kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar dan ekologi

Dalam melaksanakan agenda pembangunan sosioekonomi di NCER, aspek **kelestarian alam sekitar** merupakan salah satu elemen penting yang diterapkan dalam setiap projek dan program NCIA. Di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), **Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam** merupakan salah satu tujahan strategik utama di wilayah ini, beserta Pertumbuhan Ekonomi Mapan dan Penstrukturan Semula Sosial.

Agenda pembangunan NCER juga adalah sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pelan Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia 2020-2039, serta agenda kelestarian di peringkat negeri-negeri di NCER.

Projek pembangunan taman-taman perindustrian dan projek-projek fizikal yang lain di NCER adalah mengikut garis panduan dan spesifikasi laporan **Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)** yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS).

Pembangunan taman-taman perindustrian yang berkonsepkan "**Eco-Industrial Park**" atau **mesra alam** yang mana rekabentuk dan model pengurusan taman perindustrian ini akan mengikut **standard dan piawaian** yang sedang dibangunkan oleh SIRIM Berhad melalui libat urus bersama pihak NCIA. Antara kriteria penting yang diutamakan dalam konsep ini adalah hubungan simbiosis antara kluster industri di dalam taman perindustrian tersebut, yang mana bahan buangan bagi sesuatu kilang digunakan sebagai bahan mentah untuk kilang yang lain dalam taman perindustrian yang sama. Kriteria ini mampu dicapai melalui **model pengurusan taman perindustrian** yang bersepadu dan sistematik. Antara spesifikasi yang dipatuhi adalah reka bentuk taman yang menggunapakai aspek kawalan bahan buangan secara berpusat atau "centralised waste management" seperti yang dibina di **Kedah Rubber City (KRC)**.

NCIA turut memberi tumpuan kepada pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar serta warisan dalam projek-projek pembangunan NCER yang lain, antaranya, Projek Pembangunan Infrastruktur Pelancongan Royal Belum, Pelancongan Warisan Ipoh, dan Perpustakaan Digital Kedah ("Kedah Digital Library").

Dengan memastikan kelestarian alam sekitar di NCER kekal terjaga, pembangunan di wilayah ini bukan sahaja mampu memacu pertumbuhan ekonomi, malah akan memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih baik untuk rakyat dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

PERISTIWA PENTING 2020

Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ke-23 — 15 September 2020/Pulau Pangkor













Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ke-23 — 15 September 2020/Pulau Pangkor











PERISTIWA PENTING 2020


Lawatan Kerja Menteri Kewangan ke Ibu Pejabat NCIA* — 8 Ogos 2020/Pulau Pinang









*(*Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri "zon hijau" COVID-19 ketika lawatan berlangsung)*

Seminar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 di peringkat Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungkai, Perak — 2 Oktober 2020/ Perak












PERISTIWA PENTING 2020

Mesyuarat Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
Bil. 24 Yang Dijalankan Secara Maya — 16 November 2020/Dalam Talian











Lawatan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) ke IBC, CVIA* — 2 Julai 2020/Perlis









*(*Perlis merupakan salah sebuah negeri "zon hijau" COVID-19 ketika majlis berlangsung)*

Majlis Pelancaran Program Modal Insan - Perak* — 14 Januari 2020/Sungkai,Perak









*(*Majlis berlangsung sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

PERISTIWA PENTING 2020

Lawatan Kerja YAB MB Kedah ke KRC dan KDL* — 6 Februari 2020/Kedah






*(*Majlis berlangsung sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Majlis Komitmen Pelaburan - Perlis — 28 Julai 2020/CVIA , Perlis






Majlis Komitmen Pelaburan - Kedah — 2 Julai 2020/Wisma Darul Aman, Kedah







Majlis Komitmen Pelaburan - Pulau Pinang* — 23 Julai 2020/KOMTAR, Pulau Pinang









*(*Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri "zon hijau" COVID-19 ketika majlis berlangsung)*

PERISTIWA PENTING 2020

Majlis Komitmen Pelaburan - Perak — 24 Julai 2020/Bangunan Perak Darul Ridzuan, Perak






Majlis Penyerahan KIDA Fasa 2* — 28 Julai 2020/Kuala Muda, Kedah






*(*Kedah merupakan "zon hijau" COVID-19 sewaktu majlis berlangsung)*

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) - Kedah* — 3 Februari 2020/Wisma Darul Aman, Kedah






*(*Majlis berlangsung sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) - Pulau Pinang* — 14 Februari 2020/KOMTAR, Pulau Pinang






*(*Majlis berlangsung sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

PERISTIWA PENTING 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) dan Majlis Komitmen Pelaburan - Perak* — 11 Februari 2020/Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh






*(*Majlis berlangsung sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) - Perlis* — 10 Februari 2020/Kompleks DUN, Perlis






*(*Majlis berlangsung sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

KALENDAR AKTIVITI 2020



21 Januari
Ibu Pejabat NCIA

Perbincangan Meja Bulat dengan Swansea University dan lain-lain universiti serta pihak industri di NCER



9 - 10 Januari
The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang

Program Wacana Harmoni NCIA 2020: **Persediaan Ke Arah Menyampaikan Kemakmuran Bersama Melalui Pembangunan Wilayah Yang Seimbang**



13 Februari
Dewan Kolej Komuniti Taiping

Majlis Tamat Kursus Spa & Penjagaan Wanita



20 - 24 Januari
NCER

Aktiviti Pemantauan, Pengesahan Dan Pengumpulan Data Awalan Peserta Skim Usahawan NCIA-MAYBANK & NCIA-AGROBANK



14 Januari
Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak

Majlis Pelancaran Program-program Modal Insan: "Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat" Peringkat Negeri Perak



14 Februari
Ibu Pejabat NCIA

Lawatan Delegasi EU ke NCIA

KALENDAR AKTIVITI 2020



19 Februari
PSDC, Bayan Lepas

Sesi Taklimat Logistik & E-Pemenuhan Keperluan

8 Mac
Batang Padang

Program empowerNCER bersama Komuniti Batang Padang





8 Mei
Kolej Komuniti Sg Petani

Sumbangan PPE Oleh Peserta empowerNCER Kuala Muda



26 Februari
Pusat empowerNCER Daerah Langkawi

Jom Daftar SSM

7 Mei
Pusat empowerNCER Kuala Muda

Program Ikatan Kasih empowerNCER Kuala Muda





12 Mei
Penghulu Mukim Kupang Pulai

Program Jalinan Kasih Ramadan empowerNCER Baling



19 Mei
Pusat empowerNCER Daerah Yan

Program Rasa Ramadhan

20 Mei
Pusat empowerNCER Pendang

Program "Jalinan Budi" empowerNCER Pendang





14 - 15 Julai
Auditorium Ibu Pejabat NCIA

Program "e-Commerce Made Easy - Powered by Penang Halal International and Shopee"



19 Mei
Kolej Komuniti Sik

Pengagihan Bubur Lambuk untuk Petugas Barisan Hadapan

4 Julai
Dewan Merdeka Tapah

Program Sesi Taklimat & Saringan Program empowerNCER Bersama Masyarakat Orang Asli Batang Padang



16 Julai
SMK Sri Tapah, Daerah Batang Padang

Majlis Penyerahan Tablet kepada pelajar empowerNCER-Akademik di SMK Sri Tapah, Perak

KALENDAR AKTIVITI 2020



24 Julai

USM

Majlis Penyerahan Tablet kepada pelajar empowerNCER-Akademik USM

28 Julai

SMK Matang, Daerah Larut, Matang & Selama

Program Sedar Minda Ibu Bapa bersama En. Naufal di SMK Matang





16 Ogos

Adya Hotel, Langkawi

Majlis Penutup Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan Dan Pelancaran Langkawi Sebagai Hab Coklat



27 Julai

SMK Redang Panjang, Daerah Larut, Matang & Selama

Program Sedar Minda Ibu Bapa di SMK Redang Panjang

16 Ogos

Pusat empowerNCER Daerah Sik

Lawatan YAB MB Kedah ke Kolej Komuniti Sik & Perasmian Pusat empowerNCER Sik





22 Ogos

Dewan Tan Sri Haji Ghazali, Slim River, Perak

Program Karnival Kerjaya Dan Kemahiran JobsMalaysia anjuran Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak



15 September

Pulau Pangkor

Lawatan YAB PM ke premis perniagaan usahawan usahawan di Pulau Pangkor

2 Oktober

Dewan Jelutong Kuala Woh, Batu 7, Tapah

Program Bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed Kuala Woh Batu 7





6 Oktober

Penang Skills Development Centre (PSDC)

Promosi Program entrepreneurNCER



15 September

Pulau Pangkor

Sidang video antara YAB PM bersama para para usahawan dari Kangar (Perlis), Pendang (Kedah) dan Pulau Pangkor (Perak)

4 Oktober

Pusat empowerNCER Kuala Muda

"Mai Daftar SSM" empowerNCER Kuala Muda





7 Oktober

Kolej Komuniti Sik

Program "JomNiaga D'Shopee & Lazada"empowerNCER Sik

KALENDAR AKTIVITI 2020



16 - 18 Oktober
Giatmara Tasek Gelugor
Program Kursus Keusahawanan



17 Oktober
Hotel Nadias Inn Beach Resort, Pantai Chenang
Pameran Kraftangan "Show Your Talent"



25 Oktober
Pejabat Daerah Kubang Pasu
Temuduga JomNiaga@NCER



18 Oktober
Pejabat Penghulu Mukim Belimbing Kiri
Program Jerayawara empowerNCER dan Temuduga JomNiaga@NCER Daerah Padang Terap



11 Oktober
Pejabat Daerah Padang Terap (PDPT)
Temuduga JomNiaga@NCER Padang Terap



26 Oktober
Pejabat Daerah dan Tanah Kulim
JomNiaga@NCER & empowerNCER




10 November
Dewan Masjid Al- Hidayah Naka
Program Jalinan Mesra Bersama KIDA



27 Oktober
Pusat empowerNCER Kuala Muda
Mini Konvokesyen JomNiaga Daerah Kuala Muda




28 November
Pusat empowerNCER SPT
Program Taklimat SSM



26 November
"Street Food Court" Jalan Lagenda Height, Sungai Petani
Program Perasmian Gerai "Street Sushi"



2 November
Pejabat Penghulu Mukim Temin
Program Jerayawara empowerNCER Daerah Kubang Pasu



1 Disember
Pusat empowerNCER Baling
Program Jana Semula Usahawan empowerNCER Baling Bersama TEKUN Nasional

KALENDAR AKTIVITI 2020



12 Disember

Hutan Lipur Kuala Woh, Tapah, Daerah Batang Padang

Program Pengayaan Diri Ibu Bapa di Hutan Lipur Kuala Woh



8 Disember

Studio Media Craft, Victoria Street, Georgetown

Program "COVID-19 - New Frontier and Future for Business"



17 Disember

Dataran Pantai Chenang

Festival Komuniti Usahawan Kraf & Kebudayaan Langkawi 2020



14 Disember

Pejabat Penghulu Mukim Temin

Program Jerayawara empowerNCER Daerah Kubang Pasu



11 Disember

Kolej Komuniti Baling

Program "Pemasaran Digital Melalui e-Marketplace: Shopee"



20 Disember

Penghulu Padang Peliang En. Haslimi

Majlis Pembukaan Rasmi "Analia Spa"



23 Disember

Pusat empowerNCER Daerah Langkawi

Program Celik Akaun Peniagaan Bersama AmBank



21 Disember

Pusat empowerNCER Daerah Yan

Program Bengkel Fotografi "Gambaq Cun, Produk Pasti Laris" empowerNCER Yan



29 Disember

Pusat empowerNCER Daerah Yan

Program "Mai Daftar SSM" empowerNCER Yan



23 Disember

Mesyuarat "Zoom" Dalam Talian


Program Profesionalisme Guru: Seminar "The Amazing You" oleh ESQ Malaysia



22 Disember

Pejabat Penghulu Mukim Ayer Puteh

Program "Pemasaran DIgital Melalui e-Marketplace: Shopee & Lazada"



30 Disember

Dewan Orang Ramai Junjong Mukim Jitra

Kempen Kesedaran & Perekrutan Peserta empowerNCER

NCER DI MEDIA


NCER Malaysia
17 February 2020 ·

Lawatan Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace Jo
Langkawi semalam. Datuk Seri Issace melawat penerima-penerir
KIDA, peserta-peserta dari program empowerNCER: Akademik d
Penghulu Ahmad dan program empowerNCER: Latihan Kemahira
Keusahawan seterusnya ke panel klinik dan kedai runcit KIDA.

Lawatan ini adalah untuk memantau hasil dan keberkesanan pes
peserta program empowerNCER daerah Langkawi dan penerima
program KIDA serta mendapatkan maklumbalas daripada panel k
dan kedai runcit program KIDA.

#KIDA #empowerncerxkedah #empowerncerkedah

Hong Seng to buy land in Kedah Rubber City for RM45.74m to set up nitrile butadiene latex plant



ncermalaysia 16 NOVEMBER 2020 -
YAB Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin chaired the 24th Northern Corridor Implementation Authority Meeting (PB24) held online today.

The meeting was to discuss on the updated status and progress of the various projects and human capital programmes being implemented in Perlis, Kedah, Penang and Perak.

Through strong business stimulus incentives and attractive tax structures, the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) has exceeded its 2020 investment target of RM7 billion by more than 120% to



Kedah Rubber City dijangka tarik pelaburan RM10 bilion

MENTERI Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir (kiri) bersama Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia Datuk Dr Zairossani Mohd Nor (kanan) melihat kawasan tanaman getah ketika membuat lawatan kerja di Tapak Projek Pembangunan Kedah Rubber City (KRC) di Ladang Bukit Ketapang, Padang Terap. - Foto BERNAMA

PADANG TERAP: Projek Kedah Rubber City (KRC) dijangka menarik pelaburan bernilai RM10 bilion menjelang 2030, sekali gus menyumbang sebanyak RM2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata KRC meliputi kawasan seluas lebih 500 hektar berpotensi mewujudkan sebanyak 14,500 peluang pekerjaan membabitkan pelbagai peringkat kepakaran.


Katanya, pembangunan KRC membabitkan tujuh kluster diharapkan bakal meningkatkan permintaan getah mentah bagi pengeluaran produk bernilai tinggi.

NCER Malaysia
22 August 2020 ·

Sebagai respon NCIA kepada impak COVID-19, NCIA menawarka
(2) program iaitu JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER yang
dilaksanakan secara fast track. JomKerja@NCER memberi fokus
penempatan pekerjaan bagi graduan yang menganggur dan pek
yang diberhentikan khususnya dalam sektor Global Business Se
dan E&E serta Medical Devices.

Kumpulan sasar bagi JomNiaga@NCER pula terdiri daripada kun
belia, wanita, ibu tunggal, pekerja yang dihentikan kerja dan kon
See more






ncermalaysia
Pangkor, Perak, Malaysia

ncermalaysia 15 SEPTEMBER 2020 -
YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mempengerusikan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ke-23 (PB23) di Pulau Pangkor hari ini.

Mesyuarat ini telah membentangkan Pelan Pembangunan Strategik (SDP 2021-2025) Wilayah Ekonomi Koridor

Liked by alorsetarcity and 39 others
SEPTEMBER 15, 2020





ncermalaysia
Lembah Chuping,padang Besar

ncermalaysia YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) mengadakan lawatan kerja bersama dengan Datuk Seri Issace, Ketua Eksekutif NCIA di CVIA, Lembah Chuping, Perlis hari ini.

Projek CVIA yang berteraskan kluster utama Industri Hijau, Industri Halal dan Penjanaan Tenaga Boleh Diperbaharui, diramgka menjadi pemangkin ekonomi di wilayah ini bagi mendorong daya saing dan mewujudkan keterangkuman sosial.

#NCERmilestone #Perlis #CVIA

60w

PM unveils NCER's 2021-25 development plan

By Zahratulhayat Mat Arif - September 15, 2020 @ 1:10pm



Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yasin (centre) unveiled the Northern Corridor Economic Region's (NCER) Strategic Development Plan 2021-2025 (SDP), today, with a forecasted cumulative investment of up to RM146.5 billion. - Photo by Bernama.

PANGKOR: Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yasin today unveiled the Northern Corridor Economic Region's (NCER) Strategic Development Plan 2021-2025 (SDP) with a forecasted cumulative investment of up to RM146.5 billion.

The robust plans and strategies to mitigate the impact of the ongoing Covid-19 pandemic on the socio-economic needs of the people were disclosed during the 23rd Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) Council Meeting, chaired by Muhyiddin at the AVI Beach Resort here, today.

Present were Minister in Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, Perak Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, Kedah Menteri Besar Muhammad Sanusi Md Nor, Chief Minister of Penang Chow Kon Yeow and Perlis Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man.

Kerjasama pintar EmpowerNCER Fasa Kedua suntik pelaburan RM525.3 juta

Admin
July 23, 2020 (https://www.buletinmutiara.com/kerjasama-pintar-empowercer-fasa-kedua-suntik-pelaburan-rm525-3-juta/)



(https://www.buletinmutiara.com/wp-content/uploads/2020/07/CKY-0723a.jpg)

GEORGE TOWN – Enam syarikat swasta di negeri ini menyatakan komitmen untuk menyuntik pelaburan bernilai RM525.3 juta melalui jalinan kerjasama pintar dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menerusi program modal insan EmpowerNCER Fasa Kedua yang bakal mewujudkan 1,600 peluang pekerjaan khususnya kepada golongan terkesan ekoran penularan wabak COVID-19.

Perkara berkaitan diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sidang media sejurus berlangsungnya Majlis Komitmen Pelaburan Negeri Pulau Pinang oleh syarikat-syarikat pelabur dekat Komtar di sini sebentar tadi.

ttps://www.buletinmutiara.com/kerjasama-pintar-empowercer-fasa-kedua-suntik-pelaburan-rm525-3-juta/

NAGA

NCIA jalin kerjasama dengan tujuh syarikat swasta

July 27, 2020 / Utusan Sarawak



MENTERI Besar Perak Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (dua, kiri) menyaksikan pertukaran dokumen antara Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Datuk Seri Jebasingam Issace John (kiri) dan Ketua Pegawai Operasi Lumut Port Izudin Ismail (dua, kanan) pada majlis Komitmen Pelaburan Negeri Perak melibatkan tajuh syarikat anjuran Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di Bangunan Perak Darul Ridzuan baru- baru ini. - Foto BERNAMA

Program KIDA iktiraf peranan wanita

ROSLINDA HASHIM | 02 Julai 2020



Muhammad Sanusi menyerahkan kad KIDA sambil beramah mesra dengan penerima.

A- A+


BANDAR BAHARU - Seramai 4,547 wanita termasuk ibu tunggal dan [illegible] berpeluang menerima bantuan fasa dua program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) bagi meringankan beban kos sara hidup.



ncermalaysia
Pangkor, Perak, Malaysia

ncermalaysia 15 SEPTEMBER 2020 -
YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melawat tiga usahawan NCER iaitu Ismail Arshad yang mengusahakan minyak gamat; pengusaha kraftangan ikan buntal, Mohd Arshad Yusop atau dikenali sebagai Alang & Angry Fish di Kampung Telok Gedong dan pengusaha hasil perikanan Rasid

Liked by alorsetarcity and 39 others
SEPTEMBER 15, 2020



ncermalaysia
Kedah Rubber City

ncermalaysia 12 DEC 2020 -
Lawatan Rasmi oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri (JPM), YBhg. Dato Mohd Salehhuddin bin Hassan ke tapak projek NCER , Kedah Rubber City (KRC) di Bukit Ketapang, Padang Terap, Kedah hari ini.

Kedah Rubber City (KRC) merupakan projek strategik berimpak tinggi yang

25 likes

NCER DI MEDIA

PM to make one day visit to Pulau Pangkor tomorrow

By Zahrahulhood Mohd Arif - September 14, 2020 @ 4:55pm



Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin is scheduled to make an one-day working visit to this duty-free island tomorrow. - Bernama pic

NCER to implement human capital, high-impact infrastructure in Kedah under SDP 2021-2025.

By NST Business - November 3, 2020 @ 4:43pm



Kedah is working closely with the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) to implement the various human capital and strategic high-impact infrastructure projects under the recently approved Northern Corridor Economic Region (NCER) Strategic Development Plan 2021-2025 (SDP) to facilitate the revival of economic activities and job creation in the region.

KUALA LUMPUR: Kedah is working closely with the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) to implement the various human capital

Kedah terima pelaburan lebih RM3 bilion

Noorazura Abdul Rahman
azs@mediro.com.my



Sanusi Md Nor (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara wakil syarikat Ivory Gion (kiri depan) dengan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Dato Sri Jebasingam Issaca John pada Majlis Kemontern Pelaburan Negeri di Wisma Darul Aman, Ni. FOTO Noorazura Abdul Rahman

KEDAH akan menerima pelaburan lebih RM3 bilion membabitkan projek di Kedah Rubber City (KRC), Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) dan perhotelan di Langkawi yang bakal menawarkan 1,700 peluang pekerjaan baharu.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, pelaburan itu diterima daripada tujuh syarikat tempatan yang akan turut melaksanakan dua projek berimpak tinggi.

Katanya, kerajaan negeri akan memberi komitmen sepenuhnya bagi memudahkan proses pelaburan dan sokongan daripada agensi berkaitan.

"Kita mengalu-alukan lebih ramai pelabur ke Kedah khususnya dalam projek KRC, KHTP dan Hab Logistik Zon Ekonomi Sempadan Khas

HOME / MONEY

NCIA: Northern Corridor Economic Region's economy to grow by RM300b

Tuesday, 15 Sep 2020 12:58 PM MYT



Through the SDP, the northern region is projected to create more than 100,000 new jobs and over 42,000 entrepreneurs, while the cumulative investment is forecast to grow to RM146.5 billion. — Reuters pic

Subscribe to our Telegram channel for the latest updates on news you need to know.

LUMUT, Sept. 15 — The Northern Corridor Investment Authority (NCIA) expects the Northern Corridor Economic Region's (NCER) economy to grow by RM300 billion through initiatives outlined in the newly-launched Strategic Development Plan 2021-2025 (SDP).

Through the SDP, the northern region is projected to create more than

Dismissing an opposition assemblyman's claim about GBS companies being non-functioning, he cited Puncak Tegap Sdn Bhd is actively operating at the Perak Land and Mines Office here and has an office in Greentown to train and familiarise residents in Perak and from other states on the "e-Tanah" app.

"As at January 2020, an investment of RM115 million has been secured and 160 locals provided employment while another 140 jobs are expected to be filled by the end of this year," he disclosed.

Ahmad Faizal said another company, Revoluteq Sdn Bhd, which is based at Medan Bistari, would participate in a career carnival organised by the Education Ministry on February 11 at Ungku Omar Polytechnic here.

The company, he said, planned to employ 11 people in the first quarter of the year and 34 more, eventually.

He said two other GBS companies, DigitalQ Solutions Sdn Bhd and Teccsa Sdn Bhd, based at AEON Falim, have also employed local graduates, with plans to recruit more yearly.

"Last year, five GBS companies signed a memorandum of understanding with a commitment to invest RM486 million and create 1,509 jobs over

(DLT READ rs," he added. — Bernama

NCER SDP can stimulate Perlis' economic growth, boost GDP to RM7.1 bln

26 Oct 2020

The Northern Corridor Economic Region's (NCER) Strategic Development Plan (SDP) 2021-2025 is able to stimulate the economic growth of Perlis at a time when the world is facing a challenging financial environment.

In a statement today, the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) said as of end-September, the total investments in Perlis amounted to RM930 million and more than 350 new jobs were created.

It said the initiatives in the SDP was expected to increase the Gross Domestic Product (GDP) of the state to RM7.1 billion and create more than 5,700 new jobs and 1,400 entrepreneurs.

Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man said the Perlis state government is collaborating with the NCIA in implementing a three-pronged approach as enshrined in the SDP – human capital development, boost investment growth and improve connectivity and strategic infrastructure, in ensuring employment opportunities and safeguarding the people's livelihoods.

He said one of the main projects that was expected to start the economic recovery process in Perlis is the Chuping Valley Industrial Area (CVIA).

"Construction work for the first phase of CVIA development with an area of 178.08 hectares is currently in full-swing and is scheduled for completion in June 2022.

"Investment in excess of RM460 million, in addition to more than 600 new job opportunities, is currently being planned, comprising companies involved in the manufacturing of fourth equipment, electrical and electronics, education and smart farming industry," he said.

Azlan said despite the COVID-19 pandemic, CVIA is still able to attract investors through its existing potential, stimulating the growth of the area with various innovation-based and knowledge-intensive business activities in the high-growth and high-value sectors.

He said more than 12,000 job opportunities would be created when the 1008.85 hectares development area is fully completed later.

"The development and success of CVIA is important for Perlis as it is a major industrial park for economic activities that can be developed together as a sustainable model and will have a mutually beneficial network with industry and related support functions, boosting the socio-economic recovery of the people," he said.



How greening your portfolio can future-proof your investments

April 22 marks the 51st anniversary of Earth Day. As the world's largest environmental movement, this day provides an opportunity for us to reflect and demonstrate action to support environmental protection and tackle climate change.

Covering an area of 1,244 acres, KRC is the first dedicated Rubber Industrial Park in Kedah that is envisioned to accelerate the development of Malaysia's rubber industry.

Horng Seng was unchanged at RM1.02 today, valuing the company at RM520.04 million.

NCER Malaysia
15 September 2020 ·

15 SEPTEMBER 2020 - YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mempengerusikan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ke-23 (PB23) di Pulau Pangkor hari ini.

Mesyuarat ini telah membentangkan Pelan Pembangunan Strategik (SDP 2021-2025) Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang menekankan pendekatan dinamik untuk lebih fokus kepada membantu mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Selain itu, beliau turut berinteraksi secara maya menerusi panggilan vi

... See more



NCER Malaysia
1,313 followers
1yr ·

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) mengadakan lawatan kerja bersama dengan Datuk Seri Issace, Ketua Eksekutif NCIA di CVIA, Lembah Chuping, Perlis hari ini.

Projek CVIA yang berteraskan kluster utama Industri Hijau, Industri Halal dan Penjanaan Tenaga Boleh Diperbaharui, dirangka menjadi pemangkin ekonomi di wilayah ini bagi mendorong daya saing dan mewujudkan keterangkuman sosial.

#NCERmilestone #Perlis #CVIA



Top Tweet earned 4,691 impressions

SELASA INI, 14 Januari 2020! YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu akan merasmikan Majlis Pelancaran Program-Program Modal Insan di Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak. pic.twitter.com/ZfXIP6i3Tf





ncermalaysia Program empowerNCER Akademik Orang Asli Daerah Tapah

Testimoni mengenai Program empowerNCER Akademik Orang Asli Daerah Tapah, Perak semasa Program Kebudayaan yang telah berlangsung di Dewan Jelutong Hutan Lipur Kuala Woh, Tapah semalam.

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk membantu Bubapa mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan potensi diri bagi menerusikan kelestarian dalam akademik anak-anak mereka. Program ini turut menjemput Yang. Prof. Dato' Dr. Baharil Belaton, Dekan Pusat Pengajian Sains Komputer Universiti



MUHYIDDIN Yassin (baris depan, tiga dari kanan) mendengar taklimat cadangan pembangunan semula jeti Kompleks Terminal Jeti Penumpang dan Jeti Kargo di Pulau Pangkor, semalam.

SDP wujud 160,000 pekerjaan

LUMUT: Pelan Pembangunan Strategik (SDP 2021-2025) Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dijangka mewujudkan lebih 160,000 peluang pekerjaan baharu di empat negeri terlibat dengan wilayah ekonomi itu.

Dalam masa sama, ditunjurkan lebih 42,000 usahawan dapat diwujudkan manakala pelaburan terkumpul dijangka berkembang kepada RM146.5 bilion dalam tempoh berkenaan.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam kenyataannya di sini semalam menyatakan, SDP menjangkakan purata pendapatan isi rumah dan pendapatan isi rumah Bt40 di NCER, masing-masing dijangka mencecah RM10,500 dan RM4,200.

SDP dibentangkan dalam Mesyuarat NCIA ke-23 dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pulau Pangkor, semalam.

Mesyuarat itu dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

NCER merangkumi negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis.

Menurut NCIA, SDP menjangkakan NCER akan menjadi ekonomi bernilai RM300 bilion menjelang tahun 2025.

Bagaimanapun, disebabkan pandemik Covid-19, sasaran berkenaan dianjak selama dua tahun lagi.

"NCIA telah pun mencapai pelaburan direalisasi terkumpul berjumlah RM115.9 bilion sehingga Julai 2020, dan mewujudkan 140,000 peluang pekerjaan di NCER.

"Projek strategik, pelaburan berimpak tinggi dan program modal insan telah direka untuk menyelesaikan keperluan semasa rakyat dan meniagakan serta industri bagi mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

慕斯達法：擁全世界最好森林
首相促推廣生態旅遊

（打巴2日讯）掌管经济事务的首相署部长拿督斯里慕斯达法指出，国家面对气下的经济问题，首相已指示旅游部专注重动国内的生态旅游，打造更多生态旅游产物，以便成为世界上第一的生态旅游国家。

"首相是在复阁一周开的国家经济理事会会议上向旅游部下达这个指示，因为我国拥有的生态环境与森林，是全世界最好之一。"

通过进修提升原住民技能

他今午出席北马经济走廊特区执行单位（NCIA）在打巴瓜拉宾主办的贫穷线收入（PGK）座谈会后在新闻发布会上说，政府将会专注于为原住民提供生态旅游相关的课程，因为这必须涉及原住民社群，以便他们能够协助推广生态旅游产物，同时通过进修课程提升原住民的技能，协助他们脱贫穷。

慕斯达法在贫穷线收入座谈会上致词时指出，政府目前在整合国家机构与州政府机构的数据库，否则各阶级机构的数据不协调，将有损政府执行各项计划的成效。



慕斯达法（前右二）出席座谈会后，近视感化民社就强保的展览摊位。

"我们现在专注于解决人力，商家都受影响群体在后冠病疫情下面临的挑战，一旦各机构的数据库统一，将有利于我们拟定合适的方案，以消除国内的贫穷问题。"

出席活动者包括NCIA首席执行员辛哲斯里艾萨约翰和署理秘书拿督阿末苏艾迪。

Inisiatif rangsang, pulih ekonomi - NCIA

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2021 yang bersifat inklusif dan mengutamakan kesejahteraan rakyat diyakini mampu merangsang dan meningkatkan pemulihan sosioekonomi.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berpandangan pelbagai insentif yang diumumkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz semasa pembentangan belanjawan itu boleh meningkatkan ekonomi negara ke arah pertumbuhan mampan.

Menurut NCIA, lebih 36,000 peserta juga akan dapat memanfaatkan pelbagai insentif itu yang diumumkan bagi sektor pelancongan, hospitaliti, pengangkutan dan perkilangan.

Katanya, insentif itu juga merangkumi inisiatif untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor berkaitan pembuatan, pertanian, pembangunan hartanah dan pembangunan infrastruktur.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issacar John berkata, NCIA menganggap pakej insentif khas bernilai RM1 bilion untuk industri teknologi bernilai tinggi seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri aeroangkasa serta kelompok industri di Taman Industri Batu Kawan, Pulau Pinang dan Kulim, Kedah sebagai satu langkah tepat memasuki kelangsungan pemulihan.

"Insentif itu juga [illegible]



wilayah ekonomi dan pusat teknologi bertaraf dunia serta memperkukuh inisiatif kampus teknologi antara Pulau Pinang, Kedah dan Perak sebagai ekosistem teknologi holistik.

Beliau berkata, NCIA juga berpendapat Dana Teknologi Tinggi bernilai RM500 juta dan kerangka sistem percukaian baharu akan membolehkan negara [illegible] juta untuk lima koridor ekonomi wilayah untuk pengembangan projek ekonomi strategik pula mencerminkan komitmen kerajaan memerangkan agenda pembangunan wilayah dan mengurangkan ketidaksamarataan wilayah.

"Untuk tujuan ini, Zon Pembangunan Khas NCER di Yan dan Baling, Kedah akan membantu menjadi pemangkin pembangunan di kawasan yang lazung maju untuk membawa peningkatan sosioekonomi kepada rakyat," katanya dalam kenyataan.

4,499 wanita terima bantuan kewangan

Oleh SARINA ISMAIL

ALOR SETAR: Program Kembara Prihatin Negara bakal membantu kira-kira 4,500 wanita yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 di Kedah.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata, program berkenaan membabitkan peruntukan RM10 juta.

"Sesuatu semasa juga [illegible] mempertimbangkan untuk [illegible] menjadi [illegible] kerajaan [illegible] Kedah [illegible] [illegible] [illegible]

Laporan Kemajuan

PELABURAN DI NCER

RM15.6 BILION PELABURAN KOMITED (2020)

- Melepasi sasaran asal RM7.0 bilion
- Mewujudkan 22,364 peluang pekerjaan baharu untuk rakyat

RM129.09 BILION PELABURAN KUMULATIF (Sehingga 31 Disember 2020)

- Menjana 164,885 peluang pekerjaan untuk rakyat

58% PELABURAN LANGSUNG DOMESTIK (DDI)
42% PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

- DDI mendominasi pelaburan di NCER sewaktu tempoh pandemik & membantu menjana semula ekonomi tempatan

RM14.5 BILION PELABURAN DALAM SEKTOR PEMBUATAN (2020)

- Penyumbang pelaburan terbesar pada tahun 2020
- Didorong oleh sektor peranti perubatan serta elektrik dan elektronik (E&E)

RM578 JUTA PELABURAN OLEH 20 SYARIKAT DUB@NCER

- Mewujudkan 1,078 pekerjaan baharu
- Menjana kesan limpahan 46 kali ganda kepada ekonomi setempat

105 SYARIKAT MENYERTAI JOMKERJA@NCER

- 4,815 Rakyat mendapat pekerjaan melalui program ini

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah mengalami pertumbuhan yang progresif dan konsisten sejak penubuhannya pada tahun 2007. Setiap negeri di NCER, iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, masing-masing mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri yang dimanfaatkan oleh pihak NCIA untuk menjadikan NCER sebagai sebuah wilayah ekonomi dan destinasi pelaburan yang bertaraf dunia.

Kelebihan NCER Sebagai Destinasi Pelaburan

- Ekosistem perniagaan yang mampan dan matang dalam membangunkan dan memudahcara pelaburan-pelaburan berteknologi dan bernilai tinggi
- Persekitaran mesra perniagaan yang disokong teguh oleh Kerajaan dan dasar terbuka untuk pemain-pemain industri swasta
- Hubungan erat Industri-Akademia
- Lokasi strategik di wilayah kerjasama IMT-GT dengan rangkaian kesalinghubungan dan infrastruktur yang baik
- Kepelbagaian lokasi yang mampu memenuhi keperluan pelabur dari segenap industri
- Kumpulan bakat yang mampu memenuhi keperluan industri melalui program-program peningkatan kemahiran dan Pusat-pusat Kecemerlangan (COE)
- Pakej insentif pelaburan NCER yang kompetitif

Pada masa yang sama, ekosistem yang penting untuk menarik pelaburan di NCER sehingga kini telah berkembang dan membangun dengan pesat. Ia diterajui oleh **industri-industri berasaskan teknologi dan kejuruteraan** yang didorong oleh tenaga kerja terlatih, rangkaian logistik yang cekap dan canggih, persekitaran perniagaan yang dinamik dan kewujudan syarikat-syarikat multinasional yang memiliki rangkaian dan pasaran global.

Bagi memacu pertumbuhan ekonomi di NCER, fokus diberikan kepada pelaburan dalam sektor-sektor utama ekonomi yang meliputi Pembuatan, Perkhidmatan yang merangkumi Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, Pendidikan dan Ekonomi Digital, serta Perniagaan Tani, Petrokimia, Perlombongan Mapan dan Ekonomi Hijau.



Ekosistem pelaburan di NCER diterajui oleh industri-industri berasaskan teknologi tinggi

Dalam usaha menarik para pelabur swasta untuk melabur dalam sektor-sektor tersebut, NCIA memainkan peranan proaktif dalam **memudah cara urusan para pelabur** di NCER dengan membantu dan memberi panduan kepada pelabur yang melabur di wilayah ini. Sebagai sebuah agensi pembangunan sosioekonomi yang lengkap, usaha untuk menarik pelaburan dilaksanakan dengan terancang, teratur dan berterusan. Setiap pelaburan yang dirancang perlu melalui penilaian menyeluruh dari segi kesesuaiannya, sebelum dipertimbangkan oleh jawatankuasa berkaitan untuk dilaksanakan.



YAB Menteri Besar Perlis melawat premis penyewa di Integrated Business Centre (IBC), Chuping Valley Industrial Area (CVIA) pada 28 Julai 2020

Dengan rangkaian kerjasama strategik yang meluas, NCIA juga berupaya menyediakan **khidmat pemadanan perniagaan** antara syarikat dengan agensi-agensi Kerajaan dan institusi-institusi pengajian tinggi untuk menyediakan sokongan dan rangkaian hubungan perniagaan untuk para pelabur. Hubungan strategik ini memberi kelebihan kepada pelabur untuk membuat keputusan yang tepat di dalam memutuskan pelaburan mereka di NCER, selaras dengan konsep NCIA sebagai **pusat sehenti** yang menawarkan penyelesaian lengkap terhadap semua keperluan para pelabur.

Hubungan Strategik Dengan Agensi Persekutuan, Negeri dan Lain-Lain

Agensi Persekutuan	Agensi Negeri	Akademik & Agensi Lain
MOF, MITI, MIDA, LHDN, MOTAC, EPU, dll.	BPEN, PKNP, PKNK, PDC, InvestPerak, InvestKedah, InvestPenang, dll.	MiGHT, EEPN, MEPN, SIRIM, USM, UNIMAP, UUM, HRDCorp, PASAK, KISMEC, TalentCorp, CREST, dll.


Sebagai contoh, melalui rundingan berterusan dengan Kementerian Kewangan (MOF) pakej pemberian insentif kepada pelabur-pelabur di NCER dapat ditambah baik. Kerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pula membolehkan NCIA mendapat limpahan pelaburan berimpak tinggi daripada pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa. Manakala hubungan erat dengan Agensi Promosi Pelaburan Negeri serta Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) pula memainkan peranan penting dalam memudahkan rundingan dan penyelarasan pelaburan di peringkat negeri.

IMPAK COVID-19 TERHADAP PELABURAN DI NCER

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 menyaksikan sektor-sektor ekonomi utama di NCER turut terjejas apabila sekatan pergerakan diumumkan oleh Kerajaan dan sempadan antarabangsa ditutup serta-merta. Aktiviti promosi pemasaran pelaburan yang sebelum ini giat dilaksanakan turut terkesan berikutan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam pelbagai aspek.

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER


UNJURAN PELABURAN KUMULATIF DI NCER SEBELUM DAN SELEPAS COVID-19



Tempoh Penyusutan	Tempoh Pemulihan		Tempoh Penstabilan	
2020	**2021**	**2022**	**2025**	**2026**
Unjuran Pra COVID-19 **RM126.8 bil.**	Unjuran Pra COVID-19 **RM119.1 bil.**	Unjuran Pra COVID-19 **RM125.1 bil.**	Unjuran Pra COVID-19 **RM146.5 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM146.5 bil.**
Unjuran Pasca COVID-19 **RM116 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM118.1 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM120.4 bil.**	Unjuran Pasca COVID-19 **RM139.5 bil.**	

Nota: Kemerosotan sebanyak 30-40% adalah dijangka
Sumber: UNTCAD, analisis PwC

UNJURAN PELUANG PEKERJAAN KUMULATIF DI NCER SEBELUM DAN SELEPAS COVID-19




Tempoh Penyusutan	Tempoh Pemulihan		Tempoh Penstabilan	
2020	**2021**	**2022**	**2025**	**2026**
Unjuran Pra COVID-19 **143,771**	Unjuran Pra COVID-19 **149,153**	Unjuran Pra COVID-19 **152,316**	Unjuran Pra COVID-19 **161,197**	Unjuran Pasca COVID-19 **161,197**
Unjuran Pasca COVID-19 **145,771**	Unjuran Pasca COVID-19 **148,316**	Unjuran Pasca COVID-19 **148,316**	Unjuran Pasca COVID-19 **157,212**	

Nota: Kemerosotan sebanyak 30-40% adalah dijangka
Sumber: UNTCAD, analisis PwC

Impak COVID-19 telah menganjakkan sasaran pencapaian wawasan pelaburan kumulatif RM146.5 bilion untuk NCER selama 1 tahun, iaitu pada tahun 2026 berbanding sasaran asal menjelang tahun 2025. Unjuran pewujudan peluang pekerjaan di wilayah ini yang dijangka akan mencecah sebanyak 161,197 pekerjaan pada tahun 2025 turut dianjakkan ke tahun 2026.

Sehubungan itu, NCIA telah bertindak pantas untuk **mengenalpasti sektor-sektor yang berpotensi** untuk terus berkembang serta strategi-strategi baharu bagi memastikan kesinambungan pelaburan di NCER di kala pandemik COVID-19 melanda.

FOKUS PELABURAN NCER PASCA COVID-19



E&E, M&E dan Aeroangkasa
- *Meningkatkan insentif bakat untuk merangsang pengambilan pekerja dan menangani pembuangan kerja dan pengganggguran melalui JomKerja@NCER*

Farma & Peranti Perubatan
- *Menggalakkan dan memberi insentif kepada pelaburan dalam PPE dan peranti perubatan*
- *Menyasarkan pelaburan farmaseutikal yang inovatif untuk keselamatan vaksin dan akses kepada pilihan rawatan*
- *Memberi lebih penekanan terhadap aktiviti R&D*

Pertanian & Keselamatan Makanan
- *Mewujudkan rangkaian hubungan antara industri dan peladang untuk menggalakkan penggunaan teknologi pertanian pintar bagi meningatkan hasil produktiviti, keselamatan makanan dan mengurangkan kebergantungan tenaga kerja*

E-Dagang & Ekonomi Gig
- *Menyasarkan NCER sebagai hab digital ekonomi dan e-dagang, termasuk GBS, pergudangan berpusat dan vendor rantaian bekalan*
- *Mewujudkan kesedaran tentang faedah ekonomi gig dan menggabungkan rakan kongsi teknologi untuk pemegang taruh tempatan*

Strategi Mitigasi Keseluruhan
- Memanfaatkan aliran keluar FDI dari negara-negara Timur Jauh seperti China dan Jepun
- Memfokuskan kepada insentif untuk DDI dan pembangunan PKS untuk menjana semula ekonomi tempatan
- Mempromosi JomKerja@NCER secara agresif untuk meningkatkan pengambilan graduan baharu
- Memanfaatkan COE di NCER untuk meningkatkan kemahiran kumpulan bakat
- Memudahkan urusan menjalankan perniagaan untuk menarik pelaburan
- Strategi yang direka khas untuk FDI dan DDI
- Menjalin kerjasama dengan agensi-agensi pelaburan lain

Strategi pelaburan yang bersasar untuk sektor-sektor berpotensi dan terkesan adalah kritikal untuk pemulihan sosioekonomi

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

Antara strategi-strategi baharu untuk mengekang kelembapan aliran masuk pelaburan di NCER ialah:

- **Memanfaatkan peluang dan menyokong aliran keluar pelaburan langsung asing (FDI) dari negara-negara Timur Jauh** seperti China, Jepun, Korea, Taiwan dan lain-lain negara Asia tanpa mengenepikan sumber pelaburan dari negara-negara lain, khususnya negara-negara penyumbang sumber pelaburan tradisional utama dari Amerika Utara dan Eropah;
- Meningkatkan fokus kepada aliran **pelaburan langsung tempatan (DDI)** khususnya di kalangan **para pelabur sedia ada, syarikat konglomerat tempatan dan PKS yang berdaya maju**;
- Mempromosikan **pakej insentif JomKerja@NCER** untuk meningkatkan pengambilan tenaga kerja, khususnya di kalangan pekerja yang baru diberhentikan akibat pandemik COVID-19 dan graduan tempatan;
- **Mempermudahkan proses pelaburan** untuk menarik lebih banyak syarikat untuk melabur di NCER; dan
- **Mengukuhkan kerjasama dengan agensi-agensi pelaburan lain** di peringkat Persekutuan dan negeri untuk merangsang aktiviti pelaburan melalui **penawaran insentif fiskal** dan **bukan fiskal** yang lebih kompetitif.

Melalui strategi terancang ini, NCIA telah mengenalpasti beberapa **sektor yang berpotensi untuk berkembang** dan berupaya **menarik pelaburan baharu**, antaranya:

Sektor Farma dan Peranti Perubatan

Permintaan terhadap produk farma dan peranti perubatan meningkat dan sektor ini dijangka akan berkembang dengan pesat berikutan peningkatan keperluan industri penjagaan kesihatan.

Elektrik dan Elektronik (E&E)

Sektor ini pada mulanya dijangka akan terjejas akibat pandemik, namun didapati berjaya melawan arus dan berkembang. Ini didorong oleh permintaan yang tinggi terhadap cip elektronik yang diperlukan di dalam sektor automotif, peranti elektrik, dan lain-lain lagi.

Mesin dan Peralatan (M&E)

Sektor mesin dan peralatan juga menunjukkan perkembangan yang pesat berikutan dengan kesan pandemik yang memaksa pengeluar dan pengilang meningkatkan proses automasi dalam aktiviti pengeluaran dan pengurusan.

E-Dagang dan Ekonomi Gig

Muncul sebagai sektor ekonomi alternatif untuk mengisi vakum yang diwujudkan akibat kekangan terhadap sektor ekonomi tradisional, susulan daripada pelbagai SOP yang diperkenalkan.

Pertanian dan Keselamatan Makanan

Sektor ini turut mendapat suntikan agresif daripada Kerajaan dan pelabur swasta yang melihat kepentingan untuk menjamin bekalan makanan yang berterusan berikutan wabak yang melanda.

Logistik

Sektor logistik muncul sebagai satu sektor yang berkembang pesat berikutan peningkatan mendadak terhadap keperluan penghantaran dan juga untuk menghubungkan batuan terakhir (“last mile”) lanjutan daripada pelaksanaan perintah PKP.

KETERLIBATAN DENGAN PEMEGANG TARUH

Bagi menangani isu-isu yang memberi kesan kepada sektor pelaburan di NCER, Bahagian Pelaburan NCIA telah mengambil langkah-langkah proaktif melalui penganjuran sesi libat urus secara berterusan dengan semua pemegang taruh sektor ini untuk memastikan aliran pelaburan yang berterusan di NCER. Satu kaji selidik juga telah dijalankan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelabur serta pemain industri, yang mana dapatannya adalah seperti berikut:

- Syarikat-syarikat tidak bersedia dengan kesan daripada arahan PKP. Banyak syarikat yang terpaksa menutup atau mengecilkan operasi kerana terkesan dengan kemelesetan ekonomi.
- Kerja-kerja pembinaan dan aktiviti pengembangan pelaburan yang sedang berjalan terpaksa dihentikan kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu. Carta aliran kerja projek turut menerima kesan negatif dan disusun semula. Banyak syarikat yang memohon bantuan serta suntikan modal aliran tunai daripada Kerajaan.
- Syarikat yang mempunyai modal operasi yang tinggi terpaksa mengkaji semula operasi mereka, malahan ada yang terpaksa ditutup kerana pendapatan menurun sehingga lebih daripada 50%.



Sesi dialog yang dianjurkan oleh pihak NCIA dengan pemain industri E&E di Pulau Pinang pada 8 Ogos 2020, ketika negeri tersebut masih berada dalam zon "hijau" COVID-19

Sehubungan itu, NCIA telah merangka dan mengambil langkah-langkah pro-aktif untuk membantu sektor yang terjejas teruk, antaranya:

Mewujudkan Pelan Intervensi JomKerja@NCER

JomKerja@NCER diwujudkan untuk membolehkan pemilik perniagaan mengekalkan tenaga kerja atau pun membawa masuk tenaga kerja terlatih yang diberhentikan oleh syarikat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Mewujudkan Pangkalan Data Pelabur Berpotensi

Bahagian Pelaburan NCIA telah membangunkan sebuah pangkalan data berkaitan dengan pelabur-pelabur yang berpotensi untuk melabur di NCER yang dikemas kini setiap minggu.

Promosi Secara Maya

Mesyuarat dan promosi pelaburan tetap diteruskan secara maya susulan PKP, yang telah berjaya meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap keupayaan NCIA untuk terus memantau dan menguruskan usaha-usaha berkaitan dengan pelaburan di NCER.

Hubungan Dengan Pemegang Taruh

Hubungan dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, kedutaan, dewan perniagaan dan persatuan yang berkaitan terus dipereratkan melalui mesyuarat secara maya, penganjuran webinar bersama dan lain-lain.

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

PROGRAM JOMKERJA@NCER

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan implikasi terhadap ekonomi negara dan NCER, antaranya, kehilangan dan penguncupan peluang pekerjaan dalam semua sektor industri.

Selaras dengan insentif yang diumumkan oleh Kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), NCIA dengan sokongan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan (MOF) telah mengambil inisiatif untuk melancarkan Program **JomKerja@NCER**.

Program JomKerja@NCER merupakan sebuah program "fast-track" yang bertujuan membantu syarikat-syarikat di NCER mengekalkan dan mengembangkan perniagaan mereka yang terjejas susulan pandemik COVID-19, mengurangkan kadar pengangguran, dan memulihkan sosioekonomi wilayah di NCER. Program ini juga berperanan sebagai **insentif modal insan** kepada syarikat-syarikat di NCER untuk mengambil graduan yang tidak bekerja, pekerja yang diberhentikan kerja, lepasan sekolah, pekerja kontrak, pekerja separuh masa dan pelatih siswazah, sambil memastikan peserta menjalani **latihan kemahiran berkualiti tinggi** dan **latihan kemahiran insaniah** untuk meningkatkan kecekapan kerja mereka.

Inisiatif ini bertujuan memberi **peluang pekerjaan ke arah kualiti hidup yang lebih baik** untuk para peserta dan memastikan **pengambilan tenaga kerja mahir yang sesuai** dengan **keperluan industri** di NCER.

Program JomKerja@NCER memfokuskan kepada tiga pemacu ekonomi utama iaitu:

- **Pembuatan**: Peranti Perubatan, Elektrik & Elektronik, Pembuatan Berteknologi Tinggi ("High-End Manufacturing")
- **Perkhidmatan: Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, dan Ekonomi Digital**
- **Perniagaan Tani**

Majlis Pelancaran Program JomKerja@NCER telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan Malaysia, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz pada 8 Ogos 2020 di Pulau Pinang. Upacara tersebut turut disaksikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Dato' Asri Bin Hamidon, dan Ketua Eksekutif NCIA, YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John.



*Aplikasi permohonan JomKerja@NCER yang pertama diluluskan oleh Ketua Eksekutif NCIA, YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John, dengan disaksikan oleh (dari kiri) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Dato' Asri Bin Hamidon; Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow; dan Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz di Pulau Pinang**

*(*Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri "zon hijau" COVID-19 ketika majlis berlangsung)*


JomKerja@NCER dilaksanakan untuk menyokong syarikat dan perniagaan yang berhasrat menggunakan sumber manusia, melabur dan mengembangkan operasi di NCER. Syarikat-syarikat yang mengambil bahagian diberi insentif modal insan dan akses kepada kumpulan bakat yang pelbagai, yang terdiri daripada graduan baharu, belia, kakitangan wanita dan pekerja yang diberhentikan untuk memenuhi keperluan operasi mereka.

Peluang ini memberikan kualiti hidup yang lebih baik dan memastikan tenaga kerja mahir yang berpadanan dengan keperluan industri dalam NCER. Melalui program ini, syarikat digalakkan untuk mengambil tenaga kerja tempatan yang akan diberi latihan kemahiran berkualiti tinggi dan latihan kemahiran insaniah untuk meningkatkan kecekapan mereka.

Pencapaian Program

105 syarikat | 4,815 peserta

Jumlah diluluskan — **105** syarikat | **4,815** peserta



Pembuatan	52	3,937	(79%)
Ekonomi Digital	14	284	(9%)
AgriBio	17	353	(7%)
Pelancongan	15	189	(4%)
Logistik	7	52	(1%)

KRITERIA PROGRAM

PESERTA SASARAN

- Graduan menganggur dan pekerja diberhentikan
  - Peruntukan minimum 50% dan maksimum 50% bagi graduan berbanding pekerja diberhentikan
- Pekerjaan dalam bentuk pekerja separuh masa, pekerja kontrak, pelatih pengurusan, pelatih graduan dan intern boleh dipertimbangkan
- Untuk pekerja dalam kategori di atas, mereka boleh diserapkan ke jawatan tetap sebelum atau selepas tamat tempoh 6 bulan penglibatan

SYARIKAT SASARAN

- Aktif mengambil pekerja
- Melabur dan meluaskan operasi di NCER
- Berjaya menyertai progam NCIA sebelum ini

SEKTOR SASARAN


- Pembuatan
  - Peranti Perubatan
  - Elektrik & Elektronik
  - Pembuatan Bernilai Tinggi
  - Logistik
- Pertanian Pintar
- Ekonomi Digital
- Pelancongan

SKOP PEMBIAYAAN


- Bayaran pendahuluan 3 bulan kepada syarikat daripada jumlah yang diperuntukkan untuk menggalakkan syarikat mengambil peserta bekerja dan mengekalkan mereka
- Dihadkan kepada jumlah maksimum RM1,000 sebulan bagi setiap peserta untuk tempoh maksimum 6 bulan (RM6,000 untuk setiap peserta)
- Tuntutan pembayaran semula dibayar sekali setiap suku tahun
- Minimum 5 peserta dan maksimum 50 peserta bagi setiap syarikat

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

Menerusi program ini, NCIA telah mengambil pendekatan mencipta **aplikasi permohonan JomKerja@NCER secara dalam talian** yang berjaya dihasilkan secara dalaman ("in-house") dalam tempoh lima bulan. Sistem yang digunakan adalah pantas, unik dan mantap, di mana proses kelulusan bagi syarikat-syarikat yang memohon hanya mengambil masa sehingga **tujuh hari bekerja**, dan menyegerakan pembayaran tuntutan secara dalam talian.



Aliran Proses dan Tempoh Masa Kelulusan Permohonan JomKerja@NCER



Antara paparan aplikasi dalam talian program JomKerja@NCER



Usaha menarik peserta JomKerja@NCER giat dijalankan di lapangan


Sejak program ini dilancarkan, JomKerja@NCER telah membantu mencipta hampir **5,000 peluang pekerjaan** dengan lebih **RM21 juta insentif** disalurkan kepada lebih **100 syarikat** yang beroperasi di NCER, seterusnya dapat memangkin semula ekonomi wilayah ini.

PENCAPAIAN PELABURAN 2020

Walaupun menghadapi pelbagai kekangan dan cabaran susulan pelaksanaan PKP yang menghalang aktiviti promosi pelaburan dilaksanakan secara agresif, NCER telah berjaya menarik pelaburan komited berjumlah RM15.6 bilion, sekaligus melangkaui sasaran asalnya sebanyak RM7.0 bilion. Pelaburan komited baharu ini dijangka akan mewujudkan 22,364 peluang pekerjaan di NCER.

Ini menjadikan jumlah pelaburan terkumpul yang berjaya ditarik oleh NCER sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM129.09 bilion dari dalam dan luar negara, yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 164,885 peluang pekerjaan untuk rakyat di NCER.

Peningkatan yang ketara dapat dilihat dalam pelaburan langsung domestik (DDI) pada tahun 2020 berbanding pelaburan langsung asing (FDI), iaitu pada kadar 58 peratus (DDI) berbanding 42 peratus (FDI).



LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

PELABURAN BERIMPAK TINGGI YANG DILULUSKAN PADA 2020

Hartalega NSM Sdn Bhd

› Kubang Pasu, Kedah
› NTAX @ NCER Tax Incentives
› Jenis Pelaburan - DDI

Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
RM6.4 bil.	**12,359**

Pelabur dan Syarikat Peneraju Pertama di SBEZ Kota Perdana. Dengan nilai pelaburan yang tinggi, HNSM dijangka mencipta kesan limpahan ekonomi yang ketara melalui program pembangunan bakat dan vendornya, di samping menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

Music Tribe Hi-Tech Electronics Sdn Bhd

› Kulim Hi-Tech Park, Kedah
› NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme
› Jenis Pelaburan - FDI

Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
RM2.01 bil.	**374**

Peneraju multinasional bagi produk audio professional dan alat muzik ini telah memilih KHTP sebagai lokasi ibu pejabatnya bagi memacu strategi Transformasi Digital Global syarikat tersebut.

Jabil Circuit Sdn Bhd

› Batu Kawan, Pulau Pinang
› NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme
› Jenis Pelaburan - FDI

Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
RM1.27 bil.	**2,925**

Sebuah syarikat penyelesaian global yang meyediakan perkhidmatan komprehensif kepada syarikat-syarikat elektronik dan teknologi dalam pelbagai industri telah meluaskan kilang mereka, sejajar dengan inisiatif "Single Campus" NCER.

Unisem Advanced Technology Sdn Bhd

› Kinta, Perak
› NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme
› Jenis Pelaburan - DDI

Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
RM492 juta	**94**

Pelan peluasan bagi peningkatan kapasiti pengeluaran pemasangan semikonduktor dan fasiliti ujian serta fasiliti "wafer bumping" di Ipoh.

Empayar Paradiqma Sdn Bhd

› Pauh, Perlis
› NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme
› Jenis Palaburan - DDI

Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
RM500 juta	**350**

Salah satu daripada pengeluar senjata utama, yang dijangka menghasilkan 1.2 bilion bahagian peralatan setahun, beserta gudang terbesar di Perlis dan 3 bunker dengan kapasiti penyimpanan bahan letupan sebanyak 10 tan.

Smith & Nephew Operations Sdn Bhd

› Pulau Pinang
› NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme
› Jenis Pelaburan - FDI

Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
RM582 juta	**305**

Pembangunan fasiliti pengeluaran berteknologi tinggi di Taman Perindustrian Batu Kawan yang menyokong pengeluaran produk ortopedik yang sedang berkembang pesat di Asia Pasifik.

PENCAPAIAN PELABURAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor **Pembuatan** merupakan **penyumbang terbesar** pada tahun 2020 dengan pelaburan keseluruhan berjumlah **RM14.5 bilion**, diikuti dengan sektor **Logistik (RM0.63 bilion)**, **Ekonomi Digital (RM0.16 bilion)** dan **Pelancongan (RM0.15 bilion)**.

Pada tahun 2020 juga, tumpuan telah dipertingkatkan terhadap pembangunan **Taman-taman Perindustrian Tematik dan pembangunan kluster khusus** seperti Aeroangkasa, Penternakan Haiwan Tenusu, Produk Berasaskan Getah, Peranti Perubatan dan lain-lain. Pewujudan taman-taman perindustrian baharu ini membuka peluang kepada para pelabur untuk beroperasi dalam **ekosistem khas** dengan kemudahan infrastruktur serba lengkap bagi menyokong perkembangan mereka untuk jangka panjang.

PEMBUATAN

Kluster Pembuatan merupakan penyumbang terbesar pelaburan di NCER, di mana ia menyumbang sebanyak **71.8 peratus** daripada jumlah pelaburan di wilayah ini sehingga kini.

Bagi tahun 2020, jumlah pelaburan kluster pembuatan adalah sebanyak **RM14.5 bilion**, iaitu **93%** daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang dicapai di dalam tahun 2020 di NCER. Sektor **peranti perubatan** dan juga **elektrik dan elektronik (E&E)** mendahului sektor-sektor lain dan menjadi penyumbang terbesar kepada pelaburan baharu di NCER pada tahun 2020. Pandemik COVID-19 telah membantu perkembangan pesat kedua-dua sektor ini.

Pelaburan baharu bagi **sektor peranti perubatan** di NCER pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak **sembilan kali ganda atau 897%** berbanding tahun sebelumnya, khususnya bagi pengeluaran **sarung tangan nitril perubatan**. Manakala sektor elektrik dan elektronik (E&E) pula meningkat sebanyak **dua kali ganda atau 163%** berbanding tahun 2019.

Sektor pembuatan yang paling terjejas akibat pandemik COVID-19 ini pula ialah sektor **Teknologi Hijau** yang menguncup sebanyak 75% berbanding tahun 2019, manakala sektor **Jentera dan Peralatan (M&E)** serta sektor **Automotif** pula masing-masing menguncup sebanyak 87% dan 91% berbanding tahun 2019. Ini adalah kerana sektor-sektor ini tidak dilihat sebagai sektor keperluan utama sewaktu pandemik COVID-19.

Untuk menangani cabaran dari segi prestasi aliran pelaburan ke NCER ini, **langkah-langkah intervensi serta pakej stimulus COVID-19** telah diperkenalkan untuk menyokong kemasukan pelabur-pelabur ke NCER. Pakej rangsangan ini bukan sahaja menyokong kemasukan pelabur baharu melalui pakej insentif yang kompetitif, malah ia turut mengambil kira **pembangunan modal insan** melalui insentif khusus untuk mengambil semula pekerja yang diberhentikan serta menyediakan latihan khas untuk penempatan semula pekerja-pekerja terlatih.

Taman-Taman Perindustrian Tematik Di NCER: Merangsang Pertumbuhan Industri Pembuatan Bernilai Tinggi

Taman-taman perindustrian tematik di NCER terdiri daripada projek-projek pembangunan taman perindustrian yang mempunyai **pengkhususan dan industri sasaran masing-masing**. Ia bermatlamat **memanfaatkan kelebihan sedia ada** di kawasan-kawasan terbabit, antaranya, **lokasi yang strategik** serta **infrastruktur** dan **rangkaian kesalinghubungan** yang cekap.

Taman-taman perindustrian tematik di NCER ini bukan sahaja mampu mengupayakan pertumbuhan dalam **pembuatan produk-produk bernilai tinggi**, malah ia turut memainkan peranan penting dalam memangkin pembangunan sektor **rantaian bekalan industri**, mewujudkan **rangkaian industri sokongan dan pembekal**, sekaligus menyediakan **ekosistem perniagaan yang lebih lengkap**. Ini seterusnya dapat menjana lebih banyak peluang perniagaan di wilayah ini, lantas mengurangkan kebergantungan kepada barangan import.

Pada tahun 2020, dua buah taman perindustrian tematik telah mula beroperasi dan menerima pelabur iaitu **Chuping Valley Industrial Area (CVIA)** di Chuping, Perlis dan **Kedah Rubber City (KRC)** di Padang Terap, Kedah.

CVIA dijangka akan menyumbang lebih dari **RM2.5 bilion** untuk Pendapatan Nasional Kasar (PNK) Malaysia, serta menarik sejumlah **RM4.5 bilion pelaburan swasta** yang akan mewujudkan lebih dari **12,000 pekerjaan** menjelang 2030. Sehingga kini, CVIA telah menarik **pelaburan berpotensi lebih dari RM120 juta** yang akan mewujudkan hampir **350 peluang pekerjaan** dari pelabur tempatan dan syarikat asing. Pelabur-pelabur yang telah dikenal pasti untuk CVIA terdiri daripada pemain dalam sektor **produk makanan dan nutraseutikal halal, pembinaan, semikonduktor (elektrik dan elektronik)** dan **pertanian pintar**.

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

KRC pula dijangka akan menyumbang sebanyak **RM14.7 bilion** kepada KDNK negara, dengan jangkaan kemasukan pelaburan sebanyak **RM10 bilion** dan mewujudkan sebanyak **15,000 peluang pekerjaan** baharu dalam tempoh 15 tahun beroperasi. Dua buah syarikat telah mengumumkan hasrat untuk melabur di KRC dengan pelaburan berjumlah **RM1.55 bilion**, yang akan mewujudkan **lebih 2,630 peluang pekerjaan baharu**. Pelabur-pelabur yang telah menyatakan komitmen mereka adalah daripada sektor pengeluaran bahan getah seperti sebatian lateks "nitrile butadiene", sarung tangan getah, serta perkhidmatan logistik dan pergudangan.

PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan di NCER terdiri daripada beberapa sub-kluster yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan**, serta **Ekonomi Digital**. Setiap sub-kluster ini memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi wilayah, dengan memanfaatkan warisan semula jadi dan sejarah di negeri-negeri NCER, rangkaian infrastruktur dan logistik yang baik dan cekap, serta ekosistem mesra pelaburan yang sedia wujud di wilayah ini.

PELANCONGAN

Sebanyak **dua projek pelancongan baharu** telah diluluskan di NCER pada tahun 2020 iaitu untuk pembangunan hotel bertaraf empat bintang di Pulau Pinang oleh **Iconic Penang Sdn Bhd** dan pembangunan penginapan mesra bajet yang berkonsepkan kontena di Pangkor, Perak oleh syarikat **MZ Synergy Holdings Sdn Bhd**.

ICONIC PENANG SDN BHD



Gambaran bangunan Iconic Hotel apabila siap kelak





Kerja-kerja pembinaan projek sedang giat dijalankan

Projek Iconic Penang Sdn Bhd melibatkan pembinaan sebuah hotel baharu bertaraf empat bintang di Sungai Nibong, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang dijangka siap menjelang tahun 2024.

Pembangunan hotel 33 tingkat dengan 304 bilik penginapan ini melibatkan pelaburan sektor swasta sebanyak RM150 juta dan akan mewujudkan sebanyak 211 peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dan NCER. Projek Iconic Hotel ini akan memberi kesan limpahan ekonomi dan menyokong pembangunan industri pelancongan NCER amnya, dan Pulau Pinang khususnya.

MZ SYNERGY HOLDINGS SDN BHD

MZ Synergy Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat Bumiputera yang berpusat di Ipoh, Perak, sedang membangunkan sebuah penginapan pelancongan berkonsepkan kontena pertama yang seumpamanya di Pulau Pangkor iaitu Alun Retreats @ Pasir Bogak dengan nilai projek sebanyak RM1.86 juta. Projek yang bersifat "mesra rakyat" dan menawarkan penginapan pada harga berpatutan ini merupakan sebuah projek PKS yang memanfaatkan potensi Pulau Pangkor sebagai sebuah pulau bebas cukai. Projek ini, yang akan memberi limpahan positif kepada 30 usahawan tempatan, dijangka dibuka kepada orang awam pada suku ketiga 2021.



Gambaran artis





Kerja-kerja pembinaan projek sedang giat dijalankan

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

NCER terletak di **laluan perdagangan maritim utama** di dunia dan ia juga memiliki kelebihan dari segi **rangkaian logistik yang mampan** dan **infrastruktur pengangkutan yang lancar dan cekap**. Wilayah ini juga menempatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pelabuhan Pulau Pinang, yang mana masing-masing merupakan lapangan terbang yang kedua tersibuk di tanahair serta salah satu pelabuhan laut yang tersibuk di dunia. Di samping itu, Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar merupakan pintu masuk utama bagi lebih 67% daripada eksport Selatan Thailand, atau kira-kira 250,000 TEU setahun.

Sehubungan itu, sektor logistik memainkan peranan penting sebagai pengupaya utama perdagangan di NCER, beserta kluster perkhidmatan sokongan yang telah pun bertapak khusus. Antara insiatif dan projek pemangkin dalam sektor ini yang telah dilaksanakan pada 2020 ialah **pembinaan terminal pukal baharu di Pelabuhan Lumut** dan **penambahbaikan Pelabuhan Pulau Pinang** bagi meningkatkan lagi sistem logistik dan kesalinghubungan di NCER.

Pada tahun 2020, beberapa syarikat telah melabur dalam sektor logistik NCER dengan jumlah pelaburan bernilai hampir RM1.21 bilion yang dijangka mewujudkan 410 peluang pekerjaan untuk rakyat. Dalam masa yang sama, sebanyak 7 syarikat pelabur logistik dengan 52 pekerja telah mendapat manfaat daripada program JomKerja@NCER.

PROJEK PEMBINAAN TERMINAL KARGO PUKAL BAHARU DI PELABUHAN LUMUT, PERAK

Pelabuhan Lumut yang berpusat di Kampung Acheh, Sitiawan, Perak, mengendalikan operasi pelabuhan bahan mineral pukal kering dan cecair. Pelabuhan Lumut yang dikendalikan oleh Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. adalah pakar dalam perkhidmatan pemunggahan, pergudangan, pengangkutan, penyimpanan terbuka (“open storage”) dan tertutup (“warehouse”) serta import dan eksport ke seluruh Malaysia, dan destinasi-destinasi utama luar negara.

Terminal sedia ada seluas 121.32 ekar yang terletak di Kg. Acheh dikenali sebagai LMT1. Manakala cadangan pembinaan terminal baharu dengan keluasan tanah 115 ekar yang terletak 2 kilometer dari terminal sedia ada akan dikenali sebagai LMT2.

LMT1 dijangka akan mencapai keupayaan penuh mengendalikan **7 juta tan metrik kargo pukal setahun** pada penghujung tahun 2023. Manakala LMT2 yang akan mula beroperasi pada tahun 2023 disasarkan akan mencapai keupayaan penuh mengendalikan 7 juta tan metrik kargo pukal menjelang penghujung tahun 2026.

Pelabuhan Lumut telah memainkan peranan penting dan meletakkan negeri Perak sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan memiliki nilai tambah kepada para pelabur luar, yang menjadikannya sebuah pusat aktiviti perdagangan bertaraf antarabangsa.

Kos keseluruhan projek ini adalah berjumlah **RM400 juta**, yang mana LMT2 dijangka akan mewujudkan sebanyak **150 peluang pekerjaan baharu** untuk penduduk tempatan di negeri Perak, khususnya di sekitar Manjung dari kalangan tenaga mahir dan tidak mahir. Peluang pekerjaan ini amat diperlukan untuk menjana ekonomi setempat dan mengelakkan penghijrahan tenaga kerja anak tempatan ke bandar-bandar sekitar.

PENAMBAHBAIKAN PELABUHAN PULAU PINANG

Pelabuhan Pulau Pinang berhadapan dengan cabaran bagi meneruskan peningkatan sistem penyampaiannya susulan kesan pandemik COVID-19, memandangkan industri pelabuhan adalah industri yang bersifat dinamik dan kompetitif. Sejajar dengan perubahan pesat industri pelabuhan, Pelabuhan Pulau Pinang telah mengambil langkah untuk mengangkat status pelabuhan ini ke satu tahap yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, pelaburan sebanyak **RM733 juta** akan disalurkan bagi projek penambahbaikan North Butterworth Container Terminal (NBCT) dan Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) yang akan meningkatkan kapasiti kendalian kargo di NBCT dan keupayaan SPCT untuk menerima dua buah kapal pelayaran mega cruise pada masa yang sama.

Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 42 peluang pekerjaan baharu secara langsung di kalangan rakyat tempatan.

EKONOMI DIGITAL

Sektor Ekonomi Digital adalah kesinambungan sektor Perkhidmatan Perniagaan Global atau “Global Business Services“ (GBS) di bawah Sektor Perkhidmatan. Dikenali sebagai Ekonomi Digital sejak 2019, kluster ini merupakan salah satu sektor utama di wilayah ini berdasarkan keupayaannya menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan melahirkan masyarakat berpengetahuan, selaras dengan rangka kerja pembangunan strategik NCER di bawah RMK-12. Ini seterusnya akan dapat membantu menangani isu pengangguran di kalangan graduan di NCER.

Pada tahun 2020 yang dibayangi oleh pandemik COVID-19, sektor Ekonomi Digital telah **berkembang dengan pesat** berikutan peningkatan dalam transaksi **e-dagang** dan penerapan **norma baharu**, di mana **pembelajaran dan pekerjaan dilakukan dari rumah (“work from home”)** serta transaksi membeli-belah dilakukan secara **dalam talian** akibat sekatan pergerakan yang dikuatkuasakan.

Malah, pandemik COVID-19 telah **mempercepatkan penggunaan perkhidmatan digital** dan meninggalkan impak yang besar, di mana satu di kalangan tiga pengguna telah mencuba perkhidmatan digital buat kali pertama. Pada tahun 2020 sahaja, terdapat penambahan 40 juta pengguna baharu internet di Asia Tenggara, berbanding dengan hanya 100 juta bagi lima tahun yang sebelumnya (2015-2019).

Sub-sektor Ekonomi Digital yang dipromosikan di NCER terdiri daripada **GBS, Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), e-dagang dan multimedia kreatif**. Usaha penarikan pelaburan dari dalam dan luar negara dalam sektor Ekonomi Digital akan turut menyokong sektor-sektor lain seperti Pertanian Pintar (Perniagaan Tani), Pembuatan dan teknologi baharu, serta menggalakkan pemindahan teknologi.

CLARIVATE (MALAYSIA) SDN BHD

Clarivate (Malaysia) Sdn Bhd, sebuah syarikat multi nasional GBS yang berkecimpung dalam bidang **sains hayat (“life science”)** dan harta intelektual telah komited untuk melabur sebanyak RM159 juta di Pulau Pinang, yang akan menyediakan sebanyak **350 peluang pekerjaan**. Syarikat ini telah memulakan operasi mereka pada Oktober 2020 di Bayan Lepas. Tenaga kerja mahir dalam bidang Sains, Farmasi, Perubatan telah diambil bekerja oleh syarikat tersebut. Ini adalah julung kali sebuah syarikat GBS sains hayat beroperasi di NCER.



Pejabat Clarivate (M) Sdn Bhd di GBS@Mahsuri

Pada tahun 2020, sebanyak **12 syarikat pelabur dalam sektor Ekonomi Digital** dengan **245 pekerja** telah mendapat manfaat daripada program **JomKerja@NCER**.

PEMBANGUNAN EKOSISTEM GBS@NCER



Peserta Program “GBS Industry Embedded Programme” di USM

Pada tahun 2020, sebuah program kerjasama **industri-akademia** yang dikenali sebagai program “**GBS Industry Embedded Programme**“ juga telah dijalankan. Program ini adalah kolaborasi antara NCIA, Universiti Sains Malaysia (USM) dan “GBS Focus Group Northern Chapter”. Melalui program ini, pelajar-pelajar USM telah didedahkan kepada dunia GBS dengan menjalankan projek-projek dunia sebenar yang dikendalikan bersama oleh pemain-pemain industri GBS di Pulau Pinang dan tenaga pengajar USM. Seramai 50 pelajar telah mengikuti program tersebut dan ada di antara mereka yang telah diberi pekerjaan oleh syarikat-syarikat GBS yang terlibat.

NCIA juga telah bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) untuk menjayakan webinar “**Manfaat Ekonomi Perkongsian bagi PKS**” di NCER. PKS di NCER telah didedahkan dengan kemudahan e-dagang yang dapat membantu mereka meneruskan, malah mengembangkan lagi perniagaan mereka dalam suasana pandemik COVID-19 yang melanda negara.

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

DANA USAHAWAN BUMIPUTERA (DUB@NCER)

Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER) merupakan satu inisiatif bantuan kewangan berbentuk geran yang bertindak sebagai "tipping point" bagi inisiatif pelaburan PKS Bumiputera di wilayah ini.

Objektif utama DUB@NCER adalah untuk memberi sokongan kepada PKS Bumiputera bagi pelaksanaan projek-projek yang berkelayakan dengan tujuan memastikan syarikat dapat meneruskan perniagaan mereka, terutamanya dalam era pasca-COVID-19 ini. Ia juga bermatlamat **merapatkan jurang pelaburan sektor swasta**, khususnya dalam melaksanakan projek-projek Bumiputera yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan komuniti di NCER.

Melalui program DUB@NCER, NCIA menawarkan geran sehingga 15% daripada kos projek yang layak atau maksimum RM2 juta (yang mana lebih rendah) kepada pemohon-pemohon dari sektor teras NCER.

Setakat 31 Disember 2020, sebanyak **20 syarikat Bumiputera** yang mempunyai pelaburan terkumpul berjumlah **RM578 juta** telah mendapat manfaat daripada program DUB@NCER, dengan jumlah geran komited sebanyak **RM12.6 juta**. Pelaburan syarikat-syarikat tersebut mampu mewujudkan **1,078 peluang pekerjaan** untuk rakyat dan menghasilkan impak **46 kali ganda** terhadap ekonomi setempat.

Pelaburan-pelaburan tersebut merangkumi 7 projek dalam sektor Pembuatan (66% daripada jumlah pelaburan keseluruhan), 3 dalam sektor Pelancongan (20%), 6 dalam sektor Pertanian dan Bio Industri (10%), serta 4 dalam sektor Logistik (4%).



*Salah satu projek Perniagaan Tani di NCER yang dilaksanakan oleh MATA Aerotech Sdn Bhd, sebuah syarikat teknologi robotik dan UAS yang merupakan penerima geran Dana Usahawan Bumiputera NCER**

**Gambar di bahagaian atas kanan diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

DANA USAHAWAN BUMIPUTERA NCER SETAKAT 31 DISEMBER 2020

PENCAPAIAN 2020

Bil. Syarikat	Geran Komited	Pelaburan Bumiputera	Peluang Pekerjaan	Gandaan Pelaburan
20	RM12.6 juta	RM578 juta	1,078	46x

CABARAN-CABARAN UTAMA YANG DIHADAPI OLEH PKS

- Kekangan akses kewangan
- Keupayaan terhad/tiada keupayaan untuk mengguna pakai teknologi
- Persaingan global
- Mengekalkan pekerjaan & mencipta pekerjaan baharu
- Mencipta nilai proposisi baharu
- Mengekalkan kelangsungan perniagaan, menangani gangguan wang tunai


SEKTOR (% BIL. SYARIKAT)

Pembuatan	**7 Projek** (66%)
Pelancongan	**3 Projek** (20%)
Ekonomi Hijau	**6 Projek** (10%)
Logistik	**4 Projek** (4%)

PELABURAN DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI

70% (4 syarikat)	3% (4 syarikat)	17% (3 syarikat)	10% (9 syarikat)

Pecahan Mengikut Negeri



LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

KISAH KEJAYAAN PELABUR DUB@NCER

AL-MESWAK MU'MIN SDN BHD

Cadangan pembangunan Kilang, Ruang pejabat dan Gudang 2 Tingkat	Kubang Menerong, Seberang Perai Utara



Gambar pembinaan kilang 70% siap





Walaupun berdepan dengan kekangan akibat krisis pandemik seperti kekurangan pekerja dan pemberhentian sementara kerja-kerja pembinaan akibat PKP, namun syarikat ini masih meneruskan usaha untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan komitmen kapasiti pengeluaran produk syarikat dapat dipenuhi.

MALIBEST RESORT SDN BHD

Cadangan mendirikan Bangunan Hotel Lima Tingkat (79 Bilik)	Tanjung Mali, Mukim Kedawang, Langkawi



Gambar ilustrasi hotel apabila siap dibina kelak





Industri pelancongan merupakan antara industri yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19, namun syarikat ini tetap meneruskan usaha untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan perhotelan bagi memenuhi keperluan pada masa hadapan.

KISAH KEJAYAAN PELABUR DUB@NCER

IDEAL HEALTH CARE SDN BHD

Pembelian, Pemasangan, Pengujian, Pentauliahan Bagi Mesin Pembuatan dan Pembungkusan Topeng Muka (Jenis "Tie Back" dan "Ear Loop")	Sungai Petani, Kedah







Bantuan pembelian mesin bagi penghasilan topeng muka dengan kapasiti 90,000 kotak/sebulan membantu dalam mengurangkan kebergantungan kepada produk import dan menjamin bekalan yang mencukupi di pasaran domestik serta membuka peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada penduduk setempat.

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

NCER TALENT ENHANCEMENT PROGRAMME (NTEP)



*NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) bermatlamat membantu graduan tempatan melalui penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat pelabur di wilayah ini**

*(*Foto diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda)*


NTEP direka khas untuk **meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan** dan memberi mereka **peluang pekerjaan dan kualiti kehidupan yang lebih baik**, serta memastikan **tenaga kerja mahir** mencukupi yang sesuai dengan **keperluan industri** di NCER. Melalui program ini, para peserta akan menerima latihan kemahiran kerja yang berkualiti tinggi, diikuti dengan latihan insaniah ("soft skills") untuk meningkatkan daya saing mereka, seterusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan tempatan.

Insentif ini dapat **menggalakkan industri mengambil graduan dan pekerja yang kehilangan pekerjaan** akibat gelombang kedua pandemik COVID-19 untuk bekerja, di samping **meringankan beban industri** dalam menyerap kos tenaga kerja dan mengurangkan kos operasi syarikat dan industri dari segi kos gaji dan latihan.

NTEP terbuka kepada syarikat atau pelabur yang sedang beroperasi, akan beroperasi atau sedang berkembang di NCER. Peserta yang terlibat mestilah warganegara Malaysia dan akan melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat. NCIA akan membiayai sebahagian daripada kos gaji graduan dalam bentuk geran secara kaedah pembayaran semula ("reimbursement") kepada syarikat terbabit. Tempoh perjanjian perlaksanaan program adalah selama 30 bulan, yang mana 18 bulan yang pertama merupakan proses pengambilan graduan dan seterusnya graduan akan melalui latihan sambil bekerja sepenuhnya selama 12 bulan.

Pada tahun 2020, seramai **729 rakyat Malaysia** telah mendapat pekerjaan di **30 buah syarikat** di NCER melalui NTEP dan secara tidak langsung telah menyumbang kepada pelaburan bernilai **RM8.56 bilion** dan **9,849 peluang pekerjaan**.

Program NTEP telah menghasilkan kesan positif dari segi **pengurangan kadar pengangguran** di NCER, khususnya di **daerah-daerah yang kurang membangun**. Program NTEP juga telah berjaya meningkatkan taraf hidup graduan tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan dengan gaji minimum sebanyak RM2,500.




LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

JOMKERJA@NCER

JomKerja@NCER merupakan sebuah inisiatif di bawah pakej stimulus PENJANA untuk membantu industri menangani impak terhadap ekonomi akibat penularan wabak COVID-19. JomKerja@NCER terbuka kepada pelabur yang sedang atau akan beroperasi di NCER, serta syarikat yang meluaskan operasi mereka di NCER. Calon pemohon pekerjaan yang terlibat mestilah merupakan warganegara Malaysia dan perlu melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat. NCIA akan membiayai sebahagian ataupun 50% daripada kos gaji graduan sehingga RM1,000 melalui **kaedah pembayaran semula** kepada syarikat.

Berdasarkan prestasi program sehingga kini, JomKerja@NCER telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran di NCER sambil membantu meningkatkan taraf hidup graduan tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan dengan gaji minimum dari **RM1,200 sehingga RM2,500** mengikut tahap kelulusan akademik peserta.

Pada tahun 2020, seramai **4,815 rakyat Malaysia** telah mendapat pekerjaan di **105 syarikat** melalui JomKerja@NCER, pencapaian ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2020 iaitu 3,500 peserta. Jenis pekerjaan yang ditawarkan merangkumi pekerjaan berkemahiran tinggi, separa mahir dan berkemahiran rendah.



Negeri	Daerah	Bil. Syarikat
Perlis	Perlis	5
Kedah	Baling	1
	Kulim	2
	Langkawi	2
	Kuala Muda	14
Pulau Pinang	SPU	1
	SPT	14
	SPS	10
	Timur Laut	10
	Barat Daya	32
Perak	Hulu Perak	1
	Perak Tengah	5
	Manjung	6
	Muallim	3
	Larut, Matang & Selama	1

Pembuatan	52	3,937	(82%)
AgriBio	17	353	(7%)
Ekonomi Digital	14	284	(6%)
Pelancongan	15	189	(4%)
Logistik	7	52	(1%)

Nilai Pelaburan (JomKerja@NCER)

Negeri	Syarikat	Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
Perlis	2	RM101.7 juta	11,656
Kedah	15	RM21.1 juta	2,681
Penang	39	RM975 juta	16,408
Perak	8	RM607.7 juta	18,962
Jumlah	**64**	**RM1.7 bil.**	**49,707**

Nilai Pelaburan bagi NTEP, NTAX & DUB

Negeri	Syarikat	Nilai Pelaburan	Pewujudan Pekerjaan
Perlis	3	RM99.2 juta	630
Kedah	4	RM1.8 bil.	15,965
Penang	26	RM2.7 bil.	19,716
Perak	8	RM120.2 juta	10,461
Jumlah	**41**	**RM4.7 bil.**	**46,772**

Nilai Pelaburan (Ringkasan Keseluruhan)

Negeri	Melalui JomKerja@NCER	Melalui NTEP, NTAX & DUB	Jumlah
Syarikat	64	41	**105**
Nilai Pelaburan	RM1.7 bil.	RM4.7 bil.	**RM6.4 bil.**
Pewujudan Pekerjaan	49,707	46,772	**96,479**

Pencapaian JomKerja@NCER Pada Tahun 2020

Jumlah Peserta (2020)

Sasaran **3,500 orang** — Sebenar **4,815 orang**

Jumlah Peruntukan (2020)

Sasaran **RM21 juta** — Sebenar **RM20.64 juta**

Sektor

- **Pembuatan**: 52 syarikat; 3,937 peserta (82%)
- **AgriBio**: 17 syarikat; 353 peserta (7%)
- **Ekonomi Digital**: 14 syarikat; 284 peserta (6%)
- **Pelancongan**: 15 syarikat; 189 peserta (4%)
- **Logistik**: 7 syarikat; 52 peserta (1%)

Bil. Syarikat 105

Pelaburan RM6.32 bil.

Negeri

Perlis
- Jumlah Peruntukan: **RM1.4 juta**
- Jumlah Pelaburan: **RM101 juta**
- Sebenar: **243** *(Sasaran: 175)*

Kedah
- Jumlah Peruntukan:**RM1.53 juta**
- Jumlah Pelaburan: **RM21.1 juta**
- Sebenar: **363** *(Sasaran: 1,225)*

Pulau Pinang
- Jumlah Peruntukan: **RM13.6 juta**
- Jumlah Pelaburan: **RM975 juta**
- Sebenar: **3,167** *(Sasaran: 770)*

Perak
- Jumlah Peruntukan: **RM4.02 juta**
- Jumlah Pelaburan: **RM607.7 juta**
- Sebenar: **1,042** *(Sasaran: 1,330)*

▲ Peruntukan/Pelaburan ▲ Jumlah Peserta

"Outcome" Program (2020)

100%
- Melepasi sasaran 3,500 peserta
- Membantu industri sewaktu pandemik COVID-19

100%
- Kelulusan dalam 7 hari
- Mempercepatkan proses kelulusan untuk memastikan kepantasan pengambilan kerja

88%
- Membantu syarikat tempatan, yang mana 45% adalah PKS
- Membantu syarikat tempatan dan mengekalkan kemampanan ekosistem pelaburan

85%
- 17 daripada 20 daerah mendapat manfaat
- Menjana peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan dan mengurangkan migrasi ke kawasan bandar

53%
- Peserta menerima gaji berjumlah >RM1,300
- Penggantian pekerja asing dengan rakyat tempatan
- Julat gaji purata adalah RM2,070

Penyertaan Wanita 39%

Pekerjaan Teknikal 80%

Sumber: Pangkalan Data NCIA (sehingga 31 Disember 2020)

Petunjuk : Mencapai/ Melangkaui sasaran

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

PEMBANGUNAN EKOSISTEM MAMPAN

Kerjasama erat antara pihak Kerajaan, industri dan akademia merupakan salah satu ciri kelebihan NCER dalam menyediakan ekosistem yang mampan untuk para pelabur. Ini dapat dilihat melalui program-program seperti Collaborative Research In Engineering, Science And Technology (CREST), NCER Technology Innovation Centre (NTIC) dan lain-lain yang mampu meningkatkan daya saing industri serta menggalakkan pemindahan teknologi ke wilayah ini.

Collaborative Research In Engineering, Science And Technology's (CREST)



*Para peserta program "The Great Lab" untuk golongan belia di bawah inisiatif CREST**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Dilancarkan pada 2012, inisiatif CREST merupakan sebuah platform kolaborasi bagi R&D yang dipacu oleh pasaran untuk membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

CREST melibatkan kolaborasi antara industri, akademia dan Kerajaan, dan berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya dalam industri elektrik dan electronik (E&E). Berpangkalan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, CREST kini telah diperluaskan dengan pembukaan ibu pejabat program yang kedua di Johor.

Dua program yang dikendalikan oleh NCIA di bawah inisiatif CREST ialah Program "Gallium Nitride on Gallium Nitride" (GaN-on-GaN) dan Program Pembangunan Bakat MIDI Sentral.

Program Pembangunan Bakat MIDI Sentral


Program MIDI Sentral bertujuan mengasah keupayaan R&D di kalangan pelajar universiti-universiti tempatan untuk memenuhi keperluan industri E&E. Program ini merangkumi Program Penamatan Pengajian Siswazah ("Graduate Finishing School Programme") yang relevan dengan keperluan industri, projek dan topik yang berkaitan dengan industri, Program Bimbingan Pakar Domain ("Groom The Expert") dan Program "The Great Lab" (TGL) untuk golongan muda.

Pada tahun 2020, NCIA telah menyalurkan dana sebanyak RM1 juta bagi menjayakan program MIDI Sentral. Program ini telah berjaya meningkatkan minat dan pengambilan subjek-subjek STEM di kalangan pelajar dan seterusnya membangunkan bakat tempatan yang mampu memenuhi kehendak industri di NCER.

PENCAPAIAN PROGRAM MIDI SENTRAL PADA 2020

No.	Program	Asas Penilaian	KPI	Pencapaian (Januari - Disember 2020)
1	Industry-Relevant Graduate (IRG) Finishing School Programme	• Bilangan graduan berkaitan industri yang dilatih	• 800 pelajar dari 8 institusi pendidikan	• 1,092 pelajar dari 29 institusi pendidikan
2	Projek & Topik Berkaitan Industri	• Bilangan topik berkaitan industri • Bilangan projek perindustrian untuk pelajar	• 15 topik industri untuk pelajar dari 8 institusi pendidikan • 30 topik projek industri untuk pelajar dari 8 institusi pendidikan	• 35 topik industri ditawarkan kepada pelajar dari 24 institusi pendidikan • 201 topik projek perindustrian untuk pelajar dari 30 pendidikan institusi
3	The Great Lab (TGL) Youth Programme	• Bilangan peserta program • Bilangan sekolah yang menyertai program	• 400 peserta • 30 sekolah	• 524 peserta dari 74 sekolah menengah

Program GaN-on-GaN



Salah satu projek penyelidikan di bawah inisiatif GaN-on-GaN

Melalui kerjasama strategik antara pemain industri dan akademik dari Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Monash University dan University of California, Santa Barbara (UCSB), CREST telah melancarkan Program Gan-on-Gan untuk menghasilkan **diod pemancar cahaya (LED) biru yang pertama** di Malaysia.

Program ini bertujuan untuk membangunkan teknologi-teknologi baharu dalam bidang pembuatan LED. Ini telah mencipta sejarah dalam membolehkan Malaysia mempunyai keupayaan untuk menghasilkan gallium nitrida (GaN) di atas lapisan asas GaN yang seterusnya mampu untuk menghasilkan LED yang lebih efisien pada skala komersial.

Program ini telah menghasilkan impak positif dari segi pembangunan teknologi-teknologi baharu dalam bidang LED dan pemindahan masuk teknologi bagi penggunaan teknologi GaN-on-GaN secara lebih meluas.

Pada tahun 2020, NCIA telah menyalurkan dana berjumlah **RM10 juta** bagi membiayai perbelanjaan program GaN-on-GaN. Antara pencapaian program ini pada tahun 2020 ialah:

- Pengubahsuaian Pusat Fabrikasi USM telah siap disempurnakan pada Januari 2020
- Prestasi pencahayaan LED pada 138m/W dicapai pada Januari 2020
- Satu pendaftaran harta intelek telah dibuat di MyIPO pada March 2020
- Dua paten diterima dan diterbitkan oleh WIPO pada Julai 2020
- Pusat kajian USB FAB telah siap dan dikomisyen pada Disember 2020.

NCER Technology Innovation Centre (NTIC): Pemangkin Pembangunan Ekosistem Industri

NCER Technology Innovation Centre (NTIC) merupakan salah satu program di bawah inisiatif "**Single Campus**" NCER yang memfokuskan kepada aktiviti berkaitan penyelidikan, pembangunan produk dan reka bentuk khusus, yang mana ia akan berperanan sebagai sebuah platform untuk PKS, syarikat-syarikat besar tempatan (LLC), syarikat-syarikat multinasional (MNC), para teknokrat dan usahawan muda, serta syarikat-syarikat pemula untuk menjalankan aktiviti nilai tambah bernilai tinggi di NCER dan seterusnya menghasilkan Harta-harta Intelek (IP) mereka sendiri.

Menggunakan pendekatan "**quad helix**" untuk memacu pembangunan ekonomi inovatif dan lestari, NTIC akan memfokuskan kepada lima sektor yang sedang berkembang maju sebagai teras pengupaya iaitu Elektrik dan Elektronik (E&E), Jentera dan Peralatan (M&E), Peranti Perubatan, Aeroangkasa dan Agri-Teknologi.


Di samping itu juga, terdapat dua program pembangunan yang akan dibangunkan bagi menyokong inisiatif NTIC iaitu Teknologi dan Inovasi (T&I) yang memfokuskan kepada aktitivi-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pembudayaan teknologi dan inovasi bagi **mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan** di NCER, manakala program ATMP pula bertujuan **mendorong pembangunan bakat tempatan berkemahiran tinggi** menerusi latihan teknikal yang dibangunkan oleh industri dan diiktiraf oleh institusi akademik.

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

NCER Technology Innovation Centre (NTIC) bertujuan menggalakan aktiviti R&D serta menerapkan budaya teknologi dan inovasi di wilayah ini.

Rakan Kerjasama

rexroth A Bosch Company · Universiti Malaysia Perlis · SILTERRA · Universiti Sains Malaysia · Inari Amertron Berhad · Universiti Teknologi MARA · EEPN Electrical and Electronics Productivity Nexus · MiGHT Malaysian Industry-Government Group for High Technology · SIRIM · VITrox · PSDC · TESSOLVE A Hero Electronix Venture · INFINECS · OSRAM Opto Semiconductors · ADVANTEST



Ekonomi Digital · Pelancongan Digital · Pertanian Pintar · Logistik Pintar

Memanfaatkan Pulau Pinang sebagai Hab Pemangkin untuk R&D, Inovasi Teknologi dan Pembangunan Ekosistem dengan kesan limpahan yang ketara untuk negeri-negeri lain





Ekonomi Hijau · Rantai Bekalan Pintar · Pembuatan Pintar

Teknologi & Inovasi (T&I)

Objektif

Untuk menggalakkan aktiviti R&D dan memupuk budaya T&I di Hab/Taman Perindustrian Pemangkin Tematik di NCER





NCER Technology Innovation Center (NTIC)

Visi

Untuk mengukuhkan ekosistem industri di NCER dan mewujudkan aktiviti-aktiviti inovasi serta budaya Penyelidikan (R) & Pembangunan (D) & Teknologi (T) & Inovasi (I) dan Pengkomersialan (C)

Strategi & Tunjang Pengupaya

1. Elektrik & Elektronik
2. Jentera & Peralatan
3. Kelengkapan & Peranti Perubatan
4. Aeroangkasa
5. Teknologi Pertanian

Advanced Technology Meister (Highly Skilled Talent) Programme (ATMP)

Untuk menyediakan program latihan dan peningkatan kemahiran yang relevan dengan industri bagi membangunkan bakat-bakat industri yang berkemahiran tinggi; diterajui oleh industri dan diperakui oleh akademia

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

PAKEJ GALAKAN CUKAI NCER (NTAX)



NTAX bertujuan menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi di NCER

Kerajaan mengiktiraf keunikan dan pelbagai aspek aktiviti ekonomi di NCER, dan oleh itu, tumpuan diberikan kepada pendekatan dan perspektif wilayah untuk memastikan wilayah ini mendapat kelebihan daya saing berbanding destinasi pelaburan lain. Sehubungan itu, **Pakej Galakan Cukai NCER (NTax)** telah diluluskan pada 13 Ogos 2019 untuk menggalakkan pelaburan strategik bernilai tinggi bagi memacu pembangunan di NCER.

NTax merupakan sebuah pakej fiskal yang komprehensif yang ditawarkan untuk pelaburan strategik dalam aktiviti-aktiviti yang digalakkan di NCER, khususnya dalam sektor pembuatan, perniagaan tani, petrokimia, ekonomi hijau, dan sektor perkhidmatan yang merangkumi aktiviti pelancongan, logistik, pendidikan dan ekonomi digital. Pada masa hadapan, industri perlombongan mapan juga akan menjadi salah satu sektor yang digalakkan di NCER.


Pada tahun 2020, NTax telah menyumbang **sebanyak RM7.49 bilion (48%)** daripada jumlah pelaburan komited baharu dan juga mewujudkan sebanyak **13,014 (58%) peluang pekerjaan baharu**.

PROJEK PELABURAN NTAX YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2020


JUMLAH PELABURAN	PEWUJUDAN PEKERJAAN
RM7.493 bil.	13,014 Pekerjaan

RM215 juta	RM6.878 bil.	RM400 juta
286 pekerjaan	12,578 pekerjaan	150 pekerjaan
2 syarikat	2 syarikat	1 syarikat

PELABURAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT SEKTOR



PELABURAN DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI



NTAX Dalam Era COVID-19

Kerajaan Persekutuan sememangnya prihatin akan impak pandemik COVID-19 ke atas pelaburan baharu di Malaysia, sama ada dari luar negara (FDI) mahupun domestik (DDI). Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 26 Ogos 2020 telah menekan dan menyarankan agar Malaysia menarik pelaburan secara lebih agresif, terutamanya dalam tempoh dua tahun akan datang (2020-2022), untuk menangani impak COVID-19 terhadap ekonomi negara melalui langkah-langkah berikut:

- **Penganjuran kempen bagi menarik jenama-jenama tersohor dunia untuk melabur di Malaysia**
- **Penjenamaan semula dan pengemaskinian insentif sedia ada di Malaysia dan membuat perbandingan dengan negara-negara ASEAN**
- **Kajian semula kecukupan insentif sedia ada dan cadangan insentif khas untuk tempoh dua tahun terdekat**
- **Menawarkan insentif yang lebih kompetitif berbanding insentif cukai sedia ada**
- **Menawar dan mempromosi insentif secara agresif untuk sektor dan sub-sektor bernilai tinggi dalam norma baharu**

Lanjutan daripada saranan tersebut, NCIA telah merumus dan mencadangkan Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19 untuk NCER yang merangkumi insentif fiskal dan insentif bukan fiskal yang lebih berdaya saing dan menyeluruh di peringkat serantau dengan kerjasama firma perunding percukaian Tetuan Ernst & Young.

Cadangan Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19 NCER ini telah dibentang semasa Mesyuarat Majlis NCIA yang Ke-23 yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 September 2020 di Pulau Pangkor, Perak dan telah dipersetujui untuk pelaksanaan.

Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19 ini dijangka akan dapat meningkat dan mempercepatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) di NCER demi mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta membantu pemulihan ekonomi negara.



*Cadangan Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19 NCER telah dibentangkan pada Mesyuarat Majlis NCIA yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 September 2020 di Pulau Pangkor, Perak dan telah dipersetujui untuk pelaksanaan**

*(*Perak merupakan salah sebuah negeri "zon hijau" COVID-19 ketika mesyuarat tersebut berlangsung.)*

LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

PROSPEK



Ilustrasi NCER Technology Innovation Centre (NTIC) mengikut gambaran artis

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan ketara terhadap pertumbuhan sektor pengeluaran dan perkhidmatan di NCER, terutamanya bagi sektor **automotif, aeroangkasa, pelancongan dan perkhidmatan**. Namun pada yang sama, pandemik tersebut turut membuka peluang-peluang baharu dalam sektor-sektor seperti peranti perubatan, elektrik dan elektronik dan ekonomi digital, yang secara tidak langsung berjaya mengimbangi impak COVID-19 terhadap sektor-sektor ekonomi yang terkesan.

Sebagai contoh, pengeluaran **produk peranti perubatan** seperti sarung tangan getah nitril telah berkembang dengan pesat. Pemain sedia ada sektor ini telah mengambil kesempatan untuk memperluaskan operasi mereka manakala dalam masa yang sama, **pelabur-pelabur baharu** pula membuat keputusan untuk melabur di dalam sektor ini.

Sektor **elektrik dan elektronik (E&E)** juga dilihat berpotensi besar untuk berkembang. Susulan peningkatan permintaan terhadap produk E&E, adalah dijangka NCER akan melihat kemasukan pelaburan baharu dalam kluster ini. Kekurangan bekalan cip di peringkat global untuk kegunaan pembuatan peranti elektronik serta automotif turut dilihat akan membuka peluang pelaburan baharu daripada pelabur tempatan dan antarabangsa.

Sektor Mesin dan Peralatan (M&E) juga turut dilihat mempunyai potensi yang besar susulan peningkatan usaha automasi dalam proses pengeluaran. Kawalan pergerakan serta kekangan yang dikuatkuasakan sewaktu PKP menyebabkan syarikat-syarikat beralih kepada penggunaan mesin moden dan terkini untuk meneruskan pengeluaran produk perkilangan masing-masing, termasuk automasi pengurusan.



Sektor elektrik dan elektronik (E&E) di NCER berpotensi besar untuk terus berkembang

Sektor **ekonomi digital** juga menawarkan potensi yang besar susulan penerapan norma baharu yang menggalakkan budaya bekerja dari rumah dan peningkatan dalam aktiviti e-dagang, susulan sekatan perjalan yang dilaksanakan akibat pandemik tersebut.

Sektor pelancongan yang terjejas juga dijangka akan beransur pulih apabila sekatan pergerakan mula dilonggarkan dan gelembung perjalanan dilaksanakan. **Program vaksinasi kebangsaan** yang giat dijalankan secara besar-besaran juga dijangka mampu membantu merancakkan kembali aktiviti pelancongan apabila lebih ramai rakyat telah divaksinasi. Kluster logistik dan kesalinghubungan NCER juga dijangka akan bangkit kembali apabila sekatan pergerakan dalam negara dan aktiviti merentasi sempadan mula dilonggarkan.

Dalam masa yang sama, sub-kluster utama seperti automotif, kewangan, pembangunan hartanah dan lain-lain yang terjejas dijangka mampu pulih melalui program interversi **NCER COVID-19 Impacted Industries Strategic Intervention Programme (NCSIP)** yang bertujuan membantu perniagaan yang terjejas melalui program-program seperti JomKerja@NCER dan NTEP. Malah, penyertaan dalam NTEP dan JomKerja@NCER dijangka akan terus meningkat apabila pelabur-pelabur di taman-taman industri NCER mula beroperasi.

Program-program tersebut juga adalah sejajar dengan matlamat Majlis Pekerjaan Negara (MPN) untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu dengan segera dan berupaya memastikan tenaga kerja tempatan yang mencukupi serta memiliki kemahiran di setiap peringkat, yang merangkumi pekerja berkemahiran tinggi, separa-kemahiran, dan kemahiran rendah. Usaha ini juga mampu mengatasi cabaran penurunan dalam jumlah tenaga kerja asing yang berlaku akibat pandemik.

NCIA turut berhasrat untuk menarik lebih banyak **pelaburan asing dan domestik berkualiti dan berimpak tinggi** melalui insentif-insentif pelaburan yang kompetitif serta pewujudan taman-taman perindustrian tematik. Sehubungan dengan ini, NCIA akan memanfaatkan projek-projek "Quick-Wins" untuk menarik pelabur ke taman-taman perindustrian atau kawasan sedia ada dan memanfaatkan kelebihan wilayah.

Bagi memperkasakan pelabur-pelabur Bumiputera, terutamanya dari golongan PKS yang merupakan enjin ekonomi utama di wilayah ini, ekosistem pelaburan akan terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan **DUB@NCER** serta pewujudan taman-taman industri dan Pusat Komuniti dan Ekonomi Bersepadu atau Integrated Economic and Community Centre yang dikenali sebagai **i-CON@NCER**, khususnya di kawasan yang kurang membangun.

Pihak Kerajaan melalui NCIA akan terus memberikan sokongan kepada para pelabur di NCER dengan dasar-dasar yang bersifat mesra perniagaan, di samping melaksanakan program-program pengupaya seperti yang dinyatakan di atas yang mampu merancakkan semula aktiviti pelaburan di wilayah ini dalam era pasca COVID-19.



*Para peserta JomKerja@NCER yang berjaya mendapat pekerjaan di syarikat Greatech Technology di Pulau Pinang, salah sebuah peneraju global dalam penyelesaian automasi**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Pembangunan
Modal Insan



PROGRAM-PROGRAM MODAL INSAN NCER

- **25,000** rakyat dan komuniti usahawan mendapat manfaat

KASIH IBU DARUL AMAN

- **4,469** Penerima Bantuan KIDA
- **69** Panel Kedai Runcit
- **20** Panel Rangkaian Pasaraya
- **139** Klinik Panel

empowerNCER

- **Akademik: 1,950** pelajar SPM 2020 dari **51** sekolah; **300** murid Orang Asli Tahun 5
- **Kemahiran dan Keusahawanan: 2,200** peserta

entrepreneurNCER

- **9,697** Permohonan pinjaman mudah diluluskan **RM125.79** juta nilai pinjaman "Topping up" kadar faedah pembiayaan oleh NCIA

DUB @ NCER
Dana Usahawan Bumiputera

- **20** PKS Bumiputera menerima manfaat daripada DUB sebagai "tipping point" projek, yang akan mencipta sejumlah **1,078** peluang pekerjaan

NTEP @ NCER
Talent Enhancement Programme

- **64** syarikat
- **1,707** pekerjaan untuk graduan

JomNiaga @ NCER

JomKerja @ NCER

- JomKerja@NCER **105** syarikat; **4,815** peluang pekerjaan
- JomNiaga@NCER **3,760** usahawan; **800** penempatan pekerjaan

*Para peserta empowerNCER-Akademik dan guru-guru mereka bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif NCIA**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Inisiatif pembangunan modal insan di NCER merupakan salah satu keutamaan NCIA, khususnya dalam meningkatkan status sosio-ekonomi kumpulan sasaran yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40.

Peningkatan modal insan di NCER juga bertujuan merapatkan jurang kemahiran dalam pasaran tenaga kerja serta menggalakkan keusahawanan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.

Program-program pembangunan modal insan NCER direka khas untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wilayah ini, antaranya, **pendapatan isi rumah yang rendah, tenaga kerja kurang mahir, penyertaan tenaga kerja di bawah tahap optimal**, dan **kadar pengangguran graduan yang tinggi**.

Sehubungan itu, pelbagai program modal insan telah diperkenalkan oleh NCIA untuk membangunkan tenaga kerja dan usahawan tempatan secara inklusif dan menyeluruh seperti **empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, empowerNCER-Akademik, entrepreneurNCER, NCER Talent Enhancement Programme (NTEP), Dana Usahawan Bumiputera (DUB)**, inisiatif ***Single Campus Hub,*** **JomNiaga@NCER, JomKerja@NCER** dan **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)**.




Kursus latihan empowerNCER-Kemahiran dan Keusahawanan tetap berjalan dalam suasana norma baharu dan dengan pematuhan SOP

Susulan impak pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020, NCIA telah bertindak balas pantas dengan menambah baik program-program modal insannya yang sedia ada, di samping memperkenalkan dua program modal insan berbentuk "fast track" iaitu **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER.** JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER merupakan inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) negara yang bertujuan membantu rakyat dan industri menangani impak ekonomi yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19.

Setakat 31 Disember 2020, kira-kira **25,000 rakyat dan komuniti usahawan mikro** di NCER, terutamanya mereka yang terkesan akibat impak COVID-19, telah menerima manfaat daripada program-program pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh NCIA.

PENCAPAIAN UTAMA PROGRAM-PROGRAM MODAL INSAN NCER





*Program-program modal insan NCER yang inklusif dan holistik bermatlamat meningkatkan pendapatan rakyat tempatan melalui peningkatan kemahiran yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan atau menjadi usahawan**

*(*Sebahagian daripada gambar-gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KASIH IBU DARUL AMAN



KIDA bermatlamat mengurangkan beban kos sara hidup penerima melalui bantuan kewangan bagi pembelian barangan keperluan asas dan perkhidmatan kesihatan asas

Kerajaan mengiktiraf akan **kepentingan peranan kaum ibu** dalam institusi keluarga secara khususnya, dan komuniti secara amnya. Kaum ibu memainkan peranan utama bukan sahaja dalam mendidik dan membesarkan anak-anak, bahkan bertanggungjawab dalam **menguruskan kewangan keluarga**. Sehubungan itu, NCIA telah memperkenalkan program **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)** untuk membantu ibu-ibu dari kalangan golongan miskin dan miskin tegar di negeri Kedah.

Objektif utama KIDA ialah untuk **mengurangkan beban kos sara hidup rakyat** melalui bantuan kewangan bagi **pembelian barangan keperluan asas** dan **rawatan kesihatan asas**. KIDA merupakan salah satu **penyelesaian jangka pendek** buat penerima untuk mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung, terutamanya akibat daripada pandemik COVID-19.

Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kuasa membeli rakyat, serta tahap kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

Sehingga Disember 2020, seramai **4,469** penerima bantuan KIDA telah menerima manfaat dalam bentuk **kad pembayaran tanpa tunai** atau "cashless card" bernilai RM250 setiap seorang secara bulanan untuk pembelian barangan keperluan asas di 69 panel kedai runcit dan **20 panel rangkaian pasaraya**. Mereka juga layak untuk menerima rawatan dan perkhidmatan kesihatan bernilai sehingga RM500 setahun di **139 buah klinik** di seluruh negeri Kedah. Penerima kad yang layak adalah berdasarkan mereka yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dan tersenarai di bawah paras garis kemiskinan dalam pangkalan data e-Kasih.

Tahun 2020 juga menyaksikan hasil daripada integrasi program KIDA dengan program modal insan NCIA yang lain, di mana seramai 124 penerima bantuan KIDA telah menyertai program empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan mencapai peningkatan pendapatan melebihi 20% dan mewujudkan 16 peluang pekerjaan di kalangan komuniti setempat.

- Angka ini dijangka meningkat dengan pelaksanaan empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Fasa 2 yang meliputi seluruh negeri Kedah

- Pelaksanaan Fasa 3 KIDA mensasarkan kumpulan umur berkeupayaan produktif untuk menyertai empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan JomNiaga@NCER

Manfaat yang diperolehi daripada kad pembayaran tanpa tunai KIDA

RM250 sebulan

Pembelian 16 Barangan Keperluan Asas

RM500 setahun

Manfaat Kesihatan daripada Klinik Swasta

Senarai Barangan Keperluan Asas



- RM70 bagi setiap transaksi/kunjungan
- Pemeriksaan kesihatan
- Pembelian pelitup muka dan pensanitasi tangan

KIDA MEMBANTU MENANGANI IMPAK COVID-19 TERHADAP GOLONGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR DI KEDAH

Testimonial Penerima Bantuan KIDA



"KIDA telah banyak membantu saya sebagai seorang ibu dengan anak yang menghidap kanser."
Salmiah Binti Abdul Rahman
Baling, Kedah



"KIDA telah meringankan beban suami yang bekerja sebagai penoreh getah dan dapat membeli keperluan sekolah untuk anak-anak."
Hadzirah Abdul Manaf
Padang Terap, Kedah



"Sebagai ibu kepada 4 orang anak OKU, KIDA amat membantu dalam membeli barang keperluan."
Nasrah Abdul Kadir
Kulim, Kedah

Testimonial Pasaraya dan Kedai Runcit Panel KIDA



"Jualan kami semakin meningkat hingga berjaya membuka cawangan baharu."
Pasaraya Ekonomi Rakyat
Baling, Kedah



"Kedai ini semakin dikunjungi ramai setelah didaftarkan sebagai pasaraya panel KIDA."
FM Fayard Mart
Alor Setar, Kedah



"KIDA telah membantu meningkatkan dan mentransformasi jualan kami."
Kedai Kak Da
Pulau Tuba, Langkawi

Testimonial Klinik Panel KIDA



"KIDA membantu mereka yang kurang bernasib baik mendapatkan rawatan kesihatan."
Chenang Clinic
Langkawi, Kedah



"Rakyat di Pendang mendapat manfaat dan rawatan kesihatan pada kadar segera."
Poliklinik Dr. Azhar & Rakan-Rakan
Pendang, Kedah



"Rakyat kini dapat menerima rawatan di klinik swasta, manakala klinik pula mendapat lebih ramai pelanggan."
Poliklinik Dr. Halimah
Baling, Kedah

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sasaran 2021

KIDA – Kasih Ibu Darul Aman
4,400
Jan. – Dis. 2021

KIP – Kasih Ibu Perlis
3,600
Ogos – Dis. 2021

KIR – Kasih Ibu Darul Ridzuan
5,000
termasuk Orang Asli
Ogos – Dis. 2021

Pendekatan Pelaksanaan

Pendekatan Holistik & Bersepadu di bawah NCER

- Fokus kepada kumpulan sasaran dengan keupayaan produktif dan menggalakkan mereka untuk menyertai program empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan atau JomNiaga@NCER
- Kasih Ibu NCER adalah program jangka pendek untuk menangani kenaikan kos sara hidup

Pangkalan Data e-Kasih oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

- Pangkalan data bersepadu e-Kasih yang diuruskan oleh ICU, JPM digunakan untuk mengenal pasti penerima yang layak
- Diuruskan oleh JAKOA digunakan untuk Orang Asli berdasarkan prinsip pangkalan data e-Kasih

Integrasi Data dengan Program-program lain di Peringkat Negeri & Persekutuan

- Pendapatan diterima daripada lain-lain inisiatif negeri dan Persekutan seperi Zakat and BSH Perak Prihatin turut diberi pertimbangan dalam pengiraan pendapatan isi rumah
- Pendapatan isi rumah di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK-2016) Negeri Kedah, Perak dan Perlis

Satu Tahap Peningkatan: Integrasi penerima manfaat KIDA ke dalam program empowerNCER - Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

124	↑ 34 (27%)	↑ 21 (17%)	16
Penerima manfaat KIDA menyertai empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan	Mencapai Peningkatan Pendapatan	Penggunaan e-Dagang	Pekerjaan Diwujudkan

Kriteria Kelayakan

- Didaftarkan dalam data e-Kasih (PGK 2016)
- Rakyat Malaysia yang menetap di Negeri Kedah
- Wanita (berkahwin atau ibu tunggal yang mempunyai anak/ tanggungan di bawah 21 tahun). *Sekiranya tiada ibu, nenek/anak perempuan berusia 18 tahun ke atas yang menanggung keluarga layak mendapat kad KIDA

4,469 penerima

Testimoni Penerima Manfaat Integrasi KIDA-empowerNCER



Nor Hazima Binti Abdul Jalil
Pendang, Kedah

Dari Suri Rumah ke Usahawan Berjaya

Kejayaan bukanlah sesuatu yang mustahil sekiranya ada kesungguhan dan keazaman yang tinggi. Buktinya, pemilik "Warung Romantik" ini telah berjaya membeli sebuah kereta Toyota Avanza hasil daripada perniagaan beliau.

Pada mulanya, beliau merupakan seorang suri rumah yang membantu suaminya dengan menoreh pokok getah dan berniaga secara kecil-kecilan menjual "kuetiau theng" di sekitar kawasan setempat. Berkat kegigihan beliau dan bimbingan empowerNCER, kini Puan Nor Hazima telah berjaya membuka sebuah warung yang mempunyai 3 orang pekerja.

Warung beliau juga telah tular di media sosial dan tidak putus-putus dikunjungi oleh para pelanggan dari luar dan dalam negeri Kedah.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM400

22.25 kali ganda selepas menyertai program





Zuraina Binti Talib
Langkawi, Kedah

Dari Berniaga di Pasar Malam ke Pembekal Komersial

Puan Zuraina merupakan seorang peniaga pasar malam yang menjual pelbagai jenis sayur-sayuran.

Sebelum ini, beliau kurang ilmu perniagaan dan tidak mendapat pendedahan yang luas dalam aspek pemasaran. Selepas menyertai program empowerNCER, beliau telah mengembangkan perniagaan hasil taninya dan telah menyewa 3 bidang tanah dengan menanam tebu, ubi, tembikai serta sayur-sayuran seperti timun, cili, kacang panjang, petola dan lain-lain lagi.

Hari ini, beliau menjadi pembekal sayur-sayuran kepada 2 buah restoran di Langkawi dan hasil tanamannya juga telah memasuki pasaran di pasar basah Padang Matsirat dan pekan Kuah.

Hasil kesungguhan beliau, Puan Zuraina juga berjaya mengubahsuai kediamannya agar lebih selesa untuk ahli keluarga, dengan kos pengubahsuaian berjumlah RM5,000.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM250

8 kali ganda selepas menyertai program



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Penerima KIDA yang Mengikuti Program empowerNCER-Latihan Kemahiran & Keusahawanan



Norliza Binti Hashim

Kampung Baru Mukim Ulu Melaka, Kedah

Jana Pendapatan Melalui Jahitan

"Sebelum ini saya merupakan seorang tukang jahit kecil-kecilan dan hanya belajar menjahit melalui laman sosial, internet dan daripada keluarga terdekat.

Alhamdulillah melalui kemahiran serta teknik pemasaran yang dipelajari melalui program empowerNCER Langkawi, kini perkhidmatan jahitan saya telah mendapat perhatian dan permintaan daripada syarikat-syarikat di Langkawi. Tempahan terkini saya adalah membuat uniform kakitangan bagi pihak Majlis Daerah Langkawi, Jakel Langkawi serta Hotel Ritz Carlton."

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program

RM300

5 kali ganda selepas menyertai program







Naimah Binti Ismail

Kampung Tengah Kuala Sungai Yan, Daerah Yan, Kedah

Gubahan Bunga Tingkatkan Pendapatan

"Alhamdulillah, melalui kemahiran yang dipelajari daripada program empowerNCER Yan, saya telah berjaya membuka perniagaan gubahan bunga.

Pihak empowerNCER membantu saya mendapatkan kedai di bawah Majlis Daerah Yan dengan sewa sebanyak RM150 sebulan. Saya juga telah mengambil seorang pekerja yang juga merupakan peserta empowerNCER. Sekarang, saya dalam perancangan membuka kelas gubahan bunga berkonsepkan 'beli bunga, percuma tutorial'."

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program

RM300

15 kali ganda selepas menyertai program



empowerNCER

Program empowerNCER direka khusus untuk **meningkatkan kemahiran rakyat tempatan** agar mereka mampu bersaing dan berupaya merebut peluang ekonomi yang dijana di NCER. Terdiri daripada dua komponen iaitu **Akademik** dan **Latihan Kemahiran & Keusahawanan**, program ini juga bertujuan memenuhi keperluan sosioekonomi wilayah ini **berdasarkan keperluan industri**. Sasaran utama program ini ialah golongan B40 dari pelbagai kaum, termasuklah komuniti Orang Asli.

empowerNCER Akademik



Antara para peserta empowerNCER-Akademik sebelum pandemik COVID-19 melanda

Program empowerNCER-Akademik direka untuk memberikan pendidikan holistik bagi meningkatkan pencapaian pelajar, khususnya pelajar dari komuniti B40, demi mewujudkan masyarakat yang lebih seimbang dan mencegah kemiskinan di masa hadapan. Program ini merangkumi program **Aliran Perdana** untuk para pelajar B40 yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mempunyai **prestasi akademik yang lemah**, serta **Program Kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira)** untuk murid-murid **Orang Asli Tahun 5**.

Seramai 90% daripada peserta yang terpilih adalah dari pelajar yang mendapat Gred C dan ke bawah yang akan menduduki peperiksaan SPM, manakala penekanan terhadap 3M diberikan kepada murid-murid Orang Asli, agar kesemua peserta program ini dapat meraih kecemerlangan dari segi **akademik** dan **kemahiran pembangunan diri.**

Kaedah Pembelajaran Aliran Perdana

Dilaksanakan secara kaedah **pembelajaran teradun**; kombinasi **interaksi secara bersemuka** dan **pembelajaran dalam talian** telah terbukti berkesan dalam peningkatan pencapaian prestasi akademik

Tahun 2020 melibatkan penyertaan **1,950 pelajar SPM 2020** dari **51** sekolah dan **300 murid Orang Asli Tahun 5** dari 5 sekolah di 15 daerah di NCER. Pemilihan sekolah dan pelajar dilakukan bersama dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing.

Susulan pandemik COVID-19, pelajar-pelajar sekolah telah meneruskan pembelajaran melalui kaedah **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)**. Sehubungan itu, program ini telah disesuaikan bagi memastikan keberkesanan program, antaranya, dengan menyediakan aplikasi pembelajaran dalam talian ("online learning") serta tablet untuk pelajar. Guru-guru dan ibu bapa turut dibimbing bagi memastikan pendekatan program yang lebih menyeluruh.

Pelajar-pelajar SPM 2020 menduduki peperiksaan SPM pada bulan Mac 2021, namun sehingga Disember 2020, pelajar-pelajar ini telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan berdasarkan peperiksaan percubaan SPM.

Murid Orang Asli Tahun 5 yang terlibat telah berjaya menamatkan program, di mana sehingga Disember 2020, mereka telah menunjukkan peningkatan Gred Purata Murid sebanyak 20% dan pencapaian 3M sebanyak 21%.

Kaedah Pembelajaran Orang Asli

Modul 3M telah dibangunkan khas untuk murid Orang Asli. Kelas dijalankan dengan penggunaan pembelajaran yang menarik, menggunakan konsep Didik Hibur ("Edutainment") yang terbukti berkesan dalam meningkatkan pembelajaran 3M.

Pencapaian empowerNCER - Akademik Pada 31 Disember 2020

Program Aliran Perdana (Tingkatan 5: SPM)		
Jumlah Pelajar	Peningkatan dalam Gred Purata Murid	Jumlah Sekolah
1,950	70%	51
Peningkatan dalam Gred	Peratus Kelulusan	Kehadiran
65%	89%	92%

Program 3M Orang Asli (Tahun 5)		
Jumlah Murid Orang Asli	Pencapaian 3M	Jumlah Sekolah
300	21%	5
Peningkatan dalam Gred Purata Murid	Peratus Kelulusan	Kehadiran
20%	38%	77%

Data berdasarkan Peperiksaan Percubaan SPM 2020 berbanding Peperiksaan Akhir Tahun 2019 dan Penilaian 3M

Penyedia Perkhidmatan

Universiti Teknologi MARA · Universiti Sains Malaysia · Universiti Pendidikan Sultan Idris · Infrastructure University Kuala Lumpur

Fasa 2 2021		
SPM	▶	6,000
Orang Asli	▶	900

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Daripada Pelajar, Ibu Bapa & Guru



Nur Akmar Muhd Zaidi
Penolong Kanan HEM SK RPS Kemar

Daerah Hulu Perak, Perak

"Modul Didik Hibur yang telah dihasilkan sangat membantu dalam peningkatan 3M (Membaca, Menulis, Mengira) bagi murid Orang Asli. Semoga program empowerNCER-Akademik ini terus sukses, lebih cemerlang dan terus gemilang dalam membantu anak-anak Orang Asli."



Hajah Siti Aminah Hj Ibrahim
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembelajaran

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

"Penggunaan Modul empowerNCER-Akademik yang dibangunkan NCIA telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam peperiksaan percubaan calon SPM tahun 2020.

JPN Negeri Kedah telah memohon kepada pihak NCER bagi mendapatkan salinan Modul empowerNCER-Akademik tersebut untuk disebarluaskan kepada semua calon SPM di negeri Kedah dalam usaha membantu mereka menghadapi SPM pada Februari 2021."



Nurul Husna Nabila Mohd Zaki
Pelajar Tingkatan 5

SMK Guar Nangka, Perlis

"Terima kasih kepada pihak NCIA kerana menyediakan modul yang bermanfaat. Kebaikan program ini ialah ia dapat meningkatkan pelajaran saya sedikit demi sedikit dan menarik minat saya untuk belajar."



Yap Lee Lee
Ibu Peserta, SMK Datuk Haji Abdul Kadir

Daerah SPU, Pulau Pinang

"Saya melihat anak saya yang dulu asyik bermain "game" di telefon bimbit dan tidak fokus kepada belajar, sekarang sudah berubah.

Saya sangat gembira. Dia menunjukkan minat dan prestasi yang baik sepanjang terlibat dalam program ini."



*Program 3M untuk murid-murid Tahun 5 Orang Asli yang menggunakan kaedah didik hibur**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*



Modul empowerNCER-Akademik untuk para pelajar SPM 2020

Kerjasama Strategik Bersama Yayasan PETRONAS

Sejak tahun 2019, NCIA telah bekerjasama dengan Yayasan PETRONAS dalam pelaksanaan empowerNCER bagi kedua-dua program Akademik serta Kemahiran dan Keusahawanan. Penglibatan Yayasan PETRONAS adalah sejajar dengan usaha tanggungjawab sosial korporatnya dalam menyokong pembangunan modal insan di negara ini, terutamanya dalam bidang pendidikan, kesejahteraan dan pembangunan komuniti, serta alam sekitar.

Program empowerNCER yang dijalankan secara kolaborasi dengan Yayasan PETRONAS ini dilaksanakan di lima daerah di Kedah iaitu Pendang, Yan, Sik, Kuala Muda dan Baling. Yayasan PETRONAS telah menaja seramai 750 pelajar SPM untuk tahun 2020 dari keseluruhan 1,950 yang terlibat dalam program empowerNCER-Akademik.

Program ini juga telah memberi manfaat kepada 1,000 peserta empowerNCER-Kemahiran dan Keusahawanan dari lima daerah tersebut, yang terdiri daripada kumpulan pengambilan pertama Fasa 1 program yang berjalan sejak Ogos 2019 sehingga Ogos 2021.

750 orang pelajar
5 buah daerah di Kedah



*Antara para peserta empowerNCER-Akademik tajaan Yayasan PETRONAS di Kedah yang mengikuti program "empower Neuro-Linguistic Programming for Students" bagi membantu mereka dari segi gaya berfikir dan meningkatkan keyakinan diri masing-masing**

*(*Gambar diambil ketika negeri tersebut berada dalam "zon hijau" COVID-19)*

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

empowerNCER MyKasih

Program empowerNCER-MyKasih merupakan **kolaborasi awam-swasta** antara NCIA dan Yayasan MyKasih yang memberikan akses kepada para pelajar di kawasan pedalaman kepada kemudahan dan fasiliti terkini, termasuk bantuan makanan. Dengan peruntukan sepenuhnya oleh sektor swasta, program ini mempunyai tiga komponen utama iaitu pemberian **bantuan makanan** tanpa melibatkan penggunaan wang tunai kepada pelajar *(cashless food aid)*, **Pembelajaran Abad Ke-21 *(21st Century Classroom)*** dan **program Robotic Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Learning**.

Yayasan MyKasih menyediakan peralatan berikut di sekolah yang terpilih:

- **Pembelajaran Abad Ke-21**: 21 unit komputer riba, 1 Projektor LCD dan 1 unit pencetak **(untuk menambah baik pembelajaran 3M)**
- **Robotik STEM**: 2 set peralatan Robotik Lego (**memberi kesedaran tentang STEM dan aplikasi pembelajaran)**
- **Laman Akuaponik**: 2 set "starter kit" sistem akuaponik **(memberi pendedahan dalam bidang keusahawanan melalui penjualan hasil tuaian tanaman)**

Untuk tahun 2020, sejumlah **3,986** pelajar daripada **19** sekolah mendapat manfaat dari program empowerNCER MyKasih termasuk **5** sekolah Orang Asli dari program empowerNCER-Akademik

4 sekolah Orang Asli telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Virtual National Robotics dari 21-28 Oktober 2020

Murid Orang Asli dari program empowerNCER-Akademik menduduki tempat di antara **300-600** daripada **1,400** jumlah peserta walaupun baru pertama kali menyertai pertandingan ini

Aktiviti empowerNCER-MyKasih Pada 2020



Pembelajaran Abad Ke-21



Robotik STEM



Laman Akuaponik



*Penggunaan kad tanpa tunai oleh pelajar sebagai ganti bayaran makanan dan pembelian alat tulis akan diteruskan untuk 19 sekolah empowerNCER-MyKasih pada tahun 2021.**

*(*Gambar-gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Testimoni Program empowerNCER Akademik



Tuan Mohd Zamri Tuan Sulaiman
Guru Besar, SK Batu 14
Daerah Batang Padang, Perak

Akuaponik

"Program ini sangat membantu para guru dan murid menimba ilmu pertanian tanpa menggunakan tanah. Sayur-sayuran yang ditanam menggunakan kaedah ini sangat segar dan terasa manis, serta lebih berkhasiat kerana bebas daripada racun."

Robotik

"Daya fikiran kreatif dan kritis murid-murid kini dapat dipertingkatkan, malah murid-murid kini lebih seronok mempelajari subjek Matematik dan Sains. Mereka juga lebih teruja dan bersemangat untuk pergi ke sekolah."




Abdul Harith Abdul Wahab
Guru Besar, SK Pos Perwor
Daerah Kuala Kangsar, Perak

Akuaponik

"Perkembangan positif dapat dilihat dari segi nilai tambah ilmu kepada murid dan guru, khususnya dari segi kaedah-kaedah penanaman yang baharu dan unik. Kami berasa bertuah kerana diberikan peluang ini, yang patut diteruskan pada masa hadapan."

Robotik

"Program ini memberikan ilmu baharu kepada para murid dan guru, dan semestinya membuatkan mereka teruja untuk mempelajarinya. Sehubungan itu, pihak sekolah akan menubuhkan kelab robotik sekolah secara rasmi pada tahun hadapan."



Maarof Mohamad Buldan
Guru Besar, SK Batu Tujuh
Daerah Batang Padang, Perak

Akuaponik

"Satu teknologi baharu bagi murid Orang Asli yang sudah terbiasa dengan cara penanaman tradisional. Murid lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi kerana sifat ingin tahu yang sangat mendalam. Banyak impak positif dari program ini dan kami sangat berbesar hati menerima sumbangan ini daripada MyKasih."

Robotik

"Kami amat berterima kasih dengan program ini kerana pihak sekolah tidak mampu menyediakan kemudahan atau peralatan sebegini kerana kos yang amat mahal. Program ini juga berjaya menarik minat murid untuk hadir ke sekolah dan seterusnya tidak ketinggalan daripada mengikuti pembelajaran dan perkembangan STEM."



Balya Bin Aziz @Ismail
Guru Besar, SK Pos Legap
Daerah Kuala Kangsar, Perak

Akuaponik

"Akuaponik melatih murid-murid mengenai ekosistem pertanian moden dan keusahawanan serta menambah minat murid untuk hadir ke sekolah. Setiap hari, para murid akan terintai-intai taman akuaponik tersebut. Komuniti sekitar sekolah juga turut melawat tapak akuaponik untuk menambah pengetahuan."

Robotik

"Robotik merupakan pengalaman baharu untuk pelajar kerana ini adalah kali pertama program seperti ini diwujudkan. Ia banyak membantu dan membentuk murid untuk lebih fokus dan bersistematik dalam pembelajaran."

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

empowerNCER
Latihan Kemahiran dan Keusahawanan



Contoh gambar yang diambil oleh peserta Program Fotografi empowerNCER daerah Yan, Kedah

Objektif program empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan ialah untuk membangunkan komuniti yang berpendapatan tinggi di NCER, di mana para peserta akan mempelajari dan meningkatkan kemahiran yang membolehkan mereka menambah pendapatan masing-masing sama ada dengan mendapatkan pekerjaan atau menjadi usahawan. Hal ini secara langsung dapat membantu mengeluarkan mereka dan keluarga dari belenggu kemiskinan serta mewujudkan ekosistem keusahawanan yang dinamik di NCER. Program ini juga adalah selaras dengan objektif Kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2030.

empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan menyasarkan golongan belia, wanita, ibu tunggal, Orang Asli, siswazah menganggur, pekerja yang diberhentikan, serta ahli komuniti dari kawasan yang kurang membangun di wilayah ini, khususnya golongan B40 yang berumur antara 18-45 tahun.

Dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), program latihan telah berjalan seperti biasa di mana latihan dilaksanakan secara langsung secara dalam talian atau melalui video rakaman awal. Penekanan terhadap pengetahuan e-dagang turut diutamakan bagi membolehkan peserta-peserta program berniaga dari rumah atau premis setempat dan mengakses pasaran di luar komuniti atau daerah mereka masing-masing.

Salah satu kelebihan program ini ialah ia turut **digabungkan dengan program pembangunan modal insan NCER yang lain.** Sebagai contoh, seramai 124 penerima bantuan KIDA dan 35 orang ibu bapa peserta empowerNCER-Akademik telah menyertai program empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan pada tahun 2020. Integrasi sebegini membolehkan para peserta meningkatkan lagi kemahiran mereka ke tahap yang lebih tinggi, serta memimpin peserta ke arah kejayaan yang lebih cemerlang.

Untuk masa akan datang, peserta yang terpilih akan dibimbing untuk bersedia mengambil bahagian dalam lain-lain projek pembangunan strategik NCIA, antaranya, Integrated Economic & Community Center (i-CON) yang menyediakan ruang niaga bersepadu untuk pengusaha tempatan, yang mampu membuka peluang ekonomi yang lebih besar untuk para peserta.

Pengambilan Pertama
Fasa 1 (2019/2021) I Fasa 2 (2020/2022)

Fasa 1

2,200 peserta daripada golongan sasaran

1,000 peserta daripada 5 daerah (Yan, Baling, Kuala Muda, Pendang & Sik) ditaja oleh Yayasan PETRONAS

11 lokasi di NCER: Perlis, Kedah (Langkawi, Kota Setar, Kuala Muda, Yan, Pendang, Sik, Baling); Pulau Pinang (Seberang Perai Tengah) dan Perak (Larut Matang & Selama, Batang Padang)

Fasa 2

3,800 peserta daripada golongan sasaran

19 daerah di Kedah (Pokok Sena, Padang Terap, Kulim, Bandar Baharu & Kubang Pasu); Pulau Pinang (Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Timur Laut & Barat Daya); Perak (Hilir Perak, Kampar, Kuala Kangsar, Hulu Perak, Kerian, Manjung, Perak Tengah, Kinta, Muallim & Bagan Datuk)

Pengambilan Kedua
Fasa 1 (2021/2023)
Fasa 2 (2022/2025)

6,000 peserta daripada golongan sasaran




30 daerah di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak

Pencapaian empowerNCER – Latihan Kemahiran & Keusahawanan setakat 31 Disember 2020


Jumlah Peserta	Memulakan Perusahaan Mikro	Peningkatan Pendapatan >20%	Pewujudan Pekerjaan	e-Dagang
2,200 (11 Daerah)	**1,337** (61%)	**713** (32%)	**171**	**1,035** (47%)

Berdaftar dengan SSM	Wanita	Belia (18-40 tahun)	Orang Asli
500 (23%)	**1,561** (71%)	**1,115** (51%)	**38**

Pencapaian Usahawan Mengikut Negeri



Jenis Perniagaan



Integrasi dengan Program-program Modal Insan NCIA

empowerNCER Akademik	**35 Ibu-bapa**
KIA KASIH IBU DARUL AMAN	**124**

Latihan Kemahiran Mengikut Sektor



Makanan & Minuman
41% (892)



Perkhidmatan
25% (550)



Kesihatan & Kecantikan
17.7% (390)



Fesyen
14.6% (322)

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Fasa Pelaksanaan program empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan



01 — **3 bulan**
Kerja-kerja Permulaan Pemprofilan, Penubuhan & Pemilihan Peserta

02 — **6-12 bulan**
- Pelaksanaan Latihan
- Bimbingan, Penempatan & Pemantauan

03 — **3 bulan**
Semakan Hasil

04 — **6 bulan**
Laporan Kajian Pengesanan ("Tracer Study Report") & Kemaskini Pangkalan Data Peserta

Setakat penghujung tahun 2020, sebanyak 11 Pusat empowerNCER telah dibuka di NCER bagi melatih para peserta dalam pelbagai program yang ditawarkan. Pusat-pusat empowerNCER berperanan sebagai fasiliti dan lokasi tambahan untuk latihan dan penganjuran aktiviti-aktviti peserta.

Di samping itu, latihan turut diadakan di premis-premis penyedia latihan di seluruh wilayah ini, serta melalui sesi dalam talian sewaktu PKP. Pusat empowerNCER juga merupakan tempat untuk para peserta bertemu dengan kakitangan NCIA dan penyedia latihan bagi mendapatkan khidmat bimbingan dan kaunseling.

Lawatan YAB MB Kedah ke Kolej Komuniti Sik & Perasmian Pusat empowerNCER Sik



16 Ogos 2020 — Pusat empowerNCER Daerah Sik/ Sik

Kursus Jahitan



7 Mac 2020 — Seberang Prai Utara/ Pulau Pinang

Program Pelancaran "e-Marketplace" Negeri Perlis



22 Disember 2020 — Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis

Program "Pemasaran Digital Melalui E-marketplace: Shoppe"



11 Disember 2020 — Kolej Komuniti Baling/ Baling

Testimoni Peserta Integrasi KIDA - empowerNCER



Nor Hamimi Binti Darus
(Kursus Pembuatan Pastri dan Roti)

Peserta empowerNCER dan Penerima KIDA, Yan, Kedah

Wanita Besi Piza Talam

"Sebelum ini saya hanya menjual satu jenis piza talam sahaja. Melalui kursus empowerNCER yang saya sertai, saya berjaya mempelbagaikan resepi dan "topping" piza, serta turut meluaskan produk jualan yang kini merangkumi pelbagai jenis roti dan ban.

Pihak empowerNCER turut membantu saya mendapatkan tempahan daripada sekolah di sekitar Yan. Kini saya dalam perancangan membuka kafe yang berkonsepkan layan diri di daerah ini."


Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM1,000

4 kali ganda selepas menyertai program







Roslizawati Bt Zain
(Kursus Pembuatan Pastri dan Roti)

Peserta empowerNCER dan Penerima KIDA, Pendang, Kedah

Usahawan Daging Perap Manfaatkan Teknologi Dalam Talian

"Sebelum saya menyertai program Latihan Kemahiran dan Keusahawan empowerNCER, saya merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Kini, saya menjalankan perniagaan sendiri menjual makanan perap daripada daging lembu, ayam dan itik.

Melalui program ini juga, saya telah diberi tunjuk ajar untuk menyediakan pautan WhatsApp dan sistem pembayaran "e-wallet" bagi memudahkan pelanggan membuat tempahan secara atas talian."

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM0

>100 kali ganda selepas menyertai program





PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Peserta empowerNCER-Latihan Kemahiran & Keusahawanan



Norhamirah A/P Roslan
(Hamirah's Tasty Cookhouse)

Chenderiang, Perak

3 Pekerja Sambilan

Pastri dan Bakeri Jadi Sumber Rezeki

Norhamirah, seorang peserta empowerNCER dari komuniti Orang Asli, mempunyai minat yang mendalam dalam bidang masakan, pastri dan bakeri. Oleh itu, beliau mula menjalankan jualan pastri dan bakeri dari rumah dan secara Bayar Sewaktu Penghantaran ("Cash on Delivery - COD").

Beliau memulakan perniagaan untuk menyara kehidupan keluarga dan ingin menjadi inspirasi kepada komuniti Orang Asli.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM0

>100 kali ganda selepas menyertai program



Muhammad Mizal Aiman bin Sulaiman
(Mizal Gadget)

Kepala Batas, Pulau Pinang

3 Pekerja Sambilan

Usahawan Gajet Berjaya

Berbekalkan semangat jitu dan minat yang mendalam terhadap gajet, Muhammad Mizal telah membuka perniagaan beliau sendiri yang dikenali sebagai "Mizal Gadget". Beliau menawarkan perkhidmatan menjual dan membaik pulih telefon bimbit dan komputer riba.

Berkat usahanya, perniagaannya kian maju dan beliau kini mengambil salah seorang peserta empowerNCER untuk bekerja dengannya. Muhammad Mizal bercita-cita untuk meluaskan lagi perniagaannya dengan membuka cawandan di seluruh negara.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM500

10 kali ganda selepas menyertai program



Suhana Binti Saadan
(Kursus Pembuatan Pastri dan Roti)

Kangar, Perlis

Ratu Pastri Chuping

Berjaya mempelbagaikan produk jualan daripada burger kepada roti & ban, cheese tart dan aneka jenis kek.

FELDA dan AIM dalam proses melantik beliau menjadi "Community Coach" untuk mengajar penduduk FELDA dalam kelompok B40.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM660

3.9 kali ganda selepas menyertai program



Nurul Hanim Binti Azizan
(Kursus Dandanan Rambut)

Pekan Kuah, Daerah Langkawi Kedah

Dari Pembantu Kini Pemilik Salun Muslimah

Alhamdulillah, dengan sokongan empowerNCER Langkawi dan bantuan modal AIM sebanyak RM30,000, saya telah berjaya membuka salun muslimah di Kedai Majlis Arked Cempaka dengan sewa sebanyak RM300 sebulan serta mengupah seorang pekerja.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM1,200

5.8 kali ganda selepas menyertai program

NTEP @ NCER
Talent Enhancement Programme



*Program NTEP telah berjaya membantu graduan di NCER untuk mendapatkan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran mereka berdasarkan keperluan industri**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

NTEP direka khas untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan dan memberi mereka peluang pekerjaan dan kualiti kehidupan yang lebih baik, serta memastikan tenaga kerja mahir mencukupi yang sesuai dengan keperluan industri di NCER. Melalui program ini, para peserta akan menerima **latihan kemahiran kerja** yang berkualiti tinggi, diikuti dengan **latihan kemahiran insaniah** ("soft skills") untuk meningkatkan daya saing mereka, seterusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan tempatan.

Sewaktu pandemik COVID-19 melanda pada tahun 2020, NTEP juga memainkan peranan utama dalam menawarkan insentif modal insan kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di NCER untuk terus mengambil pekerja di kalangan rakyat tempatan. Ini adalah amat penting memandangkan kebanyakan industri telah mengambil keputusan untuk menangguhkan pengambilan pekerja baharu, terutamanya para graduan yang baru menamatkan pengajian.

Oleh yang demikian, kewujudan insentif ini dapat menggalakkan industri mengambil graduan dan juga **pekerja yang kehilangan pekerjaan** akibat pandemik untuk bekerja dengan mereka. Adalah dianggarkan bahawa seramai 468,809 pekerja akan kehilangan pekerjaan disebabkan pandemik COVID-19, dengan Perak dan Kedah mencatatkan kadar peratusan tertinggi *(*Sumber: Jangkaan MIER dan Jabatan Statistik Malaysia).*

Pada masa yang sama, NTEP dapat meringankan beban industri dari segi kos tenaga kerja seperti gaji dan latihan, sekaligus mengurangkan kos operasi syarikat.

NCER Talent Enhancement Programme (NTEP):

- Terbuka kepada syarikat atau pelabur yang sedang/ akan beroperasi atau berkembang di NCER.
- Peserta yang terlibat mestilah warganegara Malaysia dan akan melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat.
- NCIA akan membiaya sebahagian daripada kos gaji graduan dalam bentuk geran secara kaedah pembayaran semula ("reimbursement") kepada syarikat.
- Tempoh perjanjian perlaksanaan program adalah selama 30 bulan
- Tempoh 18 bulan pertama merupakan proses pengambilan gradúan, diikuti oleh 12 bulan untuk tempoh latihan graduan

Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak **64 syarikat** telah mengambil bahagian dalam NTEP, yang mana tiga daripadanya merupakan syarikat Bumiputera. Melalui 64 syarikat tersebut, sebanyak **1,707 peluang pekerjaan** telah ditawarkan untuk graduan menerusi NTEP, dengan jumlah peruntukan komited sebanyak RM20 juta. Tiga puluh tiga daripada syarikat terlibat beroperasi di Pulau Pinang, manakala 16 syarikat terletak di Kedah, 13 syarikat di Perak dan 2 syarikat di Perlis.

Syarikat
64

Peluang Pekerjaan
1,707

Pembuatan
49

Ekonomi Digital
3

AgriBio
5

Pelancongan
2

Logistik
5

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Peserta NTEP (Graduan)



En. Wan Azrain Adnan
Pengarah
MATA Aerotech

Dari penganggur ke pengendali dron pertanian pintar

"MATA Aerotech berasa amat bertuah dan bersyukur untuk menjadi sebahagian daripada dua inisiatif penting NCIA iaitu JomKerja@NCER dan NTEP. Sebagai sebuah syarikat pemula berusia hanya setahun, inisiatif-inisatif tersebut telah memberikan talian hayat kepada kami pada waktu yang amat sukar. Dengan bantuan kewangan, sokongan dan bimbingan yang diberikan di bawah kedua-dua inisiatif, MATA Aerotech berjaya meneruskan kelangsungan operasi dan pertumbuhan perniagaan. Kami berharap pertumbuhan perniagaan kami akan menyokong pertumbuhan NCER yang berterusan, dari segi ekonomi dan sosial."



Cik Dyna Ong
Peserta NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)
Explicit Eco Marine

Dari penganggur ke alam hidupan marin

"Saya sangat bersyukur dengan NTEP kerana tanpa program ini, saya mungkin masih belum bekerja akibat impak pandemik ini yang mungkin akan berlanjutan untuk masa panjang. Terima kasih NCER!"



Encik Ali Hanafiah Bin Hashim
Pengurus Program
Empayar Paradigma Sdn Bhd

Dari lepasan siswazah ke seni pembuatan peluru

"Sewaktu pandemik COVID-19, kebanyakan syarikat telah mengalami kerugian. Dengan bantuan yang ditawarkan pihak NCIA, ia dapat membantu syarikat-syarikat untuk mebiayai kos operasi pekerja yang membolehkan kami meneruskan kelangsungan perniagaan."



Cik Koay Lik Lin
Ketua Pegawai Kewangan
Greatech Integration (M) Sdn Bhd

Dari lepasan siswazah ke pereka bentuk elektronik

"Kerjasama dengan NCIA telah membolehkan perniagaan kami berkembang sewaktu krisis. Pihak NCIA jelas memahami matlamat perkembangan perniagan kami. NCIA telah membantu kami dan menyediakan lepasan siswazah untuk diambil bekerja dan mengikuti latihan dan program mentor di tempat kerja, yang mampu melahirkan pemimpin masa depan yang berketrampilan dalam industri masing-masing."

Testimoni Peserta NTEP (Graduan)



Siti Nur Aisyah Binti Ahmad
Jurutera
JCT Industries Group Sdn Bhd

Membina kerjaya dengan NTEP

"JCT telah memberikan saya peluang untuk meneroka kemahiran diri dan menimba pengalaman industri sebagai seorang lepasan siswazah. Dengan JCT, saya memperoleh pelabagai peluang untuk membina kerjaya sebagai seorang jurutera. Saya amat gembira dan bersyukur atas program NTEP ini, kerana ia memberi peluang kepada para graduan untuk mendapatkan pengalaman dalam industri sebenar."



Rajaviknesswaran A/L Singaravelan
Jurutera Kawalan Kualiti
Macro Dimension Concrete Sdn Bhd (MDC)

Meningkatkan keyakinan diri

"Saya gembira dapat bekerja dengan sebuah pasukan yang hebat yang telah membimbing saya di sepanjang perjalanan kerjaya saya di MDC. Bekerja dengan pasukan yang hebat sebegini telah meningkatkan tahap keyakinan diri saya dan memberi motivasi untuk bekerja lebih keras."



Mohammad Sofwan Bin Abdul Hamid
Ahli Agronomi
Green World Genetics Sdn Bhd (GWG)

Platform kukuh untuk meningkatkan kemahiran

"Terima kasih kepada NCIA dan GWG kerana memberikan saya peluang pekerjaan yang baik di bawah program NTEP. Program ini menghubungkan GWG dan UniMAP dengan menawarkan pekerjaan kepada lepasan siswazah seperti saya. Saya berasa gembira dan bangga menjadi kakitangan syarikat pengeluar biji benih tropika tempatan yang terkemuka ini. GWG memberikan saya platform yang kukuh untuk menimba pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengeluaran biji benih hibrid. Persekitaran kerja yang positif juga telah membantu saya untuk membina keyakinan dan sahsiah diri."



Tan Chong Gee
Jurutera R&D
ViTrox Corporation Berhad

Membina profesionalisme dan jati diri

"Program NTEP telah memberikan saya platform untuk mempertingkatkan diri secara profesional dan peribadi. Setelah menyertai ViTrox, saya berpeluang untuk mengikuti latihan kemahiran insani dan teknikal yang merangkumi pengurusan projek, pengurusan kendiri, Google Suite dan banyak lagi. Selain daripada dapat mengenali lebih ramai kakitangan ViTrox melalui program ini, produktiviti saya di tempat kerja telah meningkat dengan ketara setelah mengetahui bagaimana untuk menguruskan masa saya dengan efektif dan melalui automasi menggunakan aplikasi Google seperti Gmail dan Spreadsheet. Terima kasih NTEP!"

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Peserta NTEP (Graduan)



Dhillan Kumar a/l Marimuthu
Jurutera Aplikasi
Sistem Visi Synvue Sdn Bhd

Memperoleh pengalaman dan kemahiran baharu

"Saya memperoleh banyak pengalaman di Synvue dan mempelajari kemahiran pemprograman yang diterapkan dalam penyelesaian untuk sistem visi dan pengurusan data, terima kasih kepada para kakitangan yang memberi bimbingan kepada saya sewaktu melaksanakan projek, dan juga Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Richard Joseph kerana mengambil saya bekerja dan meberikan saya peluang berharga ini.

Selain daripada pemprograman, saya juga mempelajari tentang perkakasan baharu, seperti pemeriksaan kamera dan lensa, pemprograman lengan robot, dan banyak lagi melalui latihan di tempat kerja. Tambahan pula, peluang ini memberikan saya pemahaman mengenai skop kerja dan perniagaan dalam sektor industri, yang menjadikan peluang ini lebih berharga untuk saya. NTEP sememangnya memberikan banyak perbezaan dan patut ditawarkan kepada semua lepasan siswazah yang baru mengorak langkah ke alam pekerjaan."



Lim Ewe Jun
Pembantu Sumber Manusia & Pentadbiran
XSD International Paper Sdn Bhd

Bersiap-sedia untuk masa hadapan

"Saya telah banyak belajar daripada kerjaya saya di XSD dan menambah pengetahuan di tempat kerja. Di samping itu, XSD memberikan saya platform dan peluang untuk menimba ilmu dan mengasah kemahiran demi masa hadapan, dan pegawai atasan saya juga telah memberi bimbingan dari masa ke semasa. Banyak tanggungjawab dan tugas telah diserahkan kepada saya dan saya yakin telah melaksanakannya dengan baik dengan tunjuk ajar dan sokongan rakan-rakan sekerja dan pegawai atasan. Secara keseluruhannya, projek NTEP telah memberi manfaat kepada saya melalui peluang-peluang dan latihan yang diberikan agar bersedia untuk menghadapi masa depan."

Testimoni Peserta NTEP (Pengurusan Syarikat)



Yeoh Siew Eng
Pengurus, Pengurusan Sumber Manusia
ViTrox Technologies Sdn Bhd

Sokongan besar kepada syarikat

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ViTrox telah terlibat secara aktif dalam banyak acara kerjaya di IPTA dan IPTS untuk menarik graduan baharu bekerja dengan kami, bagi mengembangkan pasukan dan perniagaan syarikat. Kira-kira 70% daripada pekerja baharu kami terdiri daripada lepasan siswazah pemegang Diploma atau Ijazah.

Progam NTEP telah memberikan sokongan besar kepada kami untuk terus mengambil pekerja dan mengurangkan kos kakitangan melalui pembayaran semula gaji dan pada masa yang sama, memastikan para graduan terbabit adalah kompeten dalam kedua-dua kemahiran teknikal dan insani. Kami berharap agar program ini diteruskan supaya lebih banyak syarikat di wilayah utara seperti ViTrox dapat terus berkembang dengan bantuan daripada NCIA."



Lee Chong Yong
Timbalan Pengurus Besar
JCT Industries Group Sdn Bhd

Membantu dari segi kos tenaga kerja

"NTEP merupakan sebuah program yang direka untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengambil lebih ramai lepasan siswazah untuk bekerja dengan mereka, terutamanya dalam industri pertengahan. Program ini telah memberi sumbangan besar kepada syarikat-syarikat yang mempunyai peruntukan terhad yang berhasrat untuk mengambil lepasan siswazah sebagai pekerja mereka.

Wakil NCIA sentiasa memantau perkembangan program ini dari masa ke semasa untuk memastikan syarikat memberikan latihan secara efektif kepada lepasan siswazah terbabit untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Saya mewakili JCT Industries Group benar-benar menghargai tawaran NCIA kepada pihak kami untuk menyertai program ini NCIA dan kami berharap agar ia akan diteruskan untuk menggalakkan lebih ramai lepasan siswazah diambil bekerja."



Leow Khang Heng
Ketua Pegawai Eksekutif
Macro Dimension Concrete Sdn Bhd

Sikap peserta dikagumi

"Saya sentiasa kagum dengan sikap peserta terhadap kerja, yang mana mereka boleh dipercayai, teratur dan mampu bekerja di bawah tekanan."

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Peserta NTEP – Pengurusan Syarikat



Low Wei Han
Ketua Wilayah Utara
Green World Genetics Sdn Bhd

Melahirkan lebih ramai pakar tempatan

"GWG bercita-cita untuk menjadi pengeluar biji benih hibrid tropika terkemuka dunia. Kami memberi penekanan kepada pembangunan modal insan untuk menyumbang kepada kepakaran dan pengetahuan dalam industri pengeluaran biji benih hibrid tropika. Kerjasama sektor awam-swasta antara GWG dan NCER di bawah program NTEP akan membolehkan kami melatih lebih ramai pakar tempatan untuk menyokong industri pengeluaran biji benih nasional."



Khoo Chee Ling
Penolongan Pengurus
Sumber Manusia XSD International Paper Sdn Bhd

Mengurangkan kos pengambilan pekerja

"Kami menghargai sokongan NCIA dari segi mengurangkan kos pengambilan pekerja dengan memberikan insentif bulanan kepada syarikat untuk mengambil lepasan siswazah bekerja dan kami telah berjaya menerima tuntutan untuk suku tahun pertama pada Januari 2020. Program NTEP memberikan peluang kepada semua peserta lepasan ijazah untuk menimba pengalaman dan pengetahuan yang bersesuaian dengan hala tuju karier mereka."




Richard a/l Clarence Joseph
Ketua Pegawai Eksekutif
Synvue Sdn Bhd

Program bermanfaat untuk syarikat dan graduan

"Kami mengambil Dhillan Kumar, seorang lepasan siswazah yang menyertai NTEP, pada 1 Februari 2020. Beliau terpilih sebagai calon terbaik daripada beberapa peserta yang ditemuduga dan telah menunjukan ciri-ciri positif cemerlang sebagi seorang pekerja dan lepasan siswazah. Dhillan juga rajin bekerja, menepati waktu dan bersedia mempelajari perkara baharu, walaupun dia tidak mempunyai pemahaman mengenai topik tersebut sebelum ini.

Sejak beliau mula bekerja dengan kami, beliau telah mempelajari pelbagai kemahiran seperti pemprosesan imej, Microsoft Visual c#, Visual Basic, pemprograman Kuka Robotics dan Lab View. Kami melihat banyak peluang terbuka untuk Dhillan dan juga Synvue, dan program NTEP ini ternyata amat bermanfaat dan bagus untuk lepasan siswazah dan syarikat-syarikat, termasuk syarikat pemula. Dhillan dan syarikat kami telah mendapat pengalaman yang positif melalui penyertaan dalam program ini, dan semestinya kami akan mencadangkan program ini kepada mereka yang memerlukan."

entrepreneurNCER



*Usahawan wanita turut dibantu melalui pembiayaan kewangan di bawah program entrepreneurNCER**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Program entrepreneurNCER diperkenalkan dengan matlamat untuk **membangun dan mengembangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** di wilayah ini bagi menyokong rantaian penawaran industri di seluruh NCER. Di bawah program ini, usahawan mikro dan PKS di NCER akan dibantu dari segi **pinjaman pembiayaan kewangan dan khidmat bimbingan kepada usahawan** yang berhasrat untuk mengembangkan dan meluaskan pasaran perniagaan mereka. Program ini turut meningkatkan pelaburan langsung domestik, terutamanya di kalangan **usahawan mikro** dan **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** yang merupakan pemacu utama ekonomi NCER.

Program entrepreneurNCER telah membantu kelangsungan usahawan mikro dan syarikat-syarikat PKS yang terkesan akibat pandemik dan hanya mempunyai daya tahan dengan aliran tunai selama 3 hingga 6 bulan sahaja.

Bagi program entrepreneurNCER, NCIA telah menjalin kerjasama dengan Maybank dan Agrobank untuk menyediakan bantuan pembiayaan mudah, di mana NCIA menggunakan kaedah "topping up" 50% ke atas kadar faedah yang dikenakan oleh pihak bank. Selain daripada bantuan pembiayaan mudah untuk usahawan yang ingin mengembangkan perniagaan mereka, program ini turut membantu dari segi pembangunan produk dan pembungkusan, promosi dan pemasaran, dan penerapan teknologi.

Manfaat program entrepreneurNCER:

- Menyediakan akses yang lebih mudah untuk mendapatkan pembiayaan melalui mekanisme "topping-up" kadar faedah
- Meningkatkan prestasi usahawan sedia ada di NCER
- Menangani masalah kekurangan dan kesukaran mendapatkan akses kepada pembiayaan untuk usahawan
- Mengurangkan masalah kadar faedah yang tinggi bagi pembiayaan usahawan.





*Poster promosi program entrepreneurNCER-Agrobank**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Menangani Impak COVID-19 dan Membantu Aliran Tunai Usahawan

Program entrepreneurNCER turut memainkan peranan penting dalam membantu usahawan mikro dan PKS dari segi memudahkan aliran tunai mereka akibat pandemik COVID-19, sejajar dengan inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan.

Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 melalui Kemudahan Bantuan Khas ("Special Relief Facility - SRF") serta moratorium turut membantu usahawan terbabit sewaktu tempoh sukar dan mengekalkan kelangsungan perniagaan mereka.

Pembangunan Usahawan dan Produk

Melalui komponen pembangunan usahawan dan produk, usahawan Mikro dan PKS turut diberikan bimbingan dari segi kualiti produk, pelabelan dan penjenamaan serta pemasaran e-dagang. Antara program yang telah dijalankan adalah program "quick wins" di Pulau Pangkor dan Program "E-Commerce Made Easy Powered by Penang Halal International (PHI) and Shopee@Penang E-Mall" yang menyediakan peluang kepada para usahawan untuk mempromosikan produk mereka melalui platform dalam talian Penang E-Mall@Shopee.











*Program entrepreneurNCER banyak membantu para usahawan NCER mengekalkan kelangsungan perniagaan mereka sewaktu tempoh pandemik**

*(*Gambar-gambar diambil ketika negeri Pulau Pinang dan Perak masih berada dalam "zon hijau" COVID-19)*

Memperluaskan Jangkauan Pasaran Usahawan

Untuk membantu usahawan mikro dan PKS menembusi pasaran tempatan dan global, program entrepreneurNCER turut membantu dan memudahcara penyertaan 20 usahawan mikro dan PKS dari wilayah NCER di "International Inspirasi Khadijah (IIK) Virtual Expo 2020" yang dianjurkan oleh Penang Halal International.





Penyertaan usahawan mikro dan PKS NCER di "International Inspirasi Khadijah Virtual Expo" di Pulau Pinang, ketika negeri tersebut masih berada dalam "zon hijau" COVID-19

Pencapaian entrepreneurNCER Setakat 31 Disember 2020

Usahawan **9,697**	AGRO BANK **9,242 (95%)**	Maybank **455 (5%)**	Perusahaan Mikro **9,335 (96%)**
PKS **362 (4%)**	Pewujudan Pekerjaan **644**	Wanita **1,982 (20%)**	Bumiputera **9,172 (95%)**

PEMBIAYAAN KESELURUHAN

NCIA	RM6,404,479
BANK	RM129,232,370

NISBAH: 1:20

Jumlah Usahawan		Peserta Wanita		Peserta Bumiputera	
1,733	793	424	73	1,704	668
5,140	2,031	1,068	417	4,993	1,807

Skim Usahawan NCIA-Maybank		Skim Usahawan NCIA-Agrobank		Jumlah Pembiayaan Bank	
18	130	1,715	663	13.3 juta	21.4 juta
84	223	5,056	1,808	50.5 juta	44.0 juta

Pecahan Penerima Pembiayaan Mengikut Sektor

Padi **8,748 (90.2%)**	Perdagangan Borong & Runcit **356 (3.7%)**	Pertanian **236 (2.5%)**
Pembuatan **58 (0.5%)**	Perkhidmatan **293 (3.0%)**	Lain-lain **6 (0.1%)**

Pinjaman Tidak Berbayar: **SIFAR**

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Usahawan entrepreneurNCER



Chong Wei Chick
(FRESH MART (GERIK) SDN. BHD)

Gerik, Perak

Berjaya mengembangkan perniagaan

Melalui skim pembiayaan dari program entrepeneurNCER bersama Maybank, beliau telah berjaya mengembangkan perniagaan dengan membuka cawangan pasaraya yang ke-2 di Gerik dan juga telah mewujudkan 24 peluang pekerjaan baharu melalui program JomNiaga@NCER .



Nurfarazuna Binti Fadrol Hishaini
(FIKRISZ (M) SDN BHD)

Sungai Petani, Kedah

Membantu mewujudkan peluang pekerjaan baru

Melalui pembiayaan di bawah program entrepreneurNCER, Fikrisz (M) Sdn Bhd telah menambah mesin peralatan berdasarkan permintaan produk meningkat sehingga 40% dalam tempoh PKP dan telah membuka 70 peluang pekerjaan baru. Fikrisz (M) Sdn Bhd juga telah diberi peluang untuk menyertai International Inspirasi Khadijah 2020 Virtual Expo untuk mempromosikan produk-produk syarikat.



Sabri Bin Salim
(INDRA UTARA ENTERPRISE)

Kangar, Perlis

Produktiviti meningkat & pendapatan berganda melalui penggunaan teknologi dalam sektor pertanian

Melalui skim pembiayaan dari program entrepeneurNCER bersama Agrobank, beliau telah menambah aset baharu dengan membeli sebuah dron. Penggunaan teknologi dron menjimatkan masa bagi aktiviti meracun iaitu daripada 30 minit untuk setiap relong ke 5 minit sahaja, dan telah meningkatkan pendapatan beliau sehingga sekali ganda.



Suhaimi Bin Omar
(RIZMIEE TECHNOLOGY ENTERPRISE)

Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Bangkit Semula setelah perniagaan merosot ketika PKP

Perniagaannya mula mengalami kemerosatan jualan semasa tempoh PKP. Melalui pembiayaan ini, perniagaan beliau telah bangkit semula dan berupaya menampung kos operasi perniagaan yang tinggi serta mampu mengekalkan 5 pekerja sedia ada.

DUB @ NCER
Dana Usahawan Bumiputera

DANA USAHAWAN BUMIPUTERA (DUB@NCER): MENJANA PERTUMBUHAN PELABURAN BUMIPUTERA BERIMPAK TINGGI

Pada tahun 2020 yang menyaksikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan berkuatkuasa 18 Mac bagi mengawal penularan COVID-19, Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER) terus memberi sokongan kepada syarikat-syarikat PKS di wilayah ini untuk memastikan operasi mereka dapat diteruskan, dan pada masa yang sama, berupaya mengekalkan pekerja sedia ada dan masih berupaya mengekalkan kontrak-kontrak kecil daripada perusahaan mikro. Ini adalah sejajar dengan inisiatif-inisiatif Kerajaan di bawah PRIHATIN dan PENJANA yang bertujuan untuk mengurangkan impak COVID-19 dan membangunkan semula pertumbuhan ekonomi negara.

Melalui program DUB@NCER, NCIA menawarkan geran sehingga 15% daripada kos projek yang layak atau maksimum RM2 juta (yang mana lebih rendah) kepada pemohon-pemohon dari sektor teras NCER. Bagi membantu aliran tunai syarikat dengan mengurangkan bebanan tunai, geran DUB@NCER akan disalurkan secara pembayaran balik berskala iaitu 10% bayaran awal akan dibuat sehingga maksimum tiga (3) bulan, 40% pembayaran balik mengikut kemajuan, dan 50% pembayaran balik bagi bayaran akhir apabila status kemajuan projek mencapai tahap kemajuan 100%.

Skop Dana Usahawan Bumiputera

1 Mesti merupakan syarikat tempatan dengan **ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 51%**

2 Modal berbayar syarikat **sekurang-kurangnya RM100,000**



3 Kos minimum projek yang **layak dipertimbangkan:**

Pembangunan Infrastruktur: **RM1.5 juta** (had maksimum status kemajuan projek yang boleh dipohon adalah 30%).

Mesin dan kelengkapan **RM250,000**

Program DUB@NCER juga berjaya membangunkan modal insan di wilayah ini dari segi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan baharu yang mampu memperkasakan rakyat dan membantu menjana semula ekonomi NCER.

Pecahan DUB@NCER Mengikut Negeri (Sehingga 31 Disember 2020)

	PERLIS	KEDAH	P. PINANG	PERAK	JUMLAH
Syarikat	4	4	3	9	20
Peluang Pekerjaan	455	73	261	289	1,078
Keusahawan	175	308	51	5,606	6,140
Pelaburan	RM405.7 juta	RM16.1 juta	RM96.7 juta	RM59.7 juta	RM578.20 juta

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Dana Usahawan Bumiputera NCER Setakat 31 Disember 2020

PENCAPAIAN 2020

Bilangan Syarikat
20


Geran Komited
RM12.6 juta

Jumlah Pelaburan
RM578 juta

Pewujudan Pekerjaan
1,078

Pengganda (ROI)
46x


Agihan mengikut Daerah




Cabaran-cabaran Utama Yang Dihadapi Perusahaan Kecil dan Sederhana

- Kekangan akses pembiayaan
- Kekurangan/Ketiadaan keupayaan untuk menggunakan teknologi
- Persaingan global
- Mengekalkan pekerjaan & mencipta pekerjaan baharu
- Penurunan permintaan
- Mencipta saranan nilai baharu
- Mengekalkan kelangsungan perniagaan; gangguan aliran tunai

Sektor (% bilangan syarikat)




Pelaburan Diluluskan Mengikut Negeri




Pecahan DUB@NCER Mengikut Negeri

Negeri	Jumlah Syarikat	Jumlah Pelaburan	Jumlah Peluang Pekerjaan	Peluang Keusahawanan
Kedah	4	RM16.1 juta	73	308
Pulau Pinang	3	RM96.7 juta	261	51
Perak	9	RM59.7 juta	289	5,606
Perlis	4	RM405.7 juta	455	175

Jumlah Pelaburan



Jumlah Peluang Pekerjaan



Untuk tahun 2021, adalah disasarkan sebanyak 20-30 syarikat akan menerima manfaat daripada program DUB@NCER, dengan sasaran jumlah pelaburan RM750 juta yang akan mewujudkan 400 peluang pekerjaan untuk rakyat.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Syarikat DUB@NCER



Nurul Husna Binti Arbain
Pengarah
Manjung Naluri Sdn Bhd

MGROW℠

"Dana Usahawan Bumiputera telah menjadi titik tolak buat syarikat kami yang bermula sebagai sebuah pengeluar hasil pertanian dalam negara untuk menjadi pemain eksport pertanian global untuk kedua-dua produk hiliran dan huluan dengan kemudahan memproses makanan yang memiliki pensijilan ISO. Sebagai seorang usahawan wanita muda, saya amat menghargai sokongan dan bimbingan dari pihak NCIA dalam menjadikan jenama kami sebuah jenama global dan amat berterima kasih atas kerjasama ini."







Hazuli Bin Hamzah
Pengarah
Ekatuju Sdn Bhd

e2JU

"Program Dana Usahawan Bumiputera telah membolehkan syarikat kami bergerak maju bagi menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan logistik menyeluruh untuk syarikat-syarikat multinasional seperti DHL dan DELL, dan seterusnya menjadi lebih kompetitif, setaraf dengan penyedia logistik antarabangsa.

Melalui pembiayaan ini, ia telah membantu pengembangan projek kami di KHTP, Kulim supaya kami dapat menyediakan nilai yang luar biasa untuk pelanggan sebagai pemilik syarikat penyedia penyelesaian logistik Bumiputera bertaraf dunia."





Testimoni Syarikat DUB@NCER



Ezreen Muhaizie Bin Marzukhi
Pengarah
Dibuk Synergy Sdn Bhd

DIBUK SYNERGY

"Program Dana Usahawan Bumiputera telah membolehkan syarikat kami membuka segmen perniagaan baharu dalam menghasilkan bihun berkualiti tinggi untuk penggunaan domestik selain daripada aktiviti tradisional kami iaitu pemprosesan padi.

Pembiayaan yang diberikan memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan operasi syarikat kami, serta untuk terus berdaya tahan dalam menghadapi tekanan ekonomi akibat COVID-19 yang telah memberi kesan terhadap perniagaan kami."







Dato' Haji Zaihal Hazri Bin Abdul Halim
Pengarah
Al Meswak Mu'min Sdn Bhd

Mu'min
www.al-meswak.com.my

"Melalui pembiayaan DUB@NCER, syarikat saya yang dahulunya menghasilkan produk melalui OEM di Selangor, kini melangkah lebih jauh dengan membina kilang penghasilan produk Mu'min kami sendiri di Kubang Menerong, Pulau Pinang. Geran DUB@NCER telah membantu aliran tunai syarikat kami sewaktu tempoh pandemik, khususnya dari segi pembangunan infrastruktur kilang, dan menjana peluang-peluang pekerjaan. Kami akan memberi tumpuan kepada pendigitalan pemasaran untuk kekal mampan dalam pasaran."






PEMBANGUNAN MODAL INSAN

RESPONS PANTAS DALAM MENANGANI CABARAN COVID-19

Kemelut pandemik COVID-19 yang hampir melumpuhkan seluruh dunia dan menjejaskan ekonomi global pada tahun 2020 telah mendorong NCIA untuk bertindak balas pantas agar rakyat dan komuniti perniagaan di NCER dapat mengurangkan beban yang ditanggung akibat impak pandemik tersebut. Justeru itu, dua program "fast track" iaitu **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** di bawah inisiatif PENJANA Kerajaan telah diperkenalkan bagi membantu golongan terbabit menangani cabaran yang dihadapi. Hasilnya, kedua-dua program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan berjaya melepasi sasaran dalam tempoh lima bulan pelaksanaannya.



JomNiaga @NCER



NCER bantu golongan hilang pekerjaan

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA | 28 Oktober 2020

JomNiaga@NCER adalah program modal insan inklusif yang menyediakan latihan dalam bidang kemahiran, keusahawanan asas dan e-dagang untuk menempatkan kumpulan sasaran, terutamanya dari sektor tidak formal ke dalam keupayaan produktif untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Ia juga melibatkan penempatan pekerjaan menerusi program "train and place" atau "place and train" di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian bagi meningkatkan status sosio-ekonomi kumpulan rentan di NCER, terutamanya yang terkesan akibat wabak COVID-19.

Sehingga 31 Disember 2020, JomNiaga@NCER telah berjaya melahirkan **3,026 usahawan**, serta mewujudkan **679 penempatan pekerjaan** untuk rakyat tempatan.

Skop Program

- Melahirkan usahawan tempatan dengan memberi latihan jangka pendek, pemantauan & bimbingan serta pemberian kit permulaan perniagaan
- Meningkatkan pendapatan melalui penempatan pekerjaan dengan produktiviti yang lebih tinggi
- Menggalakkan penyertaan golongan Belia & Wanita ke dalam program bagi meningkatkan tahap kemahiran
- Merangsang pemulihan syarikat Mikro & PKS melalui Upah Subsidi dengan melaksanakan kaedah Latihan "Train & Place" atau "Place & Train"
- Menggalakkan penggunaan digital dan e-dagang serta pendaftaran dengan SSM setelah tamat latihan



JomNiaga@NCER bertujuan membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik melalui penyediaan latihan kemahiran dan keusahawanan yang membolehkan mereka menjana pendapatan

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kelebihan Program Kepada Individu & Syarikat

Memperkasakan Rakyat

Program ini bertujuan untuk membantu peserta menjana pendapatan selepas menjalani latihan dalam tempoh masa yang singkat, yang mana mereka akan dipantau dan dibimbing sekurang-kurangnya selama 6 bulan bagi memastikan peningkatan pendapatan secara berterusan

Para peserta akan diperkasakan dengan pemberian kit permulaan perniagaan, sejajar dengan latihan yang telah dijalankan

Pecahan Peserta

Usahawan **3,760** + Penempatan Pekerjaan **800** = **JUMLAH SASARAN PESERTA 4,560**

Kumpulan Sasaran

- Belia, Wanita, Ibu Tunggal, Orang Asli
- Komuniti daripada kawasan kurang membangun
- Graduan menganggur
- Pekerja yang diberhentikan

Kolaborasi Bersama

- Agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri & Daerah

Sektor & Modul

- Sektor
  - Perkhidmatan
  - F&B
  - Industri Kraf
  - Kesihatan & Kecantikan
  - Logistik, Teknikal & Automotif
- Modul
  - Digitalisasi
  - E-Dagang
  - Latihan Asas Keusahawanan
  - Rekod Kewangan

Kelebihan Program Ini

Program Latihan Jangka Pendek Serta "Handholding" selama **6 bulan**

Peluang pekerjaan dan **peningkatan kemahiran** untuk menjana pendapatan melalui penempatan pekerjaan atau keusahawanan

Modul e-dagang untuk menggalakkan **promosi dan perniagaan dalam talian**

Merangsang pemulihan **Usahawan Mikro & PKS**

Peserta akan dibantu untuk mendapatkan sijil pendaftaran perniagaan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

Menjana pendapatan melalui kit permulaan perniagaan setelah tamat latihan



*YAB Perdana Menteri beramah mesra secara maya dengan salah seorang peserta program empowerNCER selepas Mesyuarat Majlis NCIA di Pulau Pangkor pada September 2020**

*(*Perak merupakan "zon hijau" COVID-19 sewaktu mesyuarat tersebut berlangsung)*

Pelan Pelaksanaan Program

Jumlah 230	Jumlah 1,600	Jumlah 1,000	Jumlah 1,730
190 Sasaran Usahawan	1,320 Sasaran Usahawan	750 Sasaran Usahawan	1,500 Sasaran Usahawan
40 Sasaran Pekerja	280 Sasaran Pekerja	250 Sasaran Pekerja	230 Sasaran Pekerja

JomNiaga @NCER

Jumlah Keseluruhan Sasaran	Geran Komited
4,560	RM15 juta

SASARAN PENCAPAIAN 2020

- Peningkatan Pendapatan
- Penempatan Pekerjaan
- Meningkatkan Kemahiran
- Penggunaan Digital & e-Dagang serta Pendaftaran SSM
- Penglibatan Golongan Belia & Wanita

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PENCAPAIAN KESELURUHAN JOMNIAGA@NCER SETAKAT 31 DISEMBER 2020

	PERLIS	KEDAH	P. PINANG	PERAK	JUMLAH SEMASA
Syarikat	5	19	39	14	77
Penempatan Pekerjaan	22 (3%)	187 (28%)	315 (46%)	155 (23%)	679
Usahawan	272 (9%)	1,626 (54%)	573 (19%)	555 (18%)	3,026
Peruntukan	RM0.95 juta	RM5.88 juta	RM2.97 juta	RM2.33 juta	RM12.13 juta

ANALISIS DATA SYARIKAT SETAKAT 31 DISEMBER 2020

PENEMPATAN PEKERJAAN MENGIKUT SEKTOR (JUMLAH 679)

SEKTOR	KEDAH	P. PINANG	PERAK	PERLIS
Pembuatan	46	148	53	11
Automotif	37	9	3	0
Telekomunikasi	1	31	0	0
Logistik & Teknikal	10	19	3	0
Makanan & Minuman	69	81	51	2
Kesihatan & Kecantikan	13	13	16	4
Industri Kraf	0	4	5	0
Lain-lain	11	10	24	5

JANTINA PEMILIK SYARIKAT

41 (53%) Wanita

36 (47%) Lelaki

JENIS INDUSTRI

50 (65%) PKS

27 (35%) Perusahaan Mikro

Lebih banyak PKS telah memohon untuk menyertai JomNiaga@NCER dan komited untuk mengambil pekerja selama 1 tahun dengan gaji minimum.

ANALISIS DATA INDIVIDU PADA 31 DISEMBER 2020

INDIVIDU YANG TERLATIH SEBAGAI USAHAWAN MENGIKUT KURSUS (JUMLAH 3,026)

SEKTOR	KEDAH	P. PINANG	PERAK	PERLIS
Makanan & Minuman	889	329	304	133
Industri Kraf	338	70	67	60
Kesihatan & Kecantikan	220	82	95	37
Automotif	36	19	7	8
Logistik & Teknikal	128	71	29	29
Lain-lain	15	2	53	5

KUMPULAN UMUR

218 (7.2%) ≤20 tahun

665 (22%) 41-50 tahun

2068 (68.3%) 21-40 tahun

75 (2.5%) >50 tahun

JANTINA

2,233 (74%) Perempuan

793 (26%) Lelaki

ETNIK

L **75 (2.5%)**

I **70 (2.4%)**

M **2,878 (95%)**

C **3 (0.1%)**

SEKTOR

70 (2%)

535 (18%)

1,655 (55%)

257 (8.5%)

434 (14%)

75 (2.5%)

NEGERI


272

573

1,626

555

Pencapaian JomNiaga@NCER



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Latihan & Kursus yang Dilaksanakan

KURSUS-KURSUS SEPARA MAHIR YANG DITAWARKAN


Penyediaan & Pembuatan Makanan


Pembuatan Pastri & Roti


Pengurusan Reka Bentuk & Gubahan Bunga


Reka Bentuk & Pengeluaran Jahitan Kreatif


Terapi Spa


Dandanan Rambut


Seni Solekan


Rawatan Bekam


KURSUS-KURSUS TEKNIKAL & KEMAHIRAN


Membaik pulih Telefon & Komputer


Fotografi & Suntingan


Baik Pulih Elektrik dan Penghawa dingin


Pendawaian & Perpaipan


Fotografi


Penyenggaraan Automotif


Penyenggaraan Motosikal


Penyelengaraan Penghawa Dingin

Latihan Keusahawanan & Pemasaran









Sesi Kelas Latihan Fizikal



Penyerahan Kit Pemula ("Starter Kit") Kepada Peserta




Produk-produk Peserta



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Usahawan JomNiaga@NCER



Muhammad Hanif Bin Ibrahim
Penyediaan & Pembuatan Makanan
Bintong, Kangar

Aroma Teh Tarik Menggoda

Pada awalnya beliau hanyalah seorang pengusaha katering secara kecil-kecilan di kampung. Melihat kepada trend kenduri terkini, Encik Muhammad Hanif Bin Ibrahim cuba mencipta sesuatu yang baharu untuk menarik minat orang ramai iaitu menghasilkan teh tarik buatan sendiri yang diberi nama "Lezzet Tea" yang dibotolkan untuk pasaran.

Lezzet Tea juga dipasarkan di beberapa buah pasaran dan kedai tempatan. Beliau menggunakan barangan kit pemula ("starter kit") untuk meningkatkan pengeluaran produksi teh tarik beliau.

Beliau juga mendapat geran pembungkusan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjumlah RM5,000 dengan sokongan daripada pihak NCIA.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM1,500

2 kali ganda selepas menyertai program







Muhammad Soffi Bin Roslan
Penyediaan & Pembuatan Makanan
Kampung Pulau Chengai, Gurun

"From Zero to Hero"

Encik Muhammad Soffi merupakan seorang bapa yang mempunyai 3 orang anak. Beliau sebelum ini bekerja sebagai pembimbing Haji dan Umrah (mutawwif). Namun kesan daripada pandemik COVID-19, beliau tidak dapat menjalankan tugasnya sebagai mutawwif dan telah kehilangan sumber pendapatan.

Setelah seminggu menyertai kelas JomNiaga@NCER, beliau sudah merangka perjalanan beliau dalam perniagaan Nasi Arab Mendy dengan membawakan citarasa asli dari Timur Tengah. Beliau mula menggunakan medium media sosial untuk memperkenalkan Nasi Arab beliau dengan harga promosi sehingga mempunyai ramai pelanggan tetap.

Hasil daripada dua bulan pertama jualannya, beliau dapat membeli motosikal untuk kegunaan menghantar makanan dengan harga RM1,500 dan beberapa peralatan dapur yang berharga RM1,540 secara tunai. Kini, beliau telah mengeluarkan produk terbaru iaitu Pes Nasi Arab Mendy Alharamain, yang mendapat permintaan ramai.


Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM0

>100 kali ganda selepas menyertai program



Testimoni Usahawan JomNiaga@NCER



Mohd Mahathir Bin Rashid
Pembuatan Pastri & Roti
George Town, Pulau Pinang

Tidak Menang Tangan Terima Tempahan

Beliau yang berstatus bapa tunggal telah berhenti kerja sebagai tukang masak di salah sebuah restoran di Pulau Pinang kerana berhasrat untuk memberi tumpuan sepenuhnya terhadap perniagaan sendiri.

Beliau yang sebelum ini hanya menjalankan perniagaan makanan secara kecil-kecilan yang beroperasi dari rumah, kini telah berjaya mempelbagaikan menu masakan dan memperluaskan aktiviti pemasaran secara dalam talian dan e-katalog yang telah dipelajari melalui program JomNiaga@NCER.


Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM700

4.3 kali ganda selepas menyertai program







Mohammad Redzuan Bin Samsuri
Penyediaan & Pembuatan Makanan
Semanggol, Kerian

Nasi Arab Jana Pendapatan Berganda

Program JomNiaga@NCER telah banyak membantu Encik Mohammad Redzuan dari segi bagaimana untuk mengembangkan perniagaan Nasi Arab beliau, terutamanya dalam aspek pemasaran melalui teknik fotografi produk dan pengiklanan di media sosial. Selain itu, beliau turut diberi peralatan yang telah memudahkan proses memasak Nasi Arab.

Jika dahulu pendapatan bulanan beliau hanya mampu mencecah purata RM1,200, kini ia telah meningkat lebih dua kali ganda.

Peningkatan Pendapatan

Sebelum Menyertai Program
RM1,200

2.5 kali ganda selepas menyertai program





PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Testimoni Syarikat JomNiaga@NCER



Al-Haddad Industries (M) Sdn Bhd (Penyediaan & Pembuatan Produk Minuman)

Kangar, Perlis

Memastikan Kemampanan Operasi Perniagaan

"Bagi pemilik perniagaan, antara objektif perlu dicapai dalam tempoh PKP akibat COVID-19 adalah untuk memastikan status perniagaan dapat dikekalkan walaupun operasi perniagaan terganggu. Antara cabaran besar adalah keperluan membayar sewa premis serta memenuhi tanggungjawab mengekalkan pekerja. Dengan Program Subsidi Upah JomNiaga@NCER, syarikat dapat meneruskan pengambilan pekerja baharu."

(Sharifah Munauwarah Binti Syed Alwi, Pengarah Urusan)

Pengambilan Pekerja Komited:	Jenis Industri IKS / Mikro:
2 Orang Pekerja	**Industri Kecil & Sederhana**



Wahyuni Beauty And Muslimah Spa (Perkhidmatan Terapi Spa)

Alor Setar, Kedah

Kelangsungan Operasi Kekal Terjamin

"Alhamdulillah, program ini sangat membantu syarikat saya untuk terus beroperasi dan menjana pendapatan, di samping mewujudkan peluang pekerjaan walaupun sewaktu pandemik COVID-19. Syarikat Wahyuni Beauty and Muslimah Spa turut mempunyai satu lagi cawangan di Perlis.

Saya juga turut diberi peluang dilantik sebagai tenaga pengajar program empowerNCER bagi Kursus Terapi Spa."

(Puan Azrina Ibrahim, Pengurus)

Pengambilan Pekerja Komited:	Jenis Industri IKS / Mikro:
4 Orang Pekerja	**Industri Mikro**



Advance Network Industries Sdn Bhd (Pengeluar Produk Plastik)


Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Mengoptimumkan Operasi Syarikat

"Program JomNiaga@NCER amat membantu syarikat saya untuk mengoptimumkan operasi kami. Melalui insentif yang ditawarkan, syarikat telah berjaya merekrut 30 orang pekerja baharu yang terdiri daripada mereka yang telah diberhentikan dan pekerja baru. Kami turut berasa berbangga kerana berjaya mewujudkan pekerjaan ini sepanjang tempoh PKP. Terima kasih NCIA!"

(Siti Zulaikha Mohamad Zuki, Pengarah)

Pengambilan Pekerja:	Jenis Industri:
30 Orang	**Industri Kecil & Sederhana**



Fresh Mart (Gerik) Sdn Bhd

Gerik, Perak

Perniagaan Terus Berkembang Di Kala Pandemik

"Walaupun pandemik telah mengakibatkan penurunan hasil jualan akibat larangan merentas negeri dan kelewatan stok daripada pembekal, saya telah berjaya membuka cawangan kedua yang juga terletak di Gerik.

Melalui program JomNiaga@NCER, saya juga berjaya menempatkan 24 orang pekerja bagi menampung staf yg berhenti di cawangan pertama, serta untuk pelaksanaan syif dan cawangan baharu."

(Chong Wei Chik, Pemilik)

Pengambilan Pekerja:	Jenis Industri:
24 Orang	**Industri Kecil & Sederhana**

JomKerja@NCER



*JomKerja@NCER bermatlamat membantu rakyat yang kehilangan pekerjaan akibat impak COVID-19 dan menggalakkan pemain industri untuk terus mengambil pekerja dalam era pandemik**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

JomKerja@NCER merupakan sebuah inisiatif yang bertujuan membantu industri menangani impak terhadap ekonomi disebabkan oleh penularan gelombang kedua wabak COVID-19 dan juga para graduan dan pekerja yang terkesan akibat pandemik tersebut.

Ini kerana kebanyakan industri telah mengambil keputusan untuk menangguhkan pengambilan pekerja baharu ketika tempoh yang dipenuhi ketidaktentuan itu. Sumber data dari Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dan Jabatan Statistik Malaysia menganggarkan seramai 468,809 pekerja akan kehilangan pekerjaan disebabkan pandemik COVID-19, dengan Perak dan Kedah mencatatkan kadar peratusan tertinggi.

Dengan adanya insentif ini, ianya dapat menggalakkan pemain industri **mengambil siswazah yang menganggur, pekerja yang dibuang kerja dan individu lepasan sekolah sebagai pekerja kontrak, pekerja sambilan & pelatih** dengan memberi mereka peluang pekerjaan ke arah kualiti hidup yang lebih baik dan **memastikan tenaga kerja mahir** bagi memenuhi keperluan industri yang terkesan akibat wabak COVID-19 di NCER. Pada masa yang sama, ia dapat meringankan beban industri dari segi kos tenaga kerja.

Objektif JomKerja@NCER:


1. Menawarkan insentif modal insan kepada syarikat yang beroperasi di NCER untuk terus mengambil pekerja semasa pandemik COVID-19
2. Meningkatkan peluang pekerjaan dan kualiti hidup pekerja tempatan
3. Memastikan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan memenuhi keperluan industri
4. Meningkatkan taraf hidup serta memberi impak positif kepada sosioekonomi NCER
5. Mengurangkan kos operasi syarikat dan industri (kos gaji dan latihan)

JomKerja@NCER

- Terbuka kepada semua syarikat tempatan dan asing yang melabur di NCER.
- Peserta yang terlibat mestilah warganegara Malaysia dan akan melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat.
- Syarikat-syarikat yang berminat akan diberi subsidi oleh NCIA sehingga RM1,000 atau 50% dari jumlah gaji bagi setiap siswazah untuk tempoh 6 bulan (maksima RM6,000 bagi setiap peserta bagi tempoh 6 bulan).
- Subsidi JomKerja@NCER bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengambil graduan baharu dan memberi latihan yang mencukupi sebagai ganti pengambilan pekerja asing yang berpengalaman.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pencapaian JomKerja@NCER Setakat 31 Disember 2020




Negeri	Daerah	Bil. Syarikat
Perlis	Perlis	5
Kedah	Baling	1
	Kulim	2
	Langkawi	2
	Kuala Muda	14
Pulau Pinang	SPU	1
	SPT	12
	SPS	10
	Timur Laut	10
	Barat Daya	32
Perak	Hilir Perak	1
	Hulu Perak	1
	Kinta	5
	Larut Matang & Selama	1
	Manjung	5
	Muallim	3

Pembuatan	52	3,937 (82%)
Ekonomi Digital	14	284 (6%)
AgriBio	17	353 (7%)
Pelancongan	15	189 (4%)
Logistik	7	52 (1%)


Nilai Pelaburan

Negeri-negeri	Melalui JomKerja@NCER	Melalui NTEP, NTAX & DUB
Syarikat	64	41
Nilai Pelaburan	RM1.7 bil.	RM4.7 bil.
Pewujudan Pekerjaan	49,707	46,772

Nilai Pelaburan (JomKerja@NCER)



Nilai Pelaburan (NTEP, NTAX & DUB)



Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak **105 syarikat** yang terdiri daripada 19 syarikat di Kedah, 16 syarikat di Perak dan 5 syarikat di Perlis telah mengambil bahagian dalam JomKerja@NCER. Daripada jumlah berkenaan, **92 syarikat adalah syarikat tempatan** manakala 13 lagi adalah syarikat dari negara asing. Melalui syarikat-syarikat tersebut, sebanyak **4,815 peluang pekerjaan** ditawarkan untuk graduan menerusi JomKerja@NCER dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM21 juta**.

JomKerja@NCER Testimoni



Puan Hanizah Bt Abdullah
Royal Perak Golf Club
Kinta, Perak

"Jom Kerja@NCER telah meletakkan Royal Perak Golf Club dalam kedudukan kukuh untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan penganggur dan mereka yang diberhentikan kerja. Melalui program tersebut, kami berupaya menempatkan mereka di pelbagai seksyen di kelab golf kami."

"Meminimumkan kos overhed, memaksimumkan kakitangan"

Bilangan Peserta JomKerja@NCER diluluskan:	50
Penciptaan Pekerjaan:	70



Azami bin Hamdani
Pengurus, Simfoni Suites and Apartment Services
Langkawi, Kedah

"Impak pasca COVID-19 telah memberikan kesan kepada industri perhotelan dan ramai yang mengalami kemorosotan dalam perniagaan mereka. Justeru, banyak perniagaan yang terpaksa menghentikan operasi dan menjual aset mereka. Inisiatif ini telah membantu menampung separuh daripada kos operasi kami."

"Sinar Harapan Buat Mereka Yang Terjejas Dalam Industri Pelancongan"

Bilangan Peserta JomKerja@NCER diluluskan:	11
Penciptaan Pekerjaan:	60
Nilai Pelaburan:	RM900,000



Ms Nur Izzaty Binti Mohamad Fauzi
Peserta JomKerja@NCER FigDirect Sdn Bhd
Chuping, Perlis

"Melalui progam ini saya telah berjaya mendapatkan pekerjaan yang berkaitan bidang pengajian saya. program ini sememangnya menjadi salah satu platform yang membantu para graduan yang baru menamatkan pengajian untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka."

"Bersyukur mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang yang dipelajari"

Bilangan Peserta JomKerja@NCER diluluskan:	10
Penciptaan Pekerjaan:	30
Nilai Pelaburan:	RM8.2 juta



Encik Nigel Fisher
Pengurus Besar Angsana Teluk Bahan
Teluk Bahang, Pulau Pinang

"Program seperti ini adalah sangat berharga. Ia memberi peluang yang tidak mungkin diperoleh sebelum ini. Kira-kira 12 orang kini telah diambil bekerja, yang mana sebelum ini mereka mungkin tidak mendapat pekerjaan. Inisiatif sebegini sememangnya amat positif, yang mana ia membantu semua pihak dan merupakan sumber yang bermanfaat."

"Cahaya di Penghujung Terowong Bagi Mereka Yang Terjejas Dari Industri Perhotelan"

Bilangan Peserta JomKerja@NCER diluluskan:	12
Penciptaan Pekerjaan:	365
Nilai Pelaburan:	RM55.08 juta

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

JOMNIAGA@NCER: RANCANGAN MASA HADAPAN

Permohonan Peruntukan bagi 2021
RM5 juta

JomNiaga@NCER menyediakan latihan kemahiran keusahawanan dan e-dagang untuk menempatkan kumpulan sasaran ke dalam keupayaan produktif bagi memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dan meningkatkan status sosioekonomi mereka sewaktu penularan wabak COVID-19

Memperkasakan lagi penggunaan platform digital (Shopee, Lazada, Facebook, Instagram, dll.) bagi memperluaskan pasaran produk peserta dan meningkatkan pendapatan mereka

Perancangan

1. Individu/Usahawan

Program latihan jangka pendek yang memberi penekanan kepada bimbingan dan pemantauan bagi kestabilan dan kelestarian untuk menjana pendapatan. Setelah tamat latihan, peserta akan dibekalkan dengan kit permulaan perniagaan bagi tujuan menjana dan meningkatkan pendapatan.

2. Sokongan kepada PKS dan Ushawan Mikro

Pemberian subsidi berjumlah RM600 bagi setiap pekerja selama 6 bulan kepada syarikat PKS dan usahawan mikro yang menawarkan pekejaan kepada individu selama 12 bulan. Ini bertujuan untuk membantu syarikat mengekalkan perniagaan mereka serta dapat mencipta peluang pekerjaan.

Sasaran 2021

Penerima manfaat di kalangan Belia, Wanita, Golongan B40, Graduan Menganggur dan Pekerja yang diberhentikan	Jumlah Penempatan Pekerjaan oleh PKS dan Perusahaan Mikro	Penyertaan Belia	Penyertaan Wanita
1,000	500	70%	60%

PROSPEK PROGRAM-PROGRAM MODAL INSAN

Sementara itu, program **empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** akan diteruskan pelaksanaannya di **19 daerah** di Pulau Pinang, Perak dan Kedah dengan **penglibatan 6,000 peserta** dari Ogos 2020 hingga Ogos 2023. Program ini akan menerapkan latihan dalam talian, dengan penekanan terhadap penggunaan platform pemasaran dalam talian dan e-dagang. Pendekatan pembangunan yang khusus berdasarkan setiap kategori peserta akan diamalkan untuk memastikan pertumbuhan perniagaan dan kemampanan pendapatan mereka. Di samping itu, pemasaran produk dan perkhidmatan peserta akan diperluaskan melalui rangkaian dan kolaborasi dengan sektor swasta dan agensi-agensi tempatan.



Program empowerNCER-Kemahiran dan Keusahawanan akan terus dilaksanakan bagi memperkasakan rakyat dan meningkatkan pendapatan mereka

BIMBINGAN YANG BERTERUSAN UNTUK PARA PESERTA SEPANJANG TEMPOH PKP



BIMBINGAN berterusan membantu peserta untuk kekal FOKUS dan menyediakan rancangan perniagaan untuk memastikan KEMAMPANAN

Program **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)** di Kedah akan terus dipantau bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi para penerima bantuan dan tanggungan mereka melalui integrasi dengan program-program modal insan NCIA yang lain seperti **empowerNCER** (Kemahiran dan Keusahawanan serta Akademik) dan **JomNiaga@NCER**.

Berdasarkan kejayaan KIDA, program Kasih Ibu NCER **akan dilaksanakan di Perlis dan Perak** pada bulan Julai 2021. Menjelang Disember 2021, Kasih Ibu Perlis dijangka akan memberi manfaat kepada 3.600 penerima manakala Kasih Ibu Darul Ridzuan di Perak akan memberi manfaat kepada 5,000 penerima, termasuk dari kalangan masyarakat Orang Asli.

Program **entrepreneurNCER** juga akan diteruskan pada 2021 untuk terus membantu usahawan mikro dan PKS di NCER melalui pembiayaan dan bimbingan untuk mengembangkan dan mengekalkan perniagaan masing-masing, terutamanya mereka yang terkesan akibat COVID-19.

NCIA menyasarkan kira-kira **5,000 usahawan** untuk menyertai program ini pada tahun 2021, di mana tumpuan akan diberikan terhadap menangani cabaran kewangan yang dihadapi oleh para usahawan mikro dan PKS dalam era pasca COVID-19 pasca wabak dan strategi untuk mencapai tahap yang lebih tinggi di kalangan usahawan terbabit.

Sehubungan itu, strategi program **entrepreneurNCER** pada tahun 2021 adalah termasuk memperkembangkan program melalui **sinergi bersama SIRIM Berhad** dan **institusi** kewangan yang lain serta membantu usahawan secara berterusan untuk mengakses pasaran-pasaran baharu melalui platform e-dagang dan acara perdagangan maya di peringkat domestik dan antarabangsa.

JomNiaga@NCER akan terus dilaksanakan bagi membantu menangani golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 seperti kumpulan B40, pekerja yang diberhentikan, siswazah menganggur, dan lain-lain untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan atau mendapatkan pekerjaan.

Pada tahun 2021 juga, program ini akan terus memberikan bimbingan kepada para peserta yang menyertai program ini pada 2020, di samping memastikan **keberkesanan kit permulaan perniagaan** bagi membantu mereka menjana pendapatan. Manakala **subsidi upah** juga akan diperluaskan kepada lebih ramai usahawan mikro dan PKS bagi membantu mereka mengekalkan warga kerja mereka, di samping mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan penduduk setempat.

Laporan Kemajuan

Projek Dan Program Di NCER

PEMBUATAN

- Chuping Valley Industrial Area (CVIA)
- Kedah Rubber City (KRC)
- SilverValley Technology Park (SVTP)
- Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM)
- Kedah Science & Technology Park (KSTP)

PERNIAGAAN TANI

- NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ)
- Haiwan Ternakan
- Pusat Biji Benih
- Tanaman Kontan
- Akuakultur
- Superfruits

PETROKIMIA

- Kedah Eco Innovation Park (KEIP)

PELANCONGAN

- Pelancongan Warisan Ipoh
- Pelancongan Arkeo
- Pulau Bebas Cukai Pangkor

LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN

- Perlis Inland Port (PIP)
- Penaiktarafan Pelabuhan Pulau Pinang
- Pembinaan Terminal Kargo Pukal Baharu di Pelabuhan Lumut, Perak
- Northern Corridor Highway (NCH)

EKONOMI DIGITAL

- Kedah Digital Library (KDL)

Antara projek dan program strategik yang sedang dilaksanakan di NCER bagi menjayakan agenda pembangunan sosioekonomi wilayah ini.

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Pada tahun 2020, perancangan dan pelaksanaan projek-projek strategik dan berimpak tinggi di NCER terus giat berjalan dalam suasana norma baharu. Antara projek-projek fizikal yang dilaksanakan pada 2020 ialah kerja-kerja fizikal di Kedah Rubber City (KRC), Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Kedah Digital Library dan Kangar Sentral.

NCIA juga sedang menyediakan rangka kerja dan pelan pelaksanaan bagi projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) antaranya Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), Kedah Science and Technology Park (KSTP), NCER Technology Innovation Centre (NTIC), Northern Corridor Highway (NCH), SilverValley Technology Park (SVTP), pembangunan di Pulau Bunting, Pulau Bebas Cukai Pangkor, Perlis Inland Port (PIP) dan Pusat Ekonomi dan Komuniti Bersepadu atau Integrated Economic & Community Centre (iCON) di Yan dan Baling di Kedah.

SEKTOR PEMBUATAN

Pada tahun 2020, NCIA terus giat membangunkan projek-projek taman perindustrian bersepadu yang sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan, yang mana taman-taman tersebut bakal memacu pertumbuhan sektor pembuatan di Wilayah ini.

Chuping Valley Industrial Area (CVIA) - Perlis



Pelan susun atur CVIA



Penyediaan platform seluas 60 ekar bagi "sectional completion" Fasa 1

Pemangkin Transformasi Ekonomi Negeri Perlis

Chuping Valley Industrial Area (CVIA) bakal mentransformasi Perlis menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. CVIA menyasarkan pelabur dalam pelbagai kluster yang merangkumi penjanaan tenaga boleh diperbaharui, industri pembuatan hijau (automotif, bahan binaan, elektrik dan elektronik) dan industri pembuatan halal (farmaseutikal, nutraseutikal, makanan dan minuman).

Projek ini bakal mempunyai keluasan sekitar 2,500 ekar secara keseluruhannya, yang mana Fasa 1 CVIA seluas lebih dari 440 ekar kini sedang dalam proses kerja tanah bagi penyediaan platform dan dijadualkan siap pada suku kedua 2022.

Kluster Fokus


- Industri Halal
- Pembuatan Hijau
- Tenaga Boleh Diperbaharui

Impak Berpotensi

Pelaburan Swasta
RM4.5 bil.

Peluang Pekerjaan
12,000

Kedah Rubber City (KRC) - Kedah



Pelan Pembangunan KRC

Peneraju Pembangunan Industri Getah Negara dan Hab Industri Getah Bernilai Tinggi ASEAN

Kedah Rubber City (KRC) merupakan sebuah projek kebangsaan yang terletak di Mukim Padang Terap Kiri, berdekatan dengan Stesen Penyelidikan Lembaga Getah Malaysia (LGM). KRC juga merupakan Taman Perindustrian Getah khusus yang pertama di Kedah, dan diposisikan sebagai hab industri getah bernilai tinggi serantau di ASEAN.

Ia bakal memberi tumpuan kepada aktiviti getah hiliran dengan memanfaatkan kekayaan bekalan getah mentah di Malaysia dan Thailand, sekaligus membangunkan ekosistem yang lengkap bagi industri tersebut.

Kerja-kerja infrastruktur bagi Fasa 1 KRC telah bermula pada 2 Disember 2019 dan dijadualkan siap pada Mac 2022. Walau bagaimanapun, penyiapan seksyen ("sectional completion") di kawasan seluas 60 ekar dijangka akan disiapkan pada Januari 2021 bagi menerima kemasukan pelabur yang berminat untuk melabur di KRC.

Impak Berpotensi


Pelaburan Swasta
RM10 bil.

Peluang Pekerjaan
14,500

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

SEKTOR PEMBUATAN

SilverValley Technology Park (SVTP) - Perak





SVTP bakal memacu pertumbuhan sektor pembuatan bernilai tinggi dan ekonomi digital di NCER

Pemangkin Pertumbuhan Pembuatan Bernilai Tinggi dan Ekonomi Digital

SilverValley Technology Park (SVTP) dengan keluasan 2,900 ekar yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Perak merupakan Taman Perindustrian Teknologi Digital yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara. Ia direka untuk menjadi sebuah projek yang berteraskan insan dan mesra alam sekitar, sekaligus meningkatkan daya tarikan bandaraya Ipoh dalam kalangan tenaga kerja berkemahiran. Komponen komponen taman industri ini merangkumi sektor Elektrikal & Elektronik, Teknologi Pertanian Pintar, Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (UAS), Peranti Perubatan, Ekonomi Digital serta Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS).

Pelan induk dan pelan pelaksanaan SVTP telah siap dan kerja-kerja infrastruktur dijangka akan dimulakan pada suku keempat 2021.

Sektor Fokus SVTP

- Elektrik & Elektronik
- Teknologi Perubatan & Farmaseutikal
- Pertanian Pintar
- Sistem Pesawat Tanpa Pengendali (UAS)
- Ekonomi Digital

Impak Berpotensi

Pelaburan Swasta
RM14 bil.

Peluang Pekerjaan
13,000

Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub (SLAM) - Kedah



SLAM bakal menjadi hab bagi sektror Logistik, Aeroangkasa dan Pembuatan

Pemacu Pertumbuhan Industri Logistik, Aeroangkasa dan Pembuatan

Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub (SLAM) dengan keluasan 1,300 ekar terletak di Sidam Kiri, Kuala Muda, Kedah. SLAM yang akan dibina bersebelahan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) berperanan untuk menyokong sektor-sektor utama iaitu sektor Logistik, Aeroangkasa dan Pembuatan. Ia direka untuk menjadi sebuah projek yang berteraskan insan dan dengan fokus untuk memajukan sektor Elektrik dan Elektronik ke sektor Avionik dan Aeroangkasa, sekaligus meningkatkan daya tarikan bandar Kulim di kalangan tenaga kerja berkemahiran.



Pelan Pembangunan SLAM Hub mengikut gambaran juruperunding

Kajian kebolehlaksanaan & pelan pelaksanaan pembangunan SLAM telah dimuktamadkan oleh juruperunding Strand Aerospace Malaysia pada 9 Oktober 2020. Kini, SLAM sedang dalam proses pengambilan tanah dan kerja-kerja awalan bagi tujuan perancangan dan pembinaan SLAM dijadualkan akan berlangsung pada suku kedua 2022.

Kluster Fokus

- E&E
- Pembuatan
- Logistik
- Aeroangkasa

Impak Berpotensi


Pelaburan Swasta
RM18.1 bil.

Peluang Pekerjaan
24,951

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

SEKTOR PEMBUATAN

Kedah Science & Technology Park (KSTP) - Kedah



Pelan Induk KSTP mengikut gambaran juruperunding



KSTP bakal memfokuskan kepada sektor berkaitan sains dan teknologi

Pusat Penyelidikan Global dan Taman Perindustrian Moden untuk Aktviti Bernilai Tinggi

Kedah Science & Technology Park (KSTP) yang terletak di Bukit Kayu Hitam, Kedah disasarkan untuk menjadi pusat penyelidikan global yang berperanan untuk memajukan sektor-sektor utama iaitu sektor Agro Makanan, Bahan Lanjutan ("Advanced Material"), Bioteknologi, Produk Kimia dan Teknologi Nano. Ia direka untuk menjadi sebuah projek yang berteraskan penyelidikan dengan tumpuan untuk menyokong matlamat negara dari segi agenda keselamatan makanan dan teknologi tinggi, sekaligus meningkatkan daya tarikan Bukit Kayu Hitam di kalangan tenaga kerja mahir.

Kini, kajian semula pelan induk pembangunan KSTP sedang dijalankan oleh juruperunding pembangunan projek rekarancang. Kerja-kerja awalan bagi tujuan pembinaan KSTP dijadualkan akan berlangsung pada suku kedua 2022.

Kluster Fokus

Kluster 1:
Bahan Termaju

Kluster 2:
Sains Agro/ Tenusu

Kluster 3:
Teknologi Hijau

Kluster 4:
Industri Sokongan

Impak Berpotensi

Pelaburan Swasta
RM12.9 bil.

Peluang Pekerjaan
23,244

PERNIAGAAN TANI

Perniagaan tani terus menjadi salah satu sektor penting di NCER dan merupakan antara penyumbang ekonomi terbesar di wilayah ini. NCER memiliki **ekosistem perniagaan yang kondusif** untuk pembangunan sektor perniagaan tani dan industri bio, yang disokong oleh **insentif-insentif pelaburan** yang menarik serta pendekatan rantaian **bekalan hujung-ke-hujung** yang memudahkan operasi perniagaan di wilayah ini.

Pada tahun 2020 sahaja, sektor Pertanian wilayah ini menyumbang sehingga **RM101.5 bilion** atau **7.1 peratus** daripada **KDNK pertanian negara**.

Kini, NCER semakin beralih arah daripada aktiviti pertanian tradisional kepada aktiviti **perladangan moden bernilai tinggi** dan menggunakan **teknologi canggih** seperti **Pertanian Pintar** ("Smart Farming"). Pertanian pintar telah dikenal pasti sebagai tulang belakang untuk mempertingkatkan industri pertanian di NCER dalam rantaian bekalan dengan penerapan **Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).**

NCIA juga menggunapakai Model Syarikat Peneraju atau "Anchor Company Model" bagi pelaksanaan cadangan projek-projek perniagaan tani di NCER, yang mana syarikat induk tersebut bertindak sebagai ladang nukleus yang menyediakan latihan teknikal kepada ladang-ladang satelit, sekaligus menambah baik proses pengeluaran dan menggunakan input strategik untuk meningkatkan aktiviti perladangan dalam rantaian nilai. Ini dapat menggalakkan pertumbuhan industri yang berdaya saing dan mapan, merapatkan jurang dalam rantaian nilai dan melahirkan para petani yang berpendapatan tinggi.



*Antara superfruits yang dihasilkan di Superfruits Valley, Perlis**

*(*Gambar diambil ketika negeri Perlis merupakan "zon hijau" COVID-19)*

Sektor ini juga tidak terkecuali daripada menerima impak COVID-19, antaranya, masalah kekurangan tenaga kerja yang mana kebanyakannya adalah dari kalangan warga asing. Sewaktu wabak tersebut melanda, sebanyak 19 peratus pekerja telah diberhentikan lantas memberikan cabaran kepada industri untuk terus mengekalkan produktiviti di kala permintaan kian meningkat.

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

NCER AgriBio Economic Zone - NAEZ (Zon Ekonomi AgriBio NCER)



NAEZ akan merangsang lebih banyak aktiviti keusahawanan dan inovasi di sepanjang rantaian nilai sektor pertanian

Pada 16 November 2020, YAB Perdana Menteri telah mencadangkan agar setiap negeri NCER membangunkan zon pembangunan pertanian khas masing-masing yang turut merangkumi zon khas untuk akuakultur.

Sehubungan itu, NCIA sedang melaksanakan kajian mengenai penubuhan Zon Ekonomi AgriBio NCER atau NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ) bagi merealisasikan cadangan tersebut. Kajian berkenaan akan membantu dalam perangkaan hala tuju NAEZ dan insentif-insentif untuk menarik pelabur agar menceburi sektor pertanian. Berdasarkan kajian penanda aras ("benchmarking") dari zon-zon ekonomi pertanian antarabangsa seperti China, Belanda, Indonesia, Singapura dan India, empat prinsip penubuhan NAEZ telah digariskan untuk zon-zon pertanian yang bakal dimajukan iaitu:

1. Memfokuskan peningkatan aktiviti ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan inovasi teknologi bagi menjamin keselamatan makanan
2. Memberi insentif yang bersesuaian kepada pelaburan swasta yang bernilai tinggi melangkaui segenap rantaian nilai makanan
3. Memberi fokus kepada tanaman yang berpotensi sebagai pemangkin kepada aktiviti ekonomi hiliran
4. Membangunkan hab-hab pertanian huluan berskala besar, hab-hab pemprosesan pertanian hiliran yang bernilai tinggi dan hab-hab R&D di luar NAEZ yang menyokong pertumbuhan NAEZ

Sokongan-sokongan pembangunan ekosistem ini dirangka bagi penambahbaikan industri-industri yang diketengahkan di dalam NAEZ iaitu padi, kelapa, akuakultur, ekosistem jagung bijian-tenusu-daging, superfruits dan hab aktiviti hiliran. Bagi industri padi, penambahbaikan EMM 2.0 adalah dirancang dengan mensasarkan pengurusan ladang padi secara moden berskala besar melalui konsolidasi tanah, sebagai pemangkin kepada pengembangan aktiviti hiliran produk padi. Penukaran penanaman kelapa sawit kepada kelapa telah dikenal pasti sebagai satu strategi bagi mengurangkan kebergantungan import kelapa, manakala pelaburan strategik turut disasarkan bagi meningkatkan daya saing pengeluaran akuakultur serantau.

Strategi bagi menarik pelaburan industri tenusu juga dirancang melalui pemantapan ekosistem integrasi jagung bijian, tenusu dan daging melalui promosi dan rundingan kolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Dua kawasan perintis NAEZ telah dikenal pasti yang meliputi kawasan:

1. **Chuping-Bukit Kayu Hitam Agribelt** yang merangkumi keseluruhan negeri Perlis dan daerah Kubang Pasu di Kedah; dan juga
2. **Transkrian Smart Agrihub** yang meliputi kawasan Kerian, Perak, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan Bandar Baru, Kedah.

NAEZ ialah sebuah **zon ekonomi khusus untuk perniagaan tani** di NCER, yang **menggabungkan aktiviti huluan dan hiliran** untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan keselamatan makanan.

KOMPONEN NAEZ

Integrasi seluruh rantaian bekalan bagi aktiviti-aktiviti berkaitan pertanian, termasuk teknologi, inovasi dan R&D, dalam sebuah zon khusus:

- Tenaga hijau
- Kawasan penghasilan biji benih
- Kawasan pertanian komersial
- Kawasan penuaian/ pemprosesan
- Kawasan pengeluaran/ hiliran
- Kawasan pengedaran
- Kawasan perkhidmatan sokongan, contohnya, R&D

Rangka Kerja Pembangunan NAEZ

Rangka kerja pembangunan NAEZ adalah berasaskan hala tuju yang dijelaskan dalam Pelan Pembangunan Strategik (SDP) NCER serta prinsip-prinsip Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang berlandaskan tiga tunjang kelestarian utama iaitu Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar.

Pelan Strategik Pembangunan NCER 2021-2025	**Pertumbuhan dengan Ekuiti Desentralisasi Tertumpu**	Wawasan dan dasar wilayah di bawah SDP NCER
Prinsip Dasar Agromakanan Negara 2.0	Industri yang Kompetitif & Inovatif Kesejahteraan Pengeluar Makanan & Keterangkuman dalam Pembangunan Industri Sistem Makanan yang Mampan, Disesuaikan terhadap Perubahan Iklim	Hala tuju masa hadapan MAFI untuk pembangunan pertanian
Objektif NAEZ	Memangkin Pertumbuhan Ekonomi Menggalakkan Keusahawanan & Inovasi Mendorong Pewujudan Pekerjaan Mengurangkan Kebergantungan kepada Import Makanan	Apabila pencapaian keempat-empat objektif ini berjaya dibuktikan, model NAEZ boleh diperluaskan ke lokasi-lokasi lain di NCER dan Malaysia
Pengupaya NAEZ	Akses kepada Tanah Pembangunan Ekosistem Infrastruktur Kemahiran & Bakat Insentif	
Pelaksanaan Rintis	**Transkrian Smart Agrihub** • Padi • Kelapa • Akuakultur • Durian • Hab Hiliran **Chuping-Bukit Kayu Hitam Agribelt** • Padi • Tenusu • Jagung • Harumanis	Dua lokasi rintis, iaitu Transkrian dan Chuping, masing-masing memiliki saranan nilai yang tersendiri namun saling melengkapi

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Padi



Penerapan model EMM2.0 akan mempertingkatkan lagi hasil pengeluaran padi di NCER

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*



*Para petani yang terlibat dalam inisiatif EMM lebih terbuka untuk mengamalkan teknologi moden seperti penggunaan dron dalam aktviti pertanian padi**

Pelaksanaan penanaman padi secara moden melalui **Model Pengurusan Estet atau Estate Management Model (EMM)** telah mula diperkenalkan di NCER sejak 2011. Peringkat permulaan melibatkan kawasan seluas 2,000 hektar, dengan penyertaan kira-kira 1,000 petani di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Kejayaan pelaksanaan EMM telah membolehkan model tersebut diperluaskan ke lebih banyak kawasan penanaman padi, supaya lebih ramai golongan petani mendapat manfaat.

Setakat 31 Disember 2020, EMM telah dilaksanakan di hampir 5,000 hektar kawasan padi di **Kedah, Pulau Pinang dan Perak**, serta di kawasan-kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Pelaksanaannya telah memberi manfaat kepada lebih **2,400 petani** yang juga lebih bersedia menggunakan teknologi pertanian moden. Mereka kini menikmati peningkatan hasil padi sehingga **7 tan metrik/ hektar** berbanding 3 tan metrik/hektar sebelum ini, serta peningkatan pendapatan sehingga RM4,500 bagi setiap petani untuk setiap musim.

EMM di Kerian, Perak, misalnya, telah siap disempurnakan pada September 2020 di kawasan seluas 1,302 hektar dengan penyertaan 888 orang petani. Dalam masa 2 tahun sahaja, purata hasil padi di lokasi tersebut telah meningkat sebanyak 36% kepada 4.6 tan metrik/hektar.

Pusat R&D Biji Benih



Pusat R&D biji benih Enza Zaden yang serba moden di Sauk, Perak



Kepakaran Enza Zaden dalam bidang penghasilan biji benih akan memberi manfaat kepada industri pertanian negara

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan biji benih secara komersial adalah amat penting dalam usaha memodenkan aktiviti pertanian di NCER. Melalui penggunaan teknologi pembiakan terkini serta biologi molekul, para penyelidik dapat menghasilkan biji benih yang lebih berkualiti dengan jangka hayat yang lebih lama, serta kalis serangan serangga perosak dan pengaruh alam sekitar.

NCER telah berjaya menarik satu lagi pelaburan **tambahan baharu** oleh sebuah syarikat pengeluar biji benih, iaitu Green World Genetics Sdn Bhd, yang merupakan syarikat pengeluar biji benih yang pertama di Malaysia. Pelaburan tambahan bernilai **RM15 juta** tersebut dijangka akan menjana 200 peluang pekerjaan untuk rakyat.

NCIA juga telah menarik minat syarikat pengeluar benih sayuran bertaraf antarabangsa daripada Belanda iaitu Enza Zaden untuk melabur di Sauk, Perak. Berdasarkan lokasi yang strategik serta cuaca yang sesuai, Enza Zaden telah membangunkan sebuah Pusat R&D yang moden di Sauk, Perak di mana ianya disasarkan bakal menjadi tempat rujukan antarabangsa untuk benih sayuran yang terdapat di Asia.

Akuakultur



Program Pembangunan Induk dan Penternakan Abalone NCER di Segari, Perak



Penghasilan abalone di bawah inisiatif akuakultur NCER dapat menyokong pengeluaran makanan negara secara lestari

Aktiviti akuakultur di NCER memastikan pengeluaran akuakultur yang mapan dan produktiviti pesisiran pantai yang lebih tinggi. Pembangunan akuakultur di NCER akan membantu meningkatkan pengeluaran makanan secara mapan, yang seterusnya akan mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada makanan import. Ia juga dapat meningkatkan kedudukan industri Halal dalam rantaian nilai sektor pertanian.

NCIA telah menjalinkan sebuah kerjasama dengan syarikat peneraju SE Aquatech Sdn Bhd dalam membangunkan **Program Pembangunan Induk dan Penternakan Abalone** di NCER sejak tahun 2016. Sehingga penghujung.2020, syarikat peneraju telah berjaya menghasilkan 3.7 juta benih abalone serta melatih 3 orang peladang dalam aspek sinergi khusus dalam bidang penternakan abalone. Syarikat tersebut sedang dalam usaha mengenalpasti 7 lagi orang warga tempatan untuk dilatih sebagai peladang sinergi. Syarikat juga sedang membangunkan ladang intergrasi penternakan udang dan abalone dalam usaha untuk memaksimakan penggunaan kapasiti ladang yang terletak di Segari, Manjung, Perak.

Superfruits



*Penghasilan "superfruits" menjanjikan pulangan yang lebih lumayan kepada pengeluar hasil pertanian**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*



*Buah "gac" merupakan salah satu superfruits yang dihasilkan di Superfruits Valley di Chuping, Perlis**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Superfruits merupakan buah-buahan yang mengandungi nutrien dan tahap anti-oksidan yang tinggi, serta biasanya dijual pada harga premium di pasaran. Hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan dan meneroka pasaran baharu tanaman bernilai tinggi telah pun membuahkan hasil, apabila projek Superfruits Valley di Perlis siap sepenuhnya pada penghujung 2020. Buah-buahan superfruits seperti buah tin, gac, lemon dan markisa yang dahulunya asing di kalangan masyarakat tempatan telah mula mendapat tempat, bahkan dijual di pasaraya eksklusif seperti Qra dan Village Grocer.

Fokus turut diberikan kepada penghasilan produk-produk nilai tambah yang berkualiti tinggi seperti produk nutraseutikal, kosmetik dan sebagainya. Inisiatif ini dilaksanakan melalui model perniagaan **Syarikat Peneraju** yang akan melahirkan lebih ramai peladang satelit di NCER. Selain mewujudkan peluang pekerjaan dan kelompok usahawan tani, projek Superfruits Valley ini turut menjadi ikon baharu di negeri Perlis.

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

SEKTOR PETROKIMIA

Petrokimia telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor utama baharu di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), yang akan memanfaatkan **bekalan stok suapan gas asli** di wilayah ini. Industri ini berupaya mewujudkan produk-produk hiliran untuk dibekalkan kepada lain-lain industri seperti **pembuatan** yang meliputi **automotif, elektronik, tekstil, farmaseutikal** dan lain-lain.

Buat masa ini, sektor petrokimia NCER tertumpu di **Gurun (Kedah) dan Prai (Pulau Pinang)**. Pembangunan sektor ini akan dipacu oleh **Kedah Eco Innovation Park** di Gurun, yang memfokuskan kepada **bahan kimia khusus** dan **aktiviti hiliran**.

Kedah Eco Innovation Park (KEIP)



Ilustrasi KEIP mengikut gambaran artis



Pelan Induk KEIP

Taman Perindustrian Berfokuskan Bahan Kimia dan Bioplastik Berasaskan Hasil Tani

Pembangunan taman perindustrian baharu Kedah Eco-Innovation Park (KEIP) telah dirancang di kawasan seluas 469 ekar di Gurun. Pembangunan KEIP adalah berpandukan prinsip inovasi, kelestarian dan sinergi, serta turut mengambil kira aspek-aspek kelestarian seperti impak terhadap alam sekitar, sosial dan ekonomi. KEIP akan memfokuskan kepada produk-produk untuk industri pertanian, antaranya, baja khusus, protein sel tunggal dan bioplastik.

Setakat Disember 2020, NCIA telah menyiapkan kajian kebolehlaksanaan projek ini. Melalui kajian tersebut, beberapa aspek telah diteliti oleh pihak perunding terutama dari segi daya maju projek, pelan induk bagi projek KEIP dan insentif cukai yang akan ditawarkan kepada pelabur yang berminat melabur di KEIP.

Cadangan produk

- *Baja khusus (Metilamina/ DAP/MAP)*
- *Protein sel tunggal (untuk kegunaan makanan ikan)*
- Bioplastik

Impak Berpotensi

Pelaburan Swasta
RM2.1 bil.

Peluang Pekerjaan
4,500

PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan di NCER terdiri daripada beberapa sub-kluster yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan**, serta **Ekonomi Digital**. Setiap sub-kluster ini memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi wilayah, dengan memanfaatkan warisan semula jadi dan sejarah di negeri-negeri NCER, rangkaian infrastruktur dan logistik yang baik dan cekap, serta ekosistem mesra pelaburan yang sedia wujud di wilayah ini.



Pelancong domestik dijangka akan memacu pemulihan semula sektor pelancongan di NCER dalam era pasca COVID-19, khususnya dengan pelaksanaan inisiatif vaksinasi peringkat kebangsaan serta pewujudan gelembung perjalanan

Pelancongan

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi utama di NCER, yang dikurniai dengan kekayaan aset-aset pelancongan semulajadi seperti hutan hujan tropika yang tertua di dunia, pulau-pulau yang indah, serta warisan sejarah, arkeologi dan budaya. Wilayah ini turut memiliki beberapa tapak Warisan Dunia UNESCO, antaranya George Town yang merupakan salah satu daripada **Bandaraya Bersejarah Selat Melaka UNESCO, Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong, serta Langkawi UNESCO Global Geopark**.

NCER juga menawarkan pulau-pulau yang memiliki kelebihan tersendiri seperti **Pulau Pinang** terkenal dengan warisan sejarah dan makanan tempatan yang unik, serta **Langkawi** dan **Pangkor** yang dikenali dengan keindahan pantai masing-masing dan status sebagai **pulau bebas cukai**. Ia juga mempunyai tarikan-tarikan pelancongan arkeologi yang unik seperti **Sungai Batu di Lembah Bujang**, yang merupakan tapak peradaban manusia yang tertua di Asia Tenggara yang telah wujud seawal tahun 788 SM serta **Guar Kepah di Kepala Batas**, di mana rangka manusia zaman neolitik yang dianggarkan berusia 5,000 tahun dan dikenali sebagai "Penang Woman" telah dijumpai. Selain itu, tarikan pelancongan eko seperti **Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor (BTTR)** di Perak yang dianggarkan berusia 130 juta tahun turut terkenal dengan keindahan alam semulajadinya.



Klim Geoforest Park di Pulau Langkawi, Kedah

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) telah mengenal pasti beberapa kategori utama produk pelancongan yang unik di NCER iaitu ekopelancongan, geopelancongan, arkeopelancongan, pelancongan warisan serta pelancongan nic yang perlu dikembangkan untuk mencipta aktiviti ekonomi baharu buat komuniti setempat. Produk pelancongan di seluruh NCER akan dihubungkan melalui strategi merentas sempadan untuk menawarkan pengalaman yang lebih komprehensif dan bermakna untuk pengunjung.

Impak COVID-19 Terhadap Sektor Pelancongan NCER

Sektor pelancongan di NCER merupakan **sektor yang paling terkesan** akibat **pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang diumumkan oleh Kerajaan berkuatkuasa 18 Mac 2020. Ketiadaan pelancong dan pengunjung akibat **PKP dan penutupan sempadan antarabangsa** telah menjejaskan aktiviti pelancongan di destinasi-destinasi popular terutamanya di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Pulau Pinang yang sememangnya bergantung kepada kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara.

Statistik daripada Tourism Malaysia menunjukkan kesan Covid-19 telah menyebabkan **penurunan pendapatan pelancongan** berjumlah hampir **RM73 bilion** pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Selain itu, sektor pelancongan dijangka menghadapi bilangan tertinggi pemberhentian pekerja dan kehilangan peluang pekerjaan berbanding dengan sektor utama lain di NCER, dengan anggaran pemberhentian 82,100 pekerja dan kehilangan 3,590 peluang pekerjaan.

Sehubungan itu, NCIA telah bertindak pantas dalam membantu pemain-pemain industri pelancongan di NCER dengan mengadakan sesi libat urus bersama pemegang-pemegang taruh, serta membantu syarikat-syarikat yang terkesan melalui insentif-insentif NCER seperti program **JomKerja@NCER** dan **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)**. Pada tahun 2020, sebanyak **15 syarikat pelabur dalam sektor pelancongan** dengan **189 pekerja** telah mendapat manfaat daripada program **JomKerja@NCER**.

Walaupun sektor pelancongan NCER masih berdepan dengan pandemik COVID-19, sektor ini dijangka akan pulih secara berperingkat dengan sokongan **pelancong-pelancong domestik**, terutamanya dengan kelonggaran yang diberikan dari segi sekatan pergerakan. Pemain-pemain industri pelancongan di NCER juga berpeluang memanfaatkan "**gelembung pelancongan**" yang bakal diperkenalkan oleh Kerajaan bagi pelancong dalam negeri dan negara-negara yang dikenal pasti. Pihak NCIA juga optimistik bahawa lebih banyak pergerakan pelancongan akan berlaku apabila **kadar vaksinasi** di kalangan orang ramai kian meningkat.

Negeri-negeri terbabit juga sedang bersedia untuk menambah produk-produk pelancongan mereka dan meningkatkan lagi aktiviti pemasaran dan promosi bagi menarik kedatangan pengunjung. Dalam hal ini, **Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor** bakal menjadi perintis dalam menerima semula kedatangan pelacong secara besar-besaran apabila sektor pelancongan beransur pulih.



Pulau Pangkor dijangka akan mendapat menfaat dengan pengenalan "gelembung pelancongan" oleh Kerajaan

Ekopelancongan dan Geopelancongan

Bagi memacu pertumbuhan ekopelancongan di NCER, lokasi-lokasi pelancongan akan dipromosikan mengikut tarikan unik masing-masing serta memanfaatkan aset semula jadi yang ada, seperti pulau yang indah, pemuliharaan hidupan liar, serta flora dan fauna untuk menarik pengunjung dari dalam dan luar negara ke kawasan tersebut dan juga tarikan lain di kawasan berdekatan.

Sehubungan itu, Rangkaian Ekopelancongan di NCER akan menghubungkan pelbagai taman negara, taman eko, hutan rekreasi dan geopark di rantau ini. Sebagai contoh, kedatangan pengunjung ke Pulau Langkawi untuk menikmati percutian di tepi pantai dan melawat lokasi-lokasi Langkawi UNESCO Global Geopark, boleh dimanfaatkan untuk mempromosi pengalaman ekopelancongan, geopelancongan dan arkeopelancongan yang berdekatan seperti Taman Negeri Perlis dan Gua Kelam di Perlis, tapak arkeologi Sg. Batu berhampiran Gunung Jerai, serta pulau-pulau di perairan daerah Yan dan Kuala Muda seperti Pulau Bidan, Pulau Telur, Pulau Songsong dan Pulau Bunting.

Arkeo-Pelancongan

Dalam usaha meningkatkan lagi penawaran Rangkaian Arkeopelancongan, NCER merancang untuk menaik taraf kemudahan pelancongan di beberapa tapak arkeologi utama dalam usaha untuk menarik lebih banyak pelancong yang seterusnya akan menjana lebih banyak aktiviti ekonomi untuk rakyat di kawasan tersebut. Antaranya, pembangunan Galeri Arkeologi di Guar Kepah yang terletak bersebelahan kawasan Lembah Bujang, serta berhampiran sempadan antara Kedah dan Pulau Pinang.

Perancangan juga sedang dibuat untuk menaik taraf dan mempromosi tapak-tapak arkeologi di Lembah Lenggong yang telah menerima status Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak 2012.

Pelancongan Warisan

Salah satu usaha NCIA untuk membangunkan sektor pelancongan warisan adalah inisiatif pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan warisan di Ipoh, Perak dalam beberapa pakej. NCIA kini sedang melaksanakan usaha menaik taraf bangunan lama Ipoh Town Hall untuk menjadi Pusat Seni Persembahan, serta pembaikan dan penaiktarafan bangunan Pejabat Pos Lama menjadi Pusat Seni dan Digital bagi Pakej 2.



Inisiatif pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan warisan di Ipoh, Perak



Pembangunan menaik taraf pemetaan projeksi untuk Ipoh Padang



Kerja-kerja mengecat jambatan di Kinta Riverwalk

Pakej 1A - Ipoh Padang

Dilaksanakan pada tahun 2020, yang merangkumi pemasangan pertunjukan cahaya dan bunyi di Ipoh Padang yang akan memaparkan sejarah dan budaya negeri Perak, destinasi-destinasi pelancongan serta lakaran kartun oleh kartunis tersohor negeri tersebut, iaitu Dato' Lat.

Pakej 1B - Kinta Riverwalk

Melibatkan kerja-kerja menaik taraf Kinta Riverwalk termasuk memperbaiki laluan dan jambatan pejalan kaki serta kedai-kedai di sepanjang Kinta Riverwalk.

NCIA juga sedang dalam usaha menaik taraf bangunan lama "Ipoh Town Hall" untuk menjadi Pusat Seni Persembahan, sementara Pejabat Pos Lama akan diperbaiki dan dinaik taraf menjadi Pusat Seni dan Digital di bawah Pakej 2 projek tersebut.

Pelancongan Nic ("Niche Tourism")

Selari dengan hasrat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk mempromosi pelancongan nic di Malaysia bagi meningkatkan semula industri pelancongan pasca COVID-19, NCER akan turut mempromosi beberapa destinasi yang menawarkan produk pelancongan nic seperti pelancongan bermain golf di Langkawi, pelancongan sukan lasak di Gopeng dan Rangkaian Arkeopelancongan NCER seperti Lembah Bujang, Lembah Lenggong dan Guar Kepah.

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN

Logistik Dan Kesalinghubungan



Jambatan Pulau Pinang merupakan salah satu infrastruktur logistik terpenting di NCER

NCER terletak di **laluan perdagangan maritim utama** di dunia dan ia juga memiliki kelebihan dari segi **rangkaian logistik yang mampan dan infrastruktur pengangkutan yang lancar dan cekap**. Wilayah ini juga menempatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pelabuhan Pulau Pinang, yang mana masing-masing merupakan lapangan terbang yang kedua tersibuk di tanah air serta salah satu pelabuhan laut yang tertua di Malaysia. Di samping itu, Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar merupakan pintu masuk utama bagi lebih 67% daripada eksport Selatan Thailand, atau kira-kira 250,000 TEU setahun.

Sehubungan dengan itu, sektor logistik memainkan peranan penting sebagai pengupaya utama perdagangan di NCER, beserta kluster perhidmatan sokongan yang telah pun bertapak khusus. Antara insiatif dan projek pemangkin dalam sektor ini yang telah dilaksanakan pada 2020 ialah **penambahbaikan Pelabuhan Pulau Pinang** dan **pembinaan terminal pukal baharu di Pelabuhan Lumut** dan bagi meningkatkan lagi sistem logistik dan kesalinghubungan di NCER.

Pada tahun 2020, beberapa syarikat telah melabur dalam sektor logistik NCER dengan jumlah pelaburan bernilai hampir RM1.21 bilion yang dijangka mewujudkan 410 peluang pekerjaan untuk rakyat. Sebanyak 7 syarikat pelabur logistik dengan 52 pekerja telah mendapat manfaat daripada program JomKerja@NCER.

Penaiktarafan Pelabuhan Pulau Pinang



Penaiktarafan Pelabuhan Pulau Pinang akan meningkatkan lagi daya saing dan tarikannya

Pada tahun 2020, Pelabuhan Pulau Pinang kekal unggul memainkan **peranan penting** dalam **rantaian bekalan global** terutamanya bagi barangan **eksport**.

Bagi mempertingkatkan status pelabuhan ini ke tahap yang lebih tinggi, sebanyak **RM733 juta** pelaburan akan disalurkan untuk projek **penambahbaikan North Butterworth Container Terminal (NBCT) dan Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT)**. Projek inisiatif swasta tersebut akan meningkatkan kapasiti kendalian kargo di NBCT dan keupayaan SPCT untuk menerima dua kapal pelayaran "mega cruise" secara serentak. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak **42 peluang pekerjaan baharu** di kalangan rakyat tempatan.

Projek Pembinaan Terminal Kargo Pukal Baharu di Pelabuhan Lumut, Perak

Di bawah projek inisiatif swasta ini, sebuah terminal baharu yang dikenali sebagai LMT2 akan dibina di kawasan seluas 115 ekar yang terletak 2 kilometer dari terminal sedia ada, iaitu LMT1,

Kos keseluruhan projek ini adalah berjumlah **RM400 juta**, yang mana LMT2 dijangka akan mewujudkan sebanyak **150 peluang pekerjaan baharu** untuk rakyat di Perak, khususnya sekitar Manjung dari kalangan tenaga mahir dan separa mahir.

Northern Corridor Highway (NCH)




Pembinaan NCH akan meningkatkan lagi kesalinghubungan di NCER

Projek lebuh raya NCH merupakan **projek pemangkin** yang akan dilaksanakan melalui model **kerjasama awam-swasta (PPP)**. Ia akan menghubungkan **kawasan pedalaman di wilayah utara** dan menawarkan satu lagi laluan baharu kepada kesalinghubungan jalan raya yang sedia ada. Jarak keseluruhan lebuh raya ini adalah sepanjang 331 km dengan 28 persimpangan ("interchange") dan bakal menghubungkan Padang Besar di Perlis dengan Changkat Jering di Perak.

Pembangunan NCH adalah selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, khususnya di bawah **Objektif 1: Pembangunan Untuk Semua** dan **Teras Strategik 6: Keterangkuman Wilayah**. Projek NCH adalah satu salah komponen yang penting bagi **merapatkan jurang antara wilayah**, merapatkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar, serta meningkatkan pendapatan isi rumah di wilayah utara yang masih ketinggalan berbanding wilayah lain dengan memudahkan akses kepada pekerjaan bernilai tinggi.

Fasa 1 pembangunan NCH akan menghubungkan **Sungai Petani, Kedah ke Changkat Jering, Perak** sepanjang 108 kilometer. Fasa pembangunan ini akan menghubungkan kawasan-kawasan pembangunan utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), Sidam Logistics Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), Kulim High Tech Park (KHTP) dan Transkrian NCER Agri Economic Zone (NAEZ). Ia juga memberikan akses kepada bandar-bandar dan pekan-pekan utama seperti Sungai Petani, Kuala Ketil, Desa Aman, Serdang, Selama, Kamunting, Taiping dan Changkat Jering.

Apabila siap kelak, NCH akan mewujudkan kesalinghubungan yang berterusan dengan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS). Projek ini bukan sahaja akan mengurangkan kesesakan di Lebuh Raya PLUS, tetapi akan juga menjadi pemangkin kepada pembangunan di kawasan-kawasan yang kurang membangun, terutamanya di **pedalaman Kedah dan Perak.**




Projek NCH dijangka akan memberi kesan limpahan di NCER, antaranya:

i) Meningkatkan kemudahsampaian ke projek-projek strategik dan pemangkin serta bandar dan pekan di sepanjang jajaran
ii) Mempertingkatkan nilai hartanah melalui pembaharuan ("regeneration") bandar, pekan dan desa dan mewujudkan kawasan perumahan baharu
iii) Menggalakan pelancongan domestik dan pembangunan industri pelancongan yang lebih terancang di Batu Kurau dan Sepetang
iv) Membantu pembangunkan industri agro di kawasan luar bandar melalui jaringan penghantaran yang lebih efisien.

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Perlis Inland Port (PIP)



Keluasan
500 ekar

Peruntukan Kerajaan
RM150.85 juta (Infrastruktur)

Jarak dari Padang Besar
5 km

Jarak dari Pelabuhan Pulau Pinang
160 km

Komponen Sokongan oleh Kerajaan:

"Rail Spur Line" "Bonded Road" "Flyover"

Projek Kerjasama Awam-Swasta (PPP)

Bidang Tumpuan PIP



Perkhidmatan
Pusat konsolidasi dan pengedaran



Kesalinghubungan
Jaringan rangkaian yang kukuh dengan syarikat perkapalan tempatan dan antarabangsa



Infrastruktur
Pergudangan dan fasiliti penyimpanan



Logistik Pelbagai Mod
Menghubungkan laut dan jalan raya dengan rancangan laluan rel untuk masa hadapan

Impak Berpotensi

Pelaburan Swasta
RM1.2 bil.

Peluang Pekerjaan
4,056

PIP dibangunkan untuk memangkin pembangunan logistik serta berperanan sebagai **pusat kargo bagi NCER** dan Selatan Thai. Ia juga memainkan peranan sebagai **gerbang menghubungkan kawasan pedalaman** yang mengukuhkan pergerakan trafik kargo dari dan ke Pelabuhan Pulau Pinang.

PIP **dilaksanakan melalui model kerjasama awam-swasta (PPP)**, yang mana sebuah syarikat swasta sebagai pemaju utama bagi kompleks logistik PIP, manakala Kerajaan Persekutuan melalui NCIA akan membiayai pembinaan infrastruktur luaran seperti landasan cabang rel ("rail spur line") dan "bonded road" dari Kompleks ICQ Padang Besar ke PIP dan jejambat di Jalan FT79.

Pembangunan PIP adalah untuk memenuhi keperluan masa depan sebagai pusat sehenti untuk aktiviti logistik yang merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:

1. Menyediakan perkhidmatan logistik untuk kargo domestik
2. Mengendalikan kargo jenis konvensional dari selatan Thailand
3. Memberi perkhidmatan nilai tambah seperti perkhidmatan pemunggahan dan pengisian ke dalam kontena, penghantaran barang, penyimpanan barangan sejuk beku dan lain-lain.

Sebagai pusat sehenti untuk aktiviti logistik, PIP menawarkan kos operasi yang lebih kompetitif dan perkhidmatan yang cekap kepada pengguna. Fasa pertama PIP dijangka akan beroperasi pada suku keempat tahun 2023 yang mampu menampung muatan kargo hingga 250,000 TEU setahun.

PIP akan menjadi pemangkin kepada tarikan pelaburan baharu ke CVIA dan NAEZ melalui penawaran perkhidmatan logistik yang menyeluruh serta mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat, di samping melonjakkan pertumbuhan ekonomi Perlis.

Pembangunan Jeti Penumpang dan Kargo di Pulau Pangkor

Seiring dengan peningkatan ketibaan pengunjung ke Pulau Pangkor dan untuk memenuhi permintaan bagi sebuah terminal pelepasan Bebas Cukai di destinasi pelancongan tersebut, jeti penumpang dan kargo di Pulau Pangkor akan dinaik taraf melalui sebuah projek kerjasama awam-swasta.

Projek kerjasama awam-swasta ini merangkumi:

- Pembinaan sebuah **terminal feri kargo** beserta sebuah **gudang dan hab logistik bersepadu**, lengkap dengan landasan kapal ("slipway") dinaik taraf yang mampu menerima kapal yang bersaiz lebih besar.
- **Jeti penumpang yang dinaik taraf**, lengkap dengan terminal teksi dan pengangkutan awam bersepadu, fasiliti CIQ, serta struktur pendaratan yang ditambah baik dan kediaman kakitangan.

Susun Atur Konsepsual



Terminal kargo dan jeti penumpang Pulau Pangkor yang baharu mengikut gambaran artis

Sebuah terminal feri kargo dengan gudang dan hab logistik bersepadu, serta landasan kapal yang dinaik taraf untuk menampung kapal-kapal yang lebih besar.

Sebuah jeti penumpang yang lengkap dengan terminal teksi dan pengangkutan awam bersepadu, kemudahan CIQ dan struktur pendaratan jeti yang ditambah baik.

Pelan Pelaksanaan Peringkat Tinggi

2021	2022	2023	2024
Reka Bentuk & Pelaksanaan	Pembinaan	Pembinaan	Operasi Bermula

Potensi Impak Ekonomi & Kesan Limpahan

Nilai Tambah (KDNK)
RM20 juta

Sokongan Pekerjaan
210 Pekerjaan

Peningkatan Kapasiti
300%

Projek ini dijangka akan meningkatkan kapasiti jeti Pulau Pangkor sebanyak 300% dan bakal menghasilkan **kesan limpahan ekonomi** kepada kawasan setempat, dengan **nilai tambah sebanyak RM20 juta** kepada KDNK dan mencipta **210 peluang pekerjaan baharu**.

Projek ini akan dilaksanakan melalui model Kerjasama Awam-Swasta (PPP) dan akan dimulakan pada tahun 2022.

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Projek Penaiktarafan Terminal Kargo KTMB Padang Besar


Penaiktarafan Terminal Kereta Api Padang Besar di Perlis merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk **meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan kapasiti** pengendalian kontena oleh KTMB di terminal tersebut. Melalui projek ini, keupayaan Terminal Kargo KTMB di Padang Besar untuk mengendalikan kontena melonjak kepada **150,000 TEU setahun** berbanding 110,000 TEU setahun sebelum ini.

Penaiktarafan terminal ini juga bertujuan **mengurangkan kesesakan pergerakan kargo** daripada **Selatan Thailand,** sekaligus meningkatkan lagi **perdagangan rentas sempadan** antara kedua-dua negara.

Projek ini, yang siap disempurnakan pada Disember 2019, telah diserahkan kepada Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Penaiktarafan Terminal Padang Besar

Peningkatan kecekapan perkhidmatan dan isi padu pengendalian kontena oleh KTMB di Terminal Keretapi Padang Besar.



Ruang kontena yang telah dinaik taraf




Bangunan pentadbiran baharu yang telah siap dibina

Hasil-hasil Pencapaian Projek

Peningkatan **keupayaan pengendalian tahunan** daripada 110,000 TEU ke 150,000	**Mengurangkan kesesakan kargo** dari Selatan Thai	**Meningkatkan perdagangan sempadan** antara Malaysia dan Thailand


Perbandingan Sebelum & Selepas Projek



Pembangunan Pulau Bunting dan Pelabuhan Yan

Pembangunan Pulau Bunting akan memfokuskan kepada tiga industri iaitu pelancongan berasaskan komuniti, industri akuakultur pesisir pantai serta terminal gas asli cecair dan penjanaan tenaga.

Sementara itu, kerja-kerja penubuhan dan pewartaan Pelabuhan Yan sebagai sebuah pelabuhan Persekutuan telah berjalan pada tahun 2020 bagi pewartaannya secara rasmi pada tahun 2021.



Cadangan Komponen Pembangunan

Hab LNG Kapal-ke-Kapal (STS), Terminal LNG & Penjanaan Kuasa	Akuakultur Industri Pesisir Pantai	Pelancongan Berasaskan Komuniti

Impak Berpotensi

Palaburan Swasta **RM8.749 bil.**	Peluang Pekerjaan **2,580**

Pembangunan di Pulau Bunting adalah berteraskan empat aspirasi iaitu:

1) Meningkatkan taraf kehidupan masyarakat setempat
2) Menggerakkan kelestarian
3) Membina kemakmuran bersama
4) Mengimaginasi semula pembangunan

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER


Integrated Economic & Community Centre (iCON)

Integrated Economic & Community Centre (iCON) adalah sebuah inisiatif **pembangunan ekonomi komuniti** baharu yang bertujuan **merapatkan jurang sosioekonomi bandar-luar bandar**, sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

iCON merupakan sebuah projek pemangkin yang berperanan memupuk berperanan **memupuk budaya keusahawanan** di kalangan rakyat luar bandar, sekaligus **menggalakkan penyertaan usahawan tempatan** dalam aktiviti ekonomi. Di samping itu, ia bakal menjadi tarikan pelancongan di kawasan-kawasan terbabit, sekaligus meningkatkan lagi ekonomi setempat. Projek ini juga bertujuan mengurangkan migrasi keluar penduduk kawasan luar bandar ke kawasan bandar.

Projek ini merangkumi penyediaan ruang perniagaan bersepadu untuk usahawan tempatan, yang mana ia terdiri daripada **iCON Yan** yang terletak di Guar Chempedak dan **iCON Baling** di Pekan Baling, Kedah.

Gambaran Keseluruhan Pelaksanaan Projek iCON



Bagi memastikan projek ini mencapai objektifnya, NCIA sebagai pemilik projek sedang bekerjasama dengan pemegang taruh utama seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) bagi iCON Baling dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK) bagi iCON Yan. Selain itu NCIA juga bekerjasama dengan lain-lain agensi Persekutuan dan Negeri seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), State Secretary Kedah Incorporated (SSK), Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Baling dan lain-lain yang berkaitan.

Program "Quick Win" empowerNCER entrepreneurNCER DUB@NCER Dana Usahawan Bumiputera



Jenama produk-produk syarikat yang menyertai program DUB@NCER yang berpotensi menjadi peneraju pembangunan iCON



Pelan induk iCON Yan



Pelan induk iCON Baling

Salah satu keistimewaan iCON ialah **calon-calon peserta** yang berpotensi dipilih melalui **program-program modal insan NCER** seperti enterpreneurNCER, empowerNCER, Dana Usahawan Bumiputera@NCER dan JomNiaga@NCER, serta usahawan-usahawan tempatan yang lain. Pihak NCIA sedang melaksanakan program "Quick Win" sebagai persediaan dan memulakan proses bagi pemilihan pengusaha yang berpotensi untuk beroperasi di iCON bermula pada suku pertama tahun 2021.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta melalui RMK-12 bagi pelaksanaan iCON Yan dan Baling sebagai projek perintis. Pelaksanaan projek akan bermula pada suku pertama tahun 2021.

Impak Berpotensi

Penerima manfaat
600 usahawan

Peluang Pekerjaan
500

EKONOMI DIGITAL DI NCER

Ekonomi Digital merupakan satu lagi kluster ekonomi utama di NCER berdasarkan keupayaannya menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan melahirkan masyarakat berpengetahuan, selaras dengan rangka kerja pembangunan strategik NCER di bawah RMK-12.

Subsektor yang dipromosikan di wilayah ini ialah **GBS, Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), e-dagang** dan **multimedia kreatif**. Usaha penarikan pelaburan dari dalam dan luar negara dalam sektor Ekonomi Digital akan turut menyokong sektor-sektor lain seperti Pertanian Pintar (Perniagaan Tani), Pembuatan dan teknologi-teknologi baharu, serta menggalakkan pemindahan pengetahuan.

NCER mempunyai kelebihan dari segi penawaran kos perniagaan yang kompetitif, persekitaran yang mesra perniagaan, kewujudan kumpulan bakat yang terlatih, lokasi strategik dengan rangkaian logistik udara, laut dan darat yang cekap, sokongan teguh pihak Kerajaan dari segi insentif dan dasar, serta potensi yang tinggi daripada nod-nod pertumbuhan dan taman-taman perindustrian yang berhampiran. Projek dan program utama dalam sektor Ekonomi Digital di NCER terdiri daripada **GBS@Ipoh** dan Perpustakaan Digital Kedah atau **Kedah Digital Library (KDL)**.

GBS@IPOH



Program GBS@Ipoh dijangka akan menarik lebih banyak syarikat BPO untuk beroperasi di bandaraya tersebut

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Ekonomi Digital NCER yang akan mengukuhkan lagi projek SilverValley Technology Park (SVTP) atau Taman Teknologi SilverValley yang bakal menjadi Hab Ekonomi Digital serta Hab GBS di wilayah ini.

Program ***greenfield*** ini juga akan menyokong ekosistem ***Single Campus*** yang merangkumi kawasan Ipoh-Pulau Pinang-Kulim.

Setakat ini, projek GBS@Ipoh telah berjaya menarik pelaburan komited sebanyak RM486 juta, yang mana RM115 juta telah pun direalisasikan setakat Januari 2020. Projek ini juga telah menyaksikan lima syarikat ditubuhkan di Ipoh, di mana tiga daripadanya telah terpilih untuk menyertai program NTEP. Salah satu daripada syarikat tersebut juga telah menerima kelulusan bagi Insentif Cukai NCER (NTAX).

Bagi fasa seterusnya untuk tahun 2021-2023, usaha akan dipergiatkan dalam menarik lebih banyak syarikat besar dalam industri Penyumberluaran Proses Perniagaan atau "Business Process Outsourcing" (BPO) untuk menjalankan operasi mereka di Ipoh.

KEDAH DIGITAL LIBRARY (KDL)



Kedah Digital Library (KDL) bakal menjadi mercu tanda ikonik di negeri Kedah apabila pembangunannya siap kelak

Kepentingan pendidikan dalam memperkasakan rakyat di NCER sememangnya tidak dapat dinafikan dan ia perlu diselaraskan dengan perkembangan teknologi moden seperti Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT). Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan **perpustakaan digital** di NCER yang berupaya memberi perkhidmatan kepada **komuniti, sekolah dan agensi tempatan**.

KDL kini sedang dibangunkan di Bangunan Memorial Tunku Abdul Rahman, Alor Setar di kawasan seluas 2.13 ekar. Pembangunan KDL terdiri daripada dua fasa, iaitu Fasa 1 yang merangkumi renovasi bangunan sedia ada menjadi sebuah Perpustakaan Rumah Agam, serta Fasa 2 yang meliputi pembinaan sebuah bangunan sambungan baharu.

Pembangunan KDL meliputi beberapa komponen, antaranya, sebuah Perpustakaan Rumah Agam, ruang-ruang bacaan, serta galeri yang akan memaparkan pemimpin-pemimpin ternama Kedah. Kesemua ini akan dilengkapi dengan kemudahan komersial seperti sebuah kafeteria dan restoran, serta sebuah dewan komuniti yang akan berperanan sebagai ruang untuk pelbagai jenis acara. KDL dijangka menjadi sebuah mercu tanda ikonik di ibu negeri tersebut apabila pembangunannya siap kelak.

Kerja-kerja pembinaan **Fasa 1** projek ini telah **siap pada Januari 2021** manakala kerja-kerja pembinaan untuk Fasa 2 telah bermula pada bulan **September 2020** dan dijangka akan siap menjelang **suku ketiga 2021**.

1. Menubuh, melengkap serta menyelenggara Perpustakaan Digital Kedah
2. Menyediakan kelengkapan peralatan ICT dan kandungan bahan digital searus dengan perkembangan teknologi global
3. Menyelenggara dan menggalakkan penggunaan bahan bacaan berasaskan sumber digital
4. Menjadi pemangkin dalam penggunaan e-sumber dan e-pembelajaran dalam kalangan masyarakat

PROJEK-PROJEK NCER MENGIKUT NEGERI

PERLIS

PEMBUATAN


1. Chuping Valley Industrial Area (CVIA)

LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN

2. Perlis Inland Port (PIP)
3. Kangar Sentral
4. Terminal Padang Besar

PERNIAGAAN TANI

5. Superfruits Valley
6. NAEZ Chuping-Bukit Kayu Hitam Agribelt



Northern Corridor Highway (NCH)

Changlun – Kuala Perlis Highway

MODAL INSAN

- empowerNCER
- entrepreneurNCER
- Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER)
- NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)

KEDAH

PEMBUATAN

1. Kedah Rubber City (KRC)
2. Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing (SLAM)
3. Kedah Eco Innovation Park (KEIP)
4. Kedah Science and Technology Park (KSTP)

LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN


5. Infrastruktur Luaran – SLAM

PERNIAGAAN TANI

6. EMM 2.0 Pendang
7. NAEZ Transkrian
8. NAEZ Chuping-Bukit Kayu Hitam Agribelt

PENGUPAYA

9. iCON Yan
10. Perpustakaan Digital Kedah (Kedah Digital Library)
11. iCON Baling



Northern Corridor Highway (NCH)

PLUS Highway

PROGRAM MODAL INSAN

- Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)
- Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER)
- entrepreneurNCER
- empowerNCER
- NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)

PULAU PINANG

PENGUPAYA


1. Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST)
2. Pusat Inovasi Teknologi NCER (NTIC)

PERNIAGAAN TANI

3. Hab Benih NCER
4. NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ) Transkrian

PELANCONGAN

5. Galeri Arkeologi Guar Kepah



Northern Corridor Highway (NCH)

PLUS Highway

PROGRAM MODAL INSAN

- Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER)
- entrepreneurNCER
- empowerNCER
- NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)

PERAK

EKONOMI DIGITAL


1. SilverValley Technology Park (SVTP)

PERNIAGAAN TANI

2. EMM 1.0 Kerian
3. Pembangunan Usahawan - Penternakan Akuakultur (Abalone)
4. NAEZ Transkrian

PELANCONGAN

5. Pelancongan Warisan Ipoh (Pencahayaan & Bunyi, Galeri Seni Digital & Kinta Riverwalk)
6. Pulau Bebas Cukai Pangkor
7. Pembangunan Tapak Warisan Arkeologi UNESCO Lembah Lenggong



Northern Corridor Highway (NCH)

PLUS Highway

West Coast Expressway (WCE)

PROGRAM MODAL INSAN

- entrepreneurNCER
- empowerNCER
- Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER)
- NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)

Warga Kerja NCIA



BUDAYA i-STAR

- Amalan setiap warga NCIA bagi memastikan profesionalisme di tahap tertinggi

PENUBUHAN NCIA EMERGENCY RESPONSE TEAM (NCERT)

- Untuk menetapkan garis panduan SOP bagi menangani isu berkaitan COVID-19 di NCIA

PENERAPAN NORMA BAHARU

- Memastikan operasi NCIA terus berjalan dengan efisien dalam situasi pandemik

PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

- Rujukan utama warga NCIA bagi menjayakan agenda pembangunan NCER

18 PROGRAM LATIHAN UNTUK KAKITANGAN

- Peningkatan kemahiran warga kerja tetap diteruskan dalam norma baharu bagi memastikan objektif organisasi berjaya dicapai

KELAB SUKAN & REKREASI NCIA

- Penganjuran aktiviti riadah dan kerohanian yang mematuhi SOP untuk memastikan keseimbangan kehidupan dan kerjaya

WARGA KERJA NCIA

Warga kerja NCIA merupakan tulang belakang organisasi yang amat penting dalam memastikan amanah Kerajaan untuk menjayakan agenda pembangunan NCER dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan dengan penuh integriti.

Setakat 31 Disember 2020, terdapat seramai 221 warga kerja NCIA yang terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik, kelayakan profesional dan pengkhususan.

Kombinasi pelbagai bidang kepakaran dari kedua-dua sektor awam dan swasta yang merangkumi sektor perkilangan, pertanian, teknologi maklumat, bio-industri, pelancongan, perkhidmatan sosial dan lain-lain lagi telah berjaya memacu NCIA untuk beroperasi dengan lebih dinamik serta efisien.

BUDAYA KERJA

Warga kerja NCIA diterajui oleh kepimpinan Ketua Eksekutif yang berdedikasi tinggi, yang mana beliau menjadi tunggak utama serta "role model" kepada semua kakitangan. Hala tuju jelas yang digarap, beserta bimbingan yang berterusan oleh Ketua Eksekutif telah menyuntik komitmen dan keyakinan yang tinggi di kalangan warga kerja NCIA dan mereka amat fokus kepada hala tuju yang disasarkan serta matlamat yang ingin dicapai.

Untuk melonjakkan NCIA ke aras standard amalan kerja yang tinggi, program i-STAR yang telah diperaktikkan sebelum ini terus menjadi tunggak utama kepada budaya kerja NCIA.



Program Wacana Harmoni Pengurusan NCIA yang dijalankan pada Januari 2020 sebelum pandemik melanda

Walaupun **pandemik COVID-19** yang telah melanda seluruh dunia pada tahun 2020 telah mengakibatkan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh YAB Perdana Menteri berkuatkuasa pada 18 Mac 2021, ia tidak membantutkan usaha warga kerja NCIA untuk terus berkhidmat bagi membangunkan NCER.

Malah, situasi tersebut telah mendorong mereka untuk bekerja lebih keras serta bertungkus-lumus membangunkan ekonomi rakyat, khususnya mereka yang terjejas akibat daripada penularan wabak COVID-19 tersebut.

Walaupun warga kerja NCIA telah diarahkan untuk **bekerja dari rumah** sewaktu tempoh PKP mula berjalan, ia telah meningkatkan lagi semangat dan usaha mereka untuk memastikan matlamat yang telah disasarkan tercapai.

Bagi mengelakkan operasi harian NCIA terjejas, kakitangan NCIA telah diterapkan dengan **budaya kerja norma baharu**. Dengan peranan efisyen yang dimainkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat, sebahagian besar **mesyuarat** telah dijalankan secara **dalam talian**. Dalam tempoh yang singkat, budaya kerja norma baharu ini berjaya diadaptasi oleh seluruh warga kerja NCIA dengan mudah.



Warga NCIA di salah satu program jerayawara yang dijalankan dalam suasana norma baharu

Pihak pengurusan sememangnya amat menitikberatkan hal-ehwal warga kerja; sehubungan itu, Jawatankuasa **NCIA Emergency Response Team (NCERT)** telah ditubuhkan pada 21 April 2021 untuk mewujudkan garis panduan operasi standard bagi menangani isu berkaitan COVID-19 di NCIA. Langkah pencegahan dan pelan tindakan yang perlu bagi menangani isu ini telah diwujudkan dengan jelas dan rapi berpandukan garis panduan serta keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.



Pematuhan SOP amat dititikberatkan dalam penganjuran sebarang program NCER

Di samping itu juga, maklumat-maklumat serta isu-isu semasa turut disampaikan secara berkala oleh Jabatan Sumber Manusia kepada semua warga kerja NCIA melalui e-mel rasmi NCIA. Ia bertujuan memastikan warga kerja NCIA benar-benar memahami serta dapat mengadaptasi budaya kerja norma baharu dan **pematuhan SOP COVID-19** yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan operasi harian NCIA tidak terjejas dan hal ehwal kebajikan pekerja tidak terabai, pihak pengurusan melalui Jabatan Sumber Manusia telah memantau kehadiran kakitangan ke pejabat secara harian. Peratusan kakitangan yang dibenarkan hadir ke pejabat telah ditetapkan secara berperingkat selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh kementerian. Bagi kakitangan yang berisiko tinggi terhadap jangkitan wabak COVID-19 atau yang mempunyai simptom wabak tersebut, mereka diarahkan untuk bekerja dari rumah.

Selain daripada itu, **persediaan ruang kerja** termasuk pemasangan notis dan tanda penjarakan sosial turut dipasang di kesemua pejabat NCIA. Bangunan pejabat serta kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan warga kerja seperti lif, tandas, surau dan pantri disanitasi sekerap dua kali setiap hari. **Pemeriksaan suhu badan** pula dijalankan di pintu pagar utama premis bagi memastikan semua individu yang memasuki premis NCIA benar-benar sihat. Dengan langkah-langkah yang telah diambil tersebut, NCIA berjaya mengekang wabak tersebut hingga tiada seorang pun daripada warga kerjanya dijangkiti virus berkenaan.

PROGRAM-PROGRAM LATIHAN

Dengan penerapan amalan norma baharu, program-program latihan tidak diabaikan. Malah, pelbagai **latihan secara dalam talian** telah dijalankan kerana pihak pengurusan menyedari akan kepentingan pembangunan sumber manusia bagi memastikan kemahiran dan kepakaran warga kerja terus dipertingkatkan.

Peningkatan kemahiran kakitangan juga merupakan salah satu elemen utama dalam menjayakan pelaksanaan **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)**, agar setiap projek dan program dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti dirancang demi manfaat rakyat.



Pandemik COVID-19 yang melanda tidak pernah mematahkan semangat dan komitmen warga NCIA untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi

WARGA KERJA NCIA

Program-program yang telah dijalankan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Program	Tarikh
1	Program Wacana Harmoni NCIA 2020 (NCIA Retreat Programme 2020)	9-10 Jan 2020
2	Jerayawara Sumber Manusia (HR) 2020	20 Jan 2020
3	Introduction to SharePoint 2016 for Collaboration and Document Management	17 Feb 2020
4	Webinar Invitation: Microsoft 365 Modern Desktop	27 Mac 2020
5	Webinar : Payroll & Benefit During Lockdown: How To Do It?	14 April 2020
6	HR Summit - Payroll & Benefit During Lockdown: How To Do It?	14 April 2020
7	Mind Science for Effective Multimedia Presentation	17 April 2020
8	MS Word VILT Webinar: MS Word Workshop	21 April 2020
9	The Communication in this New Normal Webinar	23 April 2020
10	Mind Science for Effective Multimedia Presentation	24 April 2020
11	Virtual Session: Managing Workforce and Rewards in these Unprecedented Times	27 April 2020
12	How Project Management Knowledge and Skill Can Enhance Your Business and Career Path	29 April 2020
13	Life at Work in the New Norm	21 Mei 2020
14	Will the COVID-19 Pandemic Finally Kill The Print Media?	21 Mei 2020
15	Communications Strategies for Business Recovery Post COVID-19	28 Mei 2020
16	Power Up Your Virtual Presentation Skills	5 Jun 2020
17	Sustaining Learning & Development Post MCO	10 Jun 2020
18	COSO-Based Internal Auditing	11 Ogos 2020



Ketua Pegawai Kewangan NCIA berucap di program Wacana Harmoni Pengurusan organisasi pada 9 Januari 2020

AKTIVITI-AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

Melalui Kelab Sukan & Rekreasi NCIA, pelbagai aktiviti riadah seperti Zumba, senamrobik, badminton dan ping-pong telah rancak dijalankan secara harian dan mingguan pada suku pertama 2020.

Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti tersebut telah dihentikan buat sementara waktu pada suku kedua 2020 bagi mematuhi PKP yang telah ditetapkan. Namun begitu, aktiviti senamrobik tetap **diteruskan secara dalam talian** melalui aplikasi Microsoft Teams Meeting.

Setelah tamat PKP pada pertengahan suku kedua 2020, aktiviti-aktiviti ini telah diaktifkan semula sehingga ke penghujung tahun.


*Warga NCIA dari segenap lapisan amat komited dan sentiasa bekerjasama dalam melaksanakan amanah yang diberikan untuk menjayakan pembangunan sosioekonomi NCER**

*(*Gambar diambil sebelum pandemik COVID-19 melanda negara)*

Di samping itu, Mesyuarat Agung Pertama Kelab Sukan & Rekreasi NCIA telah diadakan pada 28 Ogos 2020 bagi melantik ahli-ahli jawatankuasa yang baharu. Dalam mesyuarat berkenaan juga, program-program dan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi telah dirancang dengan lebih rapi dengan mengambil kira maklum balas daripada semua ahli. Agenda yang telah dibentangkan pada mesyuarat agong berkenaan adalah seperti berikut:

- Membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kelab
- Membentangkan Penyata Kewangan (Kredit dan Debit) serta jumlah ahli kelab
- Melantik ahli-ahli jawatankuasa yang baharu untuk meneruskan kesinambungan aktiviti kelab
- Cadangan aktiviti untuk sesi baharu
- Membentangkan usul yang diterima.

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti sukan dan riadah yang berlandaskan norma baharu ini mampu membantu **meningkatkan keterlibatan** para kakitangan dalam kegiatan yang dianjurkan oleh pihak NCIA, di samping **mengeratkan lagi semangat berpasukan** sesama mereka. Aktiviti-aktiviti sedemikian juga mampu memberi keseimbangan antara **kerja dan kehidupan** ("work-life balance"), sekaligus membantu mereka mengamalkan budaya kerja norma baharu dengan penuh cekal dan bersemangat dalam era pasca COVID-19.


Warga NCIA yang bertungkus-lumus di sebalik tabir bagi menjayakan Majlis Pelancaran Program Modal Insan NCER Peringkat Negeri Perak pada 14 Januari 2020

Di peringkat organisasi pula, NCIA telah menetapkan **nilai-nilai teras i-STAR** untuk diamalkan oleh seluruh warga kerjanya yang merangkumi:



Integrity & Professionalism (Integriti & Profesionalisme)

Speed (Kepantasan)

Teamwork (Kerja Berkumpulan)

Accountability (Akauntabiliti)

Mutual Respect (Saling Menghormati)

Penyata

Kedudukan Kewangan

Rakyat adalah nadi utama penggerak pembangunan NCER

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

PENYATA
PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASSIN** dan **YANG MULIA TENGKU MUHAMMAD TAUFIK BIN TENGKU KAMADJAJA AZIZ** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

.....

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASSIN
Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

.....

YANG MULIA TENGKU MUHAMMAD TAUFIK TENGKU KAMADJAJA AZIZ
Anggota Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh : 25 Mac 2021
Tempat : Kuala Lumpur

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE A/L JOHN RAJAMONEY** dan **MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN**, pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama-penama di atas di Kuala Lumpur pada

.....

DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE
A/L JOHN RAJAMONEY

.....

MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
W 634
YM KOLONEL DATO'
SERI PADUKA DIRAJA
RAMLI BIN SHUHAIMI
01/01/2019 - 31/12/2021
MALAYSIA

.....

PESURUHJAYA SUMPAH

30 MAR 2021

Suite 49B, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, **Presint Diplomatik**
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan **Putrajaya**
HP No: **+6012.350.8527**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	31.12.2020 RM	Dinyatakan semula 31.12.2019 RM	(MPERS) Seperti dilaporkan terdahulu 31.12.2019 RM	Seperti pada 1.1.2019 RM
ASET SEMASA					
Tunai dan kesetaraan tunai	3	**224,887,295**	245,650,985	237,650,895	141,110,534
Pelaburan jangka pendek	4	**22,073,417**	-	-	-
Urusniaga pertukaran belum terima	5	**510,821**	297,852	-	-
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	6	**37,062,145**	20,253,512	7,473,156	2,371,235
		284,533,678	266,202,349	245,124,051	143,481,769
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	7	**31,788,712**	32,660,550	32,832,550	33,170,991
Pelaburan hartanah	8	**275,912,025**	22,820,000	22,820,000	22,735,000
Aset tak ketara	9	**54,849**	-	-	-
Kerja dalam kemajuan	10	**255,598,043**	127,644,534	-	100,130,312
		563,353,629	183,125,084	55,652,550	156,036,303
JUMLAH ASET		**847,887,307**	449,327,433	300,776,601	299,518,072
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Kumpulan Wang Pembangunan	11	**503,166,937**	368,675,856	272,114,143	228,830,114
Dana Khas - Teraju	11	**525,315**	1,534,688	1,534,688	2,923,385
Pendahuluan diterima untuk Kedah Rubber City		**1,566,853**	-	-	-
Pajakan kewangan	12	**768,017**	-	-	-
		506,027,122	370,210,544	273,648,831	231,753,499
LIABILITI SEMASA					
Urusniaga pertukaran belum bayar	13	**115,288**	213,891	-	-
Pelbagai Belum Bayar dan Akruan	14	**8,919,676**	3,106,966	3,492,857	3,647,949
Pajakan kewangan	12	**239**	-	-	-
		9,035,203	3,320,857	3,492,857	3,647,949
JUMLAH LIABILITI		**515,062,325**	373,531,401	277,141,688	235,401,448
ASET BERSIH		**332,824,982**	75,796,032	23,634,913	64,116,624
ASET BERSIH/EKUITI					
Dana pembangunan	15	**53,553,733**	52,161,119	-	52,822,042
Akaun Khas Kedah Rubber City	16	**250,929,765**	-	-	-
Lebihan terkumpul		**28,341,484**	23,634,913	23,634,913	11,294,582
		332,824,982	75,796,032	23,634,913	64,116,624

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2020 RM	Dinyatakan semula 2019 RM	Seperti dinyatakan dahulu 2019 RM
HASIL				
Urusniaga bukan pertukaran	17	**110,369,940**	139,971,424	-
Urusniaga pertukaran		**1,102,944**	1,151,090	-
Pendapatan faedah		**5,452,287**	4,873,342	-
Geran mengurus		**-**	-	42,390,000
Geran pembangunan dilunaskan		**-**	-	123,706,949
Dana Khas - Teraju		**-**	-	1,388,697
Pendapatan faedah		**-**	-	4,873,342
Pendapatan lain		**-**	-	1,151,090
JUMLAH HASIL		**116,925,171**	145,995,856	173,510,078
PERBELANJAAN				
Emolumen	18	**27,728,595**	22,930,491	22,930,491
Perbelanjaan pejabat		**811,204**	649,513	649,513
Sewaan pejabat		**437,937**	245,246	245,246
Latihan dan pembangunan modal insan		**28,011**	28,873	28,873
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan		**511,434**	328,240	328,240
Kos keraian		**131,254**	317,147	317,147
Kos perubatan		**1,747,278**	1,521,770	1,521,770
Penyelenggaraan dan pembaikan		**1,302,946**	1,436,924	1,436,924
Peruntukan hutang ragu		**-**	99,538	99,538
Susutnilai aset tetap		**551,980**	210,224	210,224
Kos operasi lain	19	**8,598,021**	8,306,135	8,306,135
Perbelanjaan pembangunan	20	**66,160,567**	96,192,727	123,706,949
Perbelanjaan Dana Khas Teraju		**4,209,373**	1,388,697	1,388,697
JUMLAH PERBELANJAAN		**112,218,600**	133,655,525	161,169,747
LEBIHAN DALAM TAHUN		**4,706,571**	12,340,331	12,340,331
CUKAI		**-**	-	-
LEBIHAN SELEPAS CUKAI		**4,706,571**	12,340,331	12,340,331

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI

PADA 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Dana Pembangunan RM	Akaun Khas Kedah Rubber City RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah Aset Bersih RM
Pada 1 Januari 2019:				
- seperti dinyatakan terdahulu	**-**	**-**	**11,294,582**	**11,294,582**
- kesan pemakaian awal MPSAS	52,822,042	-	-	52,822,042
Seperti dinyatakan semula	52,822,042	-	11,294,582	64,116,624
Lebihan/(kurangan) dalam tahun	(660,923)	-	12,340,331	11,679,408
Pada 31 Disember 2019	**52,161,119**	**-**	**23,634,913**	**75,796,032**
Pada 1 Januari 2020	**52,161,119**	**-**	**23,634,913**	**75,796,032**
Lebihan dalam tahun	1,392,614	250,929,765	4,706,571	257,028,950
Pada 31 Disember 2020	**53,553,733**	**250,929,765**	**28,341,484**	**332,824,982**

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bagi tahun		**4,706,571**	12,340,331
Pelarasan perkara-perkara yang tidak melibatkan aliran tunai:			
Perlunasan geran kerajaan		**(70,369,940)**	(141,380,961)
Pendapatan faedah		**(5,452,287)**	(4,873,342)
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan		**1,091**	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		**551,980**	956,147
Kurangan sebelum perubahan dalam modal kerja		**(70,562,585)**	(132,957,825)
Pertambahan urusniaga pertukaran belum terima		**(212,969)**	(297,852)
(Pertambahan)/ Pengurangan pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan		**(16,808,633)**	7,599,754
Pertambahan kerja dalam kemajuan		**(127,953,509)**	(27,493,382)
(Pengurangan)/Pertambahan urusniaga pertukaran belum bayar		**(98,603)**	213,891
Pertambahan/(Pengurangan) Pelbagai belum bayar dan akruan		**5,812,710**	(155,094)
Aliran tunai bersih digunakan di dalam aktiviti operasi		**(209,823,589)**	(153,090,508)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Faedah diterima		**4,827,055**	4,424,921
Pertambahan hartanah, loji dan peralatan		**(389,851)**	(617,706)
Pertambahan hartanah pelaburan		**(61,025)**	-
Pertambahan aset tak ketara		**(54,849)**	-
Pertambahan pelaburan jangka pendek		**(22,073,417)**	-
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/diperolehi dari aktiviti pelaburan		**(17,752,087)**	3,807,215
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penerimaan geran pembangunan		**204,399,998**	253,823,744
Pendahuluan diterima bagi Kedah Rubber City		**1,566,853**	-
Pertambahan dana pembangunan		**845,135**	-
Aliran tunai bersih diperolehi dari aktiviti pembiayaan		**206,811,986**	253,823,744
(Kurangan)/Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		**(20,763,690)**	104,540,451
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		**245,650,985**	141,110,534
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		**224,887,295**	245,650,985
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	**224,887,295**	245,650,985

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERBANDINGAN ANTARA BAJET DAN PERBELANJAAN SEBENAR

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Bajet RM	Perbelanjaan Sebenar RM	Varian^ RM
PENERIMAAN			
Urusniaga bukan pertukaran	40,000,000	40,000,000	-
Lain-lain terimaan	5,178,207	6,555,231	(1,377,024)
	45,178,207	**46,555,231**	**(1,377,024)**
PEMBAYARAN			
Emolumen	21,515,115	27,728,595	(6,213,480)
Perbelanjaan pejabat	1,009,188	811,204	197,984
Sewaan pejabat	300,000	437,937	(137,937)
Latihan dan pembangunan modal insan	960,400	28,011	932,389
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan	908,250	511,434	396,816
Kos mesyuarat dan keraian	342,200	131,254	210,946
Kos perubatan	1,820,004	1,747,278	72,726
Penyelenggaraan dan pembaikan	882,500	1,302,946	(420,446)
Kos operasi lain	12,270,359	8,598,021	3,672,338
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	228,000	551,980	(323,980)
	40,236,016	**41,848,660**	**(1,612,644)**
PENERIMAAN BERSIH	**4,942,191**	**4,706,571**	**235,620**

^ Merujuk kepada perbezaan di antara Bajet Akhir dan Perbelanjaan Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

1. UMUM

1.1 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ("NCIA") ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang diwartakan di Parlimen Malaysia pada 13 Jun 2008. Aktiviti utama NCIA adalah untuk bertindak sebagai satu badan berkanun kerajaan persekutuan yang diberi kuasa untuk mencapai objektif berikut:-

(a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan

(b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Ibu pejabat NCIA berada di No 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Penang Science Park, Simpang Ampat, 14100, Penang, Malaysia. NCIA juga mempunyai pejabat operasi di Bayan Lepas, Cyberjaya, Alor Setar, Ipoh dan Chuping.

1.2 Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan NCIA.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara melalui Resolusi Pekeliling yang bertarikh pada 25 Mac 2021.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan NCIA disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Garis Panduan Jabatan Akauntan Negara serta Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687).

2.1.2 Bermula dari tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2020, NCIA telah memilih untuk menggunapakai standard MPSAS yang berkenaan seperti di bawah daripada tarikh kuatkuasa sebenar (tahun 2022).

Dalam tempoh masa peralihan 3 tahun bermula pada tahun 2020, satu atau lebih pengecualian dalam Piawaian MPSAS sebelum pematuhan sepenuhnya dikuatkuasa. NCIA akan mengunapakai MPSAS 33, terhadap pengiktirafan mengikut Polisi Perakaunan Akruan MPSAS di mana pengecualian terhadap Kerja Dalam Kemajuan, Pelunasan Belanja Pembangunan yang juga melibatkan Liabiliti Geran Tertunda dan Hasil Geran Pembangunan masih menggunakan polisi perakaunan tahun yang terdahulu sehingga tarikh kuatkuasa.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan (Samb.)

2.1.2 Bermula dari tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2020, NCIA telah memilih untuk menggunapakai standard MPSAS yang berkenaan seperti di bawah daripada tarikh kuatkuasa sebenar (tahun 2022). (Samb.)

MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 5	Kos Pinjaman
MPSAS 9	Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran
MPSAS 13	Pajakan
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 17	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 23	Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pemindahan)
MPSAS 24	Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	Manfaat Kakitangan
MPSAS 28	Instrumen Kewangan: Pembentangan
MPSAS 29	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	Pertama Kali Menerima Pakai Asas Akruan MPSAS

Berikut adalah Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS) yang tidak diguna pakai oleh NCIA:

MPSAS 4	Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
MPSAS 6	Penyata Kewangan Disatukan dan Entiti Kawalan Perakaunan
MPSAS 7	Perakaunan Bagi Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu
MPSAS 8	Laporan Kewangan Dalam Syarikat Usaha sama
MPSAS 11	Kontrak Pembinaan
MPSAS 15	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
MPSAS 18	Laporan Segmen
MPSAS 22	Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan
MPSAS 27	Pertanian
MPSAS 32	Konsesi Perkhidmatan Penyusunan: Pemberi
MPSAS 34	Penyata Kewangan Berasingan
MPSAS 35	Penyata Kewangan Disatukan
MPSAS 36	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
MPSAS 37	Pengaturan Bersama
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.23 kepada Penyata Kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.2.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM 500.00 setiap satu.

2.2.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai atau rosotnilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.2.3 Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.2.4 Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian didalam penyata prestasi kewangan.

2.3 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Rosotnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.3.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, Loji dan Peralatan	Kadar tahunan
Tanah pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2%
Kenderaan	25%
Perabot dan peralatan pejabat	20%
Pengubahsuaian	10%
Komputer dan peralatan berkaitan komputer	33.33%

2.3.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Hartanah Pelaburan

2.4.1 Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.4.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos termasuk kos- kos langsung yang terlibat, manakala perolehan melalui urus niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.4.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai penilaian pada nilai pasaran semasa. Nilai pasaran semasa ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran tersiar, sekiranya ada. Perubahan nilai semasa hartanah pelaburan akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan bagi hartanah pelaburan dari kumpulan wang mengurus. Manakala bagi hartanah perlaburan daripada Geran Pembangunan akan diiktiraf ke dalam Akaun Kumpulan Wang Terlibat.

2.5 Aset Tak Ketara

2.5.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada NCIA dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.5.2 Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan pelunasan kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.5.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.5.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun.

2.5.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.5.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.6 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi kerja di dalam kemajuan adalah termasuk kos tanah (sekiranya ada), kos-kos pembinaan dan lain-lain kos yang terlibat secara langsung terkumpul disepanjang proses pembinaan dilaksanakan. Kos –kos ini akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan disusutnilaikan sekiranya ia adalah untuk kegunaan pihak NCIA. Sekiranya ia perlu diserahkan kepada pihak-pihak ketiga kesemua kos-kos ini akan dibelanjakan ke dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tahun dimana serahan kepada pihak ketiga berlaku.

2.7 Aset Kewangan

2.7.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila NCIA menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.7.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.7.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.7.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana NCIA membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.7.5 NCIA hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

i. Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

ii. Pelaburan jangka pendek

Pelaburan jangka pendek merupakan pelaburan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen yang mempunyai tarikh matang yang lebih daripada 3 bulan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.7 Aset Kewangan (Samb.)

2.7.5 NCIA hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut: (Samb.)

Rosotnilai aset kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, NCIA akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

i. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
ii. Pembayaran tertunggak
iii. Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
iv. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam NCIA yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta NCIA telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.8 Peruntukan dan Liabiliti

2.8.1 Peruntukan diiktiraf apabila NCIA mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila NCIA menjangkakan beberapa atau semua peruntukan atau dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.9 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.9.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan NCIA keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.9.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh NCIA. NCIA tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.10 Liabiliti Kewangan

2.10.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila NCIA menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.10.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.10.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.10.4 NCIA mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

i. Urusniaga Pertukaran Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, urusniaga pertukaran belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

ii. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan dipertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.11 Percukaian

NCIA dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua pendapatan pada tahap pendapatan berkanun (kecuali untuk dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2017. NCIA telah menerima lanjutan pengecualian cukai untuk 5 tahun (2018-2022) daripada Kementerian Kewangan.

2.12 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang 3 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.13 Manfaat Pekerja

2.13.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat telah diberikan oleh kakitangan NCIA. Peruntukan yang dijangka untuk pembayaran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar dikenal pasti apabila kakitangan telah memberikan khidmatnya di mana ia akan meningkatkan peluang kakitangan tersebut untuk mendapat ganti rugi. Cuti jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit dikenal pasti apabila ianya berlaku.

Peruntukan dibuat untuk anggaran liabiliti cuti disebabkan oleh perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan.

2.14 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

2.14.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, NCIA mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.14 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan (Samb.)

2.14.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

NCIA akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka NCIA akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, NCIA telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, NCIA menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, NCIA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.15 Maklumat Bajet

2.15.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan yang meliputi bajet operasi sahaja.

2.15.2 Penyediaan Bajet telah mengambilkira aktiviti-aktiviti utama dan perbelanjaan terdahulu NCIA dan objektif serta program-program yang telah dirancangkan. Ia juga termasuk belanja-belanja penting yang membolehkan outcome dicapai.

2.15.3 Jumlah bajet ini telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Pengurusan pada 26 November 2019.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.16 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.16.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.16.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

i. Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

NCIA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, NCIA menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara.

Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

ii. Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. NCIA menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

iii. Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah NCIA adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka NCIA akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan.

Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

iv. Pengukuran Peruntukan

NCIA sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.17 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.18 Pihak Berkaitan

NCIA menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas NCIA, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli NCIA.

2.19 Pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan atau Hartanah Pelaburan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada NCIA.

NCIA pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa NCIA akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, NCIA menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.20 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.20.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.20.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh NCIA termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

ii. Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis NCIA mengikut syarat perjanjian penyewaan dan nilai sewaan yang dikenakan adalah sewa dengan nilai sewaan yang digunakan oleh pasaran.

iii. Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.21.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.21 Nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusniaga yang teratur di antara pihak-pihak yang terlibat pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku samada di pasaran utama atau jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Untuk aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambilkira kemampuan pihak terlibat untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan yang tertinggi dan terbaik atau menjualnya kepada pihak lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, NCIA menggunakan data pasaran yang sebaik-baiknya. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: Harga di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa;

Tahap 2: Input selain daripada harga di pasaran aktif dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan secara langsung atau tidak; dan

Tahap 3: Input yang tidak dapat diperhatikan.

2.22 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Ketidakpastian dalam Sumber Utama Anggaran

2.22.1 Pertimbangan perakaunan kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.22.2 Ketidakpastian dalam sumber utama anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun hutang ragu bagi Belum Terima

NCIA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang buktif objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Lembaga menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.22 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Ketidakpastian dalam Sumber Utama Anggaran (Samb.)

2.22.2 Ketidakpastian dalam sumber utama anggaran (Samb.)

(ii) Perubahan anggaran jangka hayat bagi hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. NCIA menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh 2 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah NCIA adalah dipegang bagi mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian suatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka NCIA akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika suatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

2.23 Kesan pemakaian MPSAS

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan pertama NCIA yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS dimana penyata kewangan NCIA sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan MPERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan semasa adalah selaras dengan yang digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

2.23.1 Pelunasan geran pembangunan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, geran pembangunan dilunaskan mengikut pembayaran yang dibuat. NCIA telah mengubah dasar perakaunan pelunasan geran pembangunan ini di mana geran yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan akan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambilkira perubahan dasar perakaunan ini.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.23 Kesan pemakaian MPSAS (Samb.)

2.23.2 Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan NCIA pada 1 Januari 2019 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

(a) Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2019:

	MPERS RM	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu RM	MPSAS RM
ASET SEMASA			
Wang di tangan dan di bank	141,110,534	-	141,110,534
Perbagai penghutang, deposit dan pendahuluan	2,371,235	-	2,371,235
	143,481,769		143,481,769
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	33,170,991	-	33,170,991
Hartanah pelaburan	22,735,000	-	22,735,000
Kerja dalam pembangunan	-	100,130,312	100,130,312
	55,905,991		156,036,303
JUMLAH ASET	199,387,760		299,518,072
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Kumpulan wang pembangunan	181,521,844	47,308,270	228,830,114
Dana Khas - Teraju	2,923,385		2,923,385
	184,445,229		231,753,499
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai akaun belum bayar dan akruan	3,647,949	-	3,647,949
	3,647,949		3,647,949
JUMLAH LIABILITI	188,093,178		235,401,448
ASET BERSIH	**11,294,582**		**64,116,624**
ASET BERSIH /EKUITI			
Dana pembangunan	-	52,822,042	52,822,042
Lebihan terkumpul	11,294,582	-	11,294,582
JUMLAH ASET BERSIH /EKUITI	**11,294,582**		**64,116,624**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.23 Kesan pemakaian MPSAS (Samb.)

2.23.2 Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan NCIA pada 1 Januari 2019 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut: (Samb.)

(b) Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019:

	MPERS (Dinyatakan Semula) RM	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu RM	MPSAS RM
ASET SEMASA			
Wang di tangan dan di bank	245,650,985	-	245,650,985
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	-	297,852	297,852
Pelbagai penghutang, deposit dan pendahuluan	20,551,364	(297,852)	20,253,512
	266,202,349		266,202,349
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	32,832,550	(172,000)	32,660,550
Hartanah pelaburan	22,820,000	-	22,820,000
Kerja dalam kemajuan	-	127,644,534	127,644,534
	55,652,550		183,125,084
JUMLAH ASET	321,854,899		449,327,433
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Kumpulan wang pembangunan	293,192,441	75,483,415	368,675,856
Dana Khas - Teraju	1,534,688	-	1,534,688
	294,727,129		370,210,544
LIABILITI SEMASA			
Urusniga pertukaran belum bayar	-	213,891	213,891
Pelbagai belum bayar dan perbelanjaan terakru	3,492,857	(385,891)	3,106,966
	3,492,857		3,320,857
JUMLAH LIABILITI	298,219,986		373,531,401
ASET BERSIH	**23,634,913**		**75,796,032**
ASET BERSIH/EKUITI			
Dana pembangunan	-	52,161,119	52,161,119
Lebihan terkumpul	23,634,913	-	23,634,913
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI	**23,634,913**		**75,796,032**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.23 Kesan pemakaian MPSAS (Samb.)

2.23.2 Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan NCIA pada 1 Januari 2019 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut: (Samb.)

(c) Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

	MPERS RM	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu RM	MPSAS RM
HASIL			
Pemberian kerajaan persekutuan	42,390,000	(42,390,000)	-
Faedah dan perolehan pelaburan	4,873,342	-	4,873,342
Lain-lain terimaan	1,151,090	(1,151,090)	-
Geran diiktiraf	125,095,646	(125,095,646)	-
Urusniaga bukan pertukaran	-	139,971,424	139,971,424
Urusniaga pertukaran	-	1,151,090	1,151,090
JUMLAH HASIL	**173,510,078**	**(27,514,222)**	**145,995,856**
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan pejabat	649,513	-	649,513
Sewaan pejabat	245,246	-	245,246
Latihan dan pembangunan modal insan	28,873	-	28,873
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan	328,240	-	328,240
Kos keraian	317,147	-	317,147
Kos perubatan	1,521,770	-	1,521,770
Penyelenggaraan dan pembaikan	1,436,924	-	1,436,924
Peruntukan hutang ragu	99,538	-	99,538
Susutnilai aset tetap	210,224	-	210,224
Kos operasi lain	8,306,135	-	8,306,135
Perbelanjaan pembangunan	123,706,949	(27,514,222)	96,192,727
Perbelanjaan Dana Khas Teraju	1,388,697	-	1,388,697
Emolumen:	-		
Gaji dan upahan	16,438,484	-	16,438,484
Elaun Perjalanan	57,919	-	57,919
Sumbangan berkanun	3,041,252	-	3,041,252
Elaun kenderaan	1,483,777	-	1,483,777
Faedah kewangan lain	1,909,059	-	1,909,059
	161,169,747		**133,655,525**
LEBIHAN TAHUN SEMASA	**12,340,331**		**12,340,331**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

		2020 RM	2019 RM
Tunai dan kesetaraan tunai		**224,887,295**	245,650,985
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
1)	Simpanan Tetap Di Bank-bank dan Institusi Kewangan Berlesen		
	Kumpulan wang pembangunan	**181,000,000**	224,210,693
	Dana khas Teraju	**-**	1,534,688
		181,000,000	225,745,381
2)	Perjanjian belian semula (REPO) di institusi bank berlesen	**21,696,244**	-
3)	Tunai di tangan dan di bank		
	Tunai di tangan	**5,355**	5,355
	Wang di bank*	**22,185,696**	19,900,249
		22,191,051	19,905,604
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai		**224,887,295**	245,650,985

* Termasuk di dalam jumlah wang di bank ialah wang yang mewakili Kumpulan Wang berikut:

	RM
Dana pembangunan	**11,744,160**
Dana khas teraju	**525,315**
Akaun khas Kedah Rubber City	**1,566,853**
	13,836,328

4. PELABURAN JANGKA PENDEK

Pelaburan jangka pendek merupakan simpanan tetap di bank berlesen yang mempunyai tempoh matang melebihi 3 bulan.

5. AKAUN BELUM TERIMA – URUSNIAGA PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Akaun belum terima - sewa premis	**510,821**	297,852
Tolak: Peruntukan hutang ragu	**-**	-
	510,821	297,852

6. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Pelbagai penghutang	**104,117**	2,756,618
Tolak : Peruntukan hutang ragu	**(33,107)**	(33,107)
	71,010	2,723,511
Deposit	**345,466**	709,372
Prabayar	**3,456,043**	3,742,421
Wang pendahuluan projek	**33,189,626**	13,078,208
	37,062,145	20,253,512
Di analisa seperti berikut:		
Kurang daripada 12 bulan	**3,527,053**	6,465,932
Lebih daripada 12 bulan	**33,535,092**	13,787,580
	37,062,145	20,253,512
Pergerakan peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut:		
Baki pada 1 Januari	**33,107**	166,577
Tambahan peruntukan semasa	**-**	99,538
Peruntukan hutang ragu tidak lagi diperlukan	**-**	(233,008)
Baki pada 31 Disember	**33,107**	33,107

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Perabot & Peralatan pejabat RM	Tanah Hakmilik Sementara RM	Bangunan Hakmilik Sementara RM	Ubahsuaian RM	Komputer & Peralatan berkaitan komputer RM	Kenderaan RM	Ubahsuaian di dalam pembinaan RM	Jumlah RM
KOS:								
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	2,708,964	9,660,000	20,340,000	3,031,237	2,383,794	1,609,939	-	39,733,934
Tambahan dalam tahun	33,794	-	-	-	263,643	-	92,414	389,851
Kurangan dalam tahun	(261,353)	-	-	-	(810,101)	(152,113)	-	(1,223,567)
Baki pada 31 Disember 2020	**2,481,405**	**9,660,000**	**20,340,000**	**3,031,237**	**1,837,336**	**1,457,826**	**92,414**	**38,900,218**
SUSUTNILAI TERKUMPUL:								
Baki pada 1 Januari 2020	2,578,225	199,651	511,452	-	2,260,540	1,523,516	-	7,073,384
Susutnilai tahun semasa	49,346	184,292	472,109	331,351	137,254	86,409	-	1,260,761
Kurangan dalam tahun	(260,663)	-	-	-	(809,866)	(152,110)	-	(1,222,639)
Baki pada 31 Disember 2020	**2,366,908**	**383,943**	**983,561**	**331,351**	**1,587,928**	**1,457,815**	**-**	**7,111,506**
NILAI BAWAAN								
Pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	130,739	9,460,349	19,828,548	3,031,237	123,254	86,423	-	32,660,550
Pada 31 Disember 2020	**114,497**	**9,276,057**	**19,356,439**	**2,699,886**	**249,408**	**11**	**92,414**	**31,788,712**
Nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan:								
Aset Operasi	**114,497**	**-**	**-**	**2,699,886**	**249,408**	**11**	**92,414**	**3,156,216**
Aset Pembangunan	**-**	**9,276,057**	**19,356,439**	**-**	**-**	**-**	**-**	**28,632,496**

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Perabot & Peralatan pejabat RM	Tanah Hakmilik Sementara RM	Bangunan Hakmilik Sementara RM	Ubahsuaian RM	Komputer & Peralatan berkaitan komputer RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
KOS:							
Baki pada 1 Januari 2019	2,624,994	9,660,000	20,340,000	2,731,467	2,321,828	1,609,939	39,288,228
Tambahan dalam tahun	83,970	-	-	471,770	61,966	-	617,706
Kurangan dalam tahun	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan semula	-	-	-	(172,000)	-	-	(172,000)
Baki pada 31 Disember 2019 (Dinyatakan semula)	**2,708,964**	**9,660,000**	**20,340,000**	**3,031,237**	**2,383,794**	**1,609,939**	**39,733,934**
SUSUTNILAI TERKUMPUL:							
Baki pada 1 Januari 2019	2,540,453	15,358	39,342	-	2,133,385	1,388,700	6,117,238
Susutnilai tahun semasa	37,772	184,293	472,110	-	127,155	134,816	956,146
Kurangan dalam tahun	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	**2,578,225**	**199,651**	**511,452**	**-**	**2,260,540**	**1,523,516**	**7,073,384**
NILAI BAWAAN							
Pada 1 Januari 2019	84,541	9,644,642	20,300,658	2,731,467	188,443	221,239	33,170,990
Pada 31 Disember 2019 (Dinyatakan semula)	**130,739**	**9,460,349**	**19,828,548**	**3,031,237**	**123,254**	**86,423**	**32,660,550**
Nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan: (Dinyatakan semula)							
Aset Operasi	**130,739**	**-**	**-**	**3,031,237**	**123,254**	**34,200**	**3,319,430**
Aset Pembangunan	**-**	**9,460,349**	**19,828,548**	**-**	**-**	**52,223**	**29,341,120**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

8. PELABURAN HARTANAH

	Tanah dan Bangunan RM	Tanah Pajakan RM	Ubahsuai di dalam pembinaan RM	Jumlah RM
Pada nilai penilaian semula:				
Pada 1 Januari 2020	22,820,000	-	-	22,820,000
Tambahan di dalam tahun semasa	-	730,235	61,025	791,260
Keuntungan daripada perubahan nilai semasa	1,371,000	250,929,765	-	252,300,765
Baki pada 31 Disember 2020	**24,191,000**	**251,660,000**	**61,025**	**275,912,025**

Tanah pajakan merupakan tanah yang dipajak daripada Persuruhjaya Tanah Persekutuan selama 99 tahun bagi pembangunan projek Kedah Rubber City. Tanah ni akan dipajak semula kepada pihak ketiga.

9. ASET TAK KETARA

	Perisian Komputer RM	Jumlah RM
KOS:		
Pada 1 Januari 2020	-	-
Tambahan dalam tahun	58,085	58,085
Baki pada 31 Disember 2020	**58,085**	**58,085**
PELUNASAN TERKUMPUL:		
Baki pada 1 Januari 2020	-	-
Pelunasan tahun semasa	3,236	3,236
Baki pada 31 Disember 2020	**3,236**	**3,236**
AMAUN BAWAAN		
Pada 31 Disember 2020	**54,849**	**54,849**

10. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2020 RM	Dinyatakan semula 2019 RM	Seperti Dinyatakan terdahulu 2019 RM
KOS:			
Baki pada awal tahun	**127,644,534**	-	-
Kesan pelarasan MPSAS	**-**	100,130,312	-
Tambahan dalam tahun	**127,953,509**	27,514,222	-
Baki pada akhir tahun	**255,598,043**	127,644,534	-

Kerja dalam kemajuan adalah kos kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan bagi cadangan projek-projek pembangunan di bawah geran pembangunan.

11. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	Dana Teraju RM	Dana Pembangunan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2019:			
- seperti dinyatakan terdahulu	2,923,385	181,521,227	184,444,612
- kesan pemakaian awal MPSAS	-	47,308,270	47,308,270
Seperti dinyatakan semula	**2,923,385**	**228,829,497**	**231,752,882**
Terimaan dari Kerajaan	-	253,349,200	253,349,200
Pindahan kepada geran mengurus	-	(42,390,000)	(42,390,000)
Pembayaran di dalam tahun semasa	(1,388,697)	(71,112,841)	(72,501,538)
Pada 31 Disember 2019	**1,534,688**	**368,675,856**	**370,210,544**
Pada 1 Januari 2020	**1,534,688**	**368,675,856**	**370,210,544**
Terimaan dari Kerajaan	3,200,000	201,199,998	204,399,998
Pembayaran di dalam tahun semasa	(4,209,373)	(66,708,917)	(70,918,290)
Pada 31 Disember 2020	**525,315**	**503,166,937**	**503,692,252**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

12. PAJAKAN KEWANGAN

	2020 RM	2019 RM
Bayaran minimum pajakan kewangan:		
Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun	**38,021**	-
Bayaran balik diantara lebih dari 1 tahun	**3,864,021**	-
	3,902,042	-
(tolak): Faedah tertunda	**(3,133,786)**	-
	768,256	-
Dianalisa seperti berikut:		
Matang dalam tempoh 1 tahun	**239**	-
Matang selepas tempoh 1 tahun sehingga 5 tahun	**1,203**	-
Matang selepas tempoh 6 tahun sehingga 99 tahun	**766,814**	-
	768,256	-

Pajakan kewangan merupakan nilai semasa jumlah tanggungan bayaran pajakan tanah selama 99 tahun daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

13. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Apex World Security Sdn. Bhd.	**-**	12,570
AWS Jaya Sdn. Bhd.	**355**	320
Berkath Hadam Sdn. Bhd.	**12,884**	24,843
Gagasan Sentral Sdn. Bhd.	**42,631**	78,102
I Engineering Services Sdn. Bhd.	**400**	800
Ibis Security Services Sdn. Bhd.	**39,572**	39,572
Innopest Solutions	**900**	350
Limni Niaga Enterprise	**5,918**	-
MST Facilities Sdn. Bhd.	**-**	39,752
ME Technical Service	**500**	500
Potensi Kita Sdn. Bhd.	**-**	7,800
Rentokil Initial (M) Sdn. Bhd.	**1,738**	50
Sinlico Aluminium & Glass Sdn. Bhd.	**-**	2,900
Tac Cooling Engineering Sdn. Bhd.	**-**	1,200
Thyssenkrup Elevator Malaysia Sdn. Bhd.	**-**	3,582
Utama Cleaning Services	**-**	1,550
V-Cool Engineering Sdn. Bhd.	**10,390**	-
	115,288	213,891

14. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN AKRUAN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Pemiutang	**6,218,929**	2,458,081
Perbelanjaan terakru	**758,407**	648,885
Pendahuluan (Akaun Khas Kedah Rubber City)	**1,942,340**	-
	8,919,676	3,106,966

15. DANA PEMBANGUNAN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Baki pada awal tahun	**52,161,119**	52,822,041
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa aset - Hartanah Pelaburan di Asam Kumbang"	**1,371,000**	85,000
Kos Awal Hartanah Pelaburan Tanah Pajakan KRC	**730,235**	-
Susunilai tahunan hartanah, loji dan peralatan	**(708,621)**	(745,922)
Baki pada akhir tahun	**53,553,733**	52,161,119

Dana pembangunan terdiri daripada geran pembangunan yang digunakan bagi pemilikan tanah dan bangunan.

16. AKAUN KHAS KEDAH RUBBER CITY (KRC)

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Baki pada awal tahun	**-**	-
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa aset	**250,967,786**	-
Belanja faedah atas pajakan kewangan	**(38,021)**	-
Baki pada akhir tahun	**250,929,765**	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

17. HASIL URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Geran mengurus	**40,000,000**	42,390,000
Perlunasan Geran Pembangunan	**66,160,567**	96,192,727
Perlunasan Dana Khas - Teraju	**4,209,373**	1,388,697
	110,369,940	139,971,424

18. EMOLUMEN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Gaji	**20,864,203**	16,438,484
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	**3,458,622**	2,914,034
Kumpulan Wang Keselamatan Sosial	**154,742**	127,218
Elaun kenderaan	**1,833,666**	1,483,777
Elaun perjalanan	**56,525**	57,919
Lain-lain kos	**1,360,837**	1,909,059
	27,728,595	22,930,491

Pada akhir tahun kewangan jumlah keseluruhan kakitangan NCIA adalah seramai 203 orang (2019 :177 orang)

19. KOS OPERASI LAIN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Penginapan dan perjalanan	**2,773,897**	3,373,067
Fi guaman dan profesional	**3,099,964**	2,297,686
Elaun Ahli Majlis NCIA	**94,478**	174,200
Elaun Ahli Jawatankuasa Pengurusan	**40,650**	4,500
Elaun Ahli Jawatankuasa Tender	**9,000**	3,850
Elaun Ahli Jawatankuasa Audit	**9,000**	3,800
Kos percetakan dan alat tulis	**598,737**	326,366
Caj bank	**672**	1,072
Kos utiliti	**1,055,584**	1,416,822
Pos dan penghantaran	**9,452**	4,557
Kos telekomunikasi	**740,941**	591,739
Fi Audit	**42,210**	20,386
Sewaan peralatan lain	**116,752**	88,090
Kerugian daripada perlupusan hartanah, loji dan peralatan	**1,091**	-
Perbelanjaan cukai	**5,593**	-
	8,598,021	8,306,135

20. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	2020 RM	2019 RM (dinyatakan semula)
Infrastruktur/Projek Fizikal	**12,144,340**	51,087,808
Program modal insan	**31,887,464**	15,789,300
Perniagaan tani	**11,929,309**	9,045,555
Pusat kecemerlangan dan Program R&D	**2,500,000**	19,069,533
Kajian	**7,699,454**	1,200,531
	66,160,567	96,192,727

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

21. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, NCIA mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi dan institusi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sahaja.

Objektif NCIA adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. NCIA hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi NCIA bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa NCIA akan menghadapi kesukaran dalam menempuh kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan NCIA kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti NCIA pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2020			
Urusniaga pertukaran belum bayar	115,288	-	115,288
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	8,919,676	-	8,919,676
Pajakan kewangan	239	768,017	768,256
	9,035,203	**768,017**	**9,803,220**
Pada 31 Disember 2019			
Urusniaga pertukaran belum bayar	213,891	-	213,891
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	3,106,966	-	3,106,966
	3,320,857	**-**	**3,320,857**

21. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan NCIA akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan NCIA kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan NCIA dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Aset dan liabiliti kewangan NCIA yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara atas Penyata Prestasi Kewangan NCIA.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

22. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti NCIA sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli NCIA sahaja dimana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Jumlah ganjaran	**153,128**	186,350

23. KOMITMEN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	2020 RM	2019 RM
Diluluskan dan dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	**652,552,525**	442,803,339
Diluluskan dan belum dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	**46,510,489**	87,645,589

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

24. KOMITMEN PERBELANJAAN OPERASI DAN MODAL

	2020 RM	2019 RM
Diluluskan dan dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan operasi dan modal	**3,494,515**	624,048

25. LIABILITI LUAR JANGKA

NCIA telah menandatangani MOU pada 29 Mac 2010 dan perjanjian pada 17 Januari 2011 bagi Program Akuakultur Selinsing Perak (PASP) dengan syarikat Hannan Corporation Sdn Bhd (Hannan). Pihak NCIA telah melakukan penilaian pencapaian projek dan pemeriksaan di lapangan pada 2017 dan memutuskan bahawa Hannan telah gagal memenuhi terma perjanjian. Pihak Hannan juga dikehendaki mengembalikan sejumlah RM25,181,012.80 dana yang telah dikeluarkan oleh NCIA untuk projek ini.

Proses perbicaraan masih berjalan dan Hannan telah membuat tuntutan sebanyak RM8,560,000.00 bagi dana yang diperuntukkan untuk program tersebut.

Penasihat Perundangan NCIA berpandangan bahawa kebarangkalian tuntutan daripada Hannan untuk berjaya adalah rendah.

26. PERISTIWA SUSULAN

Pada 16 Mac 2020, Kerajaan Malaysia mengumumkan pengenaan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") di seluruh negara untuk membendung penyebaran jangkitan COVID-19 di Malaysia berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Sebelum penyata kewangan ini dikeluarkan, Ahli Majlis telah mempertimbangkan kesan dari wabak COVID-19 di Malaysia, yang boleh mempengaruhi kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai NCIA berakhir pada tarikh pelaporan di atasnya.

Pihak Pengurusan NCIA menyimpulkan bahawa kesan peristiwa yang tidak dapat diselaraskan dari wabak COVID-19 tidak memberi pengaruh yang besar untuk nilai saksama aset kewangan dan aset bukan kewangan NCIA, termasuk klasifikasi item semasa dan bukan semasa yang menunjukkan pada tarikh pelaporan.

Memandangkan keadaaan ekonomi semasa, ini sukar bagi pihak Pengurusan NCIA untuk menganggarkan prestasi kewangan dan aliran tunai NCIA untuk tempoh yang berakhir pada 12 bulan berikutnya dari tempoh laporan ini. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan menunjukkan kemampuan mereka untuk terus beroperasi dan sokongan aliran kewangan berterusan NCIA dapat memenuhi kewajipan pembayaran hutang dalam tempoh dua belas bulan berikutnya dari tarikh laporan ini.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Antara Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

1. **Hartanah Pelaburan**

Baki Hartanah Pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM275.91 juta. Berdasarkan laporan penilaian hartanah, nilai saksama hartanah pelaburan Kedah Rubber City dan Asam Kumbang masing-masing telah meningkat sejumlah RM250.93 juta dan RM1.37 juta. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah mengiktiraf peningkatan nilai saksama Hartanah Pelaburan berjumlah RM250.93 juta dalam Akaun Khas Kedah Rubber City dan RM1.37 juta dalam akaun Dana Pembangunan. Peningkatan nilaian saksama Hartanah Pelaburan ini sepatutnya diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan selaras dengan MPSAS 16 perenggan 44. Perkara ini menyebabkan jumlah hasil dan Lebihan Dalam Tahun terkurang nyata sejumlah RM252.30 juta. Selain itu, Akaun Khas Kedah Rubber City dan Dana Pembangunan masing-masing terlebih nyata sejumlah RM250.90 juta dan RM1.37 juta.

2. **Kerja Dalam Kemajuan**

Kerja Dalam Kemajuan merupakan kos projek pembangunan yang sedang dilaksanakan menggunakan geran Kerajaan. Setakat 31 Disember 2020, baki Kerja Dalam Kemajuan seperti di Nota 10 kepada penyata kewangan berjumlah RM255.6 juta. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak mengiktiraf tuntutan bayaran yang telah diterima bagi kerja yang telah dilaksanakan dalam tahun 2020 berjumlah RM5.78 juta. Perkara ini telah menyebabkan Kerja Dalam Kemajuan dan Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar terkurang nyata sejumlah RM5.78 juta.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Pihak Berkuasa

Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah memilih untuk menerima pakai peruntukan peralihan selama tiga tahun bagi pengiktirafan dan pengukuran geran pembangunan di bawah MPSAS 23 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan).

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
6 SEPTEMBER 2021



www.ncer.com.my

DIREKTORI

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
IBU PEJABAT
No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18,
Penang Science Park,
14100 Simpang Ampat,
Pulau Pinang, MALAYSIA
Tel : + (604) 502 0708
Faks : + (604) 502 0194

PEJABAT PERLIS
Aras Bawah, Pejabat Pentadbiran CVIA-IBC,
Jalan Ulu Pauh – Padang Besar,
Chuping, Mukim Titi Tinggi
02100 Padang Besar,
Perlis, MALAYSIA
Tel : + (604) 946 2793
Faks : + (604) 946 2651

PEJABAT KEDAH
No. 30A, Tingkat 2, Wisma PKNK,
Jalan Sultan Badlishah,
05000 Alor Setar,
Kedah, MALAYSIA
Tel : + (604) 732 9881
Faks : + (604) 734 2881

PEJABAT PERAK
Aras 10 (Office 9),
Menara Perak Techno Trade Centre (PTTC),
Bandar Meru Raya,
Off Jalan Jelapang,
30020 Ipoh,
Perak, MALAYSIA
Tel : + (605) 525 3617
Faks : + (605) 525 3615

PEJABAT CYBERJAYA
C-09-02, C-09-3A & C-09-06, iTech Tower,
Jalan Impact, Cyber 6,
63000 Cyberjaya,
Selangor, MALAYSIA
Tel : + (603) 8322 2222
Faks : + (603) 8322 6417